

BAB 4: HASIL DAPATAN

Bab ini melaporkan dapatan kajian tentang kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis bahasa Mandarin dengan pelaksanaan kurikulum, iaitu kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari di salah satu IPTA di Malaysia. Analisis data dalam bab ini menjawab soalan-soalan kajian berdasarkan dapatan kajian daripada dokumen-dokumen kurikulum bahasa Mandarin pada tahap III, jurnal-jurnal berkaitan, pemerhatian kelas dan temu bual daripada tiga orang pensyarah dan sembilan orang pelajar daripada tiga kelas bahasa Mandarin. Laporan dapatan untuk bab ini dibahagikan kepada tema-tema berikut:

- i. Latar belakang tapak kajian dan peserta kajian
- ii. Pelaksanaan kurikulum bertulis bahasa Mandarin
- iii. Kurikulum bahasa Mandarin yang dipelajari pelajar dalam kelas bahasa Mandarin
- iv. Pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin
- v. Kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin

4.1 Kelas untuk Kerja Lapangan

Tapak kajian ini terletak di sebuah bandar raya yang merupakan ibu negeri sebuah negeri di Malaysia. Ketiga-tiga kelas yang terlibat adalah daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Fakulti Akademi Pengajian Bahasa masing-masing. Terdapat lima blok di Fakulti Kejuruteraan, kelas Hanna berada di tingkat lapan, blok tiga di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Kelasnya bermula dari jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari pada setiap hari Jumaat. Kelas Terry terletak di tingkat sebelas, blok lima di Fakulti Kejuruteraan Kimia. Masa kelas Terry bermula dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang pada setiap hari Selasa. Manakala kelas Sophia

adalah daripada Akademi Pengajian Bahasa yang terletak lebih kurang dua kilometer dari kelas Hanna dan Terry. Waktu kelas Sophia bermula dari jam 12.30 tengah hari hingga jam 2.30 petang pada setiap hari Rabu. Sophia menerangkan kelas ini diadakan pada masa sebegini kerana kekurangan tenaga pengajar dan kesukaran untuk mencari masa yang sesuai untuk pelajar (Jrn 2/Sophia/Ruj.1).

Persekitaran Fakulti Kejuruteraan terutamanya sebelum kelas bermula dan selepas kelas bersurai agak sibuk dan bising. Hal ini demikian kerana terdapat ramai pelajar di sini dan kebanyakan pelajar datang ke kelas dengan menunggang motosikal. Lantaran itu, menimbulkan masalah kebisingan dan kesibukan lalu lintas di sekitar fakulti tersebut pada masa tertentu. Kelas di bangunan Fakulti Kejuruteraan agak baharu jika dibandingkan dengan kelas di bangunan Fakulti Akademi Pengajian Bahasa. Pada masa kerja lapangan kajian ini dijalankan, kerja pengubahsuaian kelas sedang dijalankan di kelas daripada Fakulti Akademi Pengajian Bahasa. Justeru itu, ketiga-tiga kali pemerhatian kelas Sophia diadakan di kelas yang berlainan. Namun semua kelas itu berada di tempat yang berhampiran (PK.3/Sophia/Ruj.2). Memandangkan kerja pengubahsuaian sedang dijalankan, kelas-kelas tersebut diselubungi dengan bunyi bising ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Jrn.2/Sophia/Ruj.1). Tambahan, masa kelas Sophia adalah pada masa rehat makan tengah hari, bunyi enjin kenderaan sering didengar kerana bangunan tersebut terletak berhampiran dengan tempat parkir. Selain daripada itu, bunyi bising juga datang daripada pekerja memotong rumput pada masa itu (PK.1/Sophia/Fizikal/Ruj.1).

Terdapat seramai 29 orang pelajar dalam kelas Hanna, yakni 5 orang pelajar perempuan dan 24 orang pelajar lelaki. Tiga orang pelajar yang menjadi peserta kajian untuk kelas Hanna ialah Aiman, Daim dan Ehsan. Kelas Terry mempunyai 32 orang pelajar, yakni 20 orang pelajar perempuan dan 12 orang pelajar lelaki. Tiga orang pelajar Terry yang menjadi peserta untuk kajian ini ialah Farah, Khamal dan Melini.

Sophia mempunyai 20 orang pelajar dalam kelasnya, iaitu dua orang pelajar lelaki dan 18 orang perempuan. Tiga orang pelajar Sophia yang menjadi peserta untuk kajian ini ialah Lisa, Rizal dan Sheila. Jumlah pelajar dalam kelas Hanna dan Terry agak ramai untuk kelas bahasa. Bilangan pelajar dalam kelas Sophia paling sesuai untuk kelas bahasa.

Kedua-dua kelas di Fakulti Kejuruteraan agak kecil dan tidak sesuai diguna pakai untuk kelas Hanna dan Terry yang mempunyai jumlah pelajar yang ramai. Meja kecil yang dipasang pada kerusi digunakan untuk menjimatkan ruang kelas Hanna. Kedudukan meja pelajar dalam kelas Hanna dan Terry dibahagikan kepada dua bahagian. Setiap bahagian kelas Hanna mempunyai tiga baris kerusi dan setiap baris mempunyai lima hingga enam kerusi disusun dari depan kelas ke belakang kelas. Dengan itu, tinggal ruang yang sempit untuk laluan, iaitu lebih kurang sekaki di tengah-tengah kelas. Manakala kelas Terry mempunyai meja dan kerusi yang standard di bahagian depan kelas, dan beberapa buah meja kecil yang dipasang pada kerusi dan kerusi sahaja disusun bersebelah-sebelahan di hujung kelas. Sebelah kiri kelas Terry mempunyai empat baris meja dan sebelah kanan kelas mempunyai dua baris meja. Setiap baris mempunyai lima hingga enam meja disusun dari depan kelas ke belakang kelas. Sungguhpun kelas Sophia mempunyai susunan meja yang sama seperti kelas Hanna, ketiga-tiga kelas yang digunakan semasa pemerhatian kelas Sophia mempunyai meja dan kerusi yang standard serta ruang kelas yang lapang. Lebih-lebih lagi, jumlah pelajar kelas Sophia tidak seramai kelas Hanna dan Terry (PK3/Sophia/Ruj,1).

Keadaan fizikal kelas Hanna dan Terry bukan sahaja tidak sesuai untuk memuatkan begitu ramai pelajar, bahkan juga tidak sesuai digunakan untuk menjalankan ujian mendengar dan ujian bertulis. Hanna berasa tertekan ketika mengawas kelas semasa peperiksaan (TB2/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.2). Daim memberi komen tentang kelas dan mengatakan “dia punya susunan meja itulah rasa sempit sikit”

(TB1/Daim/Bilik/Ruj.1). Untuk kelas Terry pula, pada pemerhatian kelas kedua sebelum ujian mendengar, pelajar tidak dapat menyusun meja seperti yang disuruh Terry, malahan terdapat beberapa orang pelajar yang tidak mempunyai meja untuk menulis, mereka terpaksa meletak kertas jawapan di atas peha untuk menulis semasa menjawab soalan ujian mendengar 1 (PK2/Terry/Rfl/Ruj.1). Hal ini dapat dilihat melalui deskripsi Farah: “Tempat itu agak sempit, kesianlah. Saya okeylah dapat meja, untuk kawan-kawan tak dapat meja itu kesianlah, ada pelajar yang tulis atas kerusi, atas dia punya peha” (TB2/Farah/Fizl/Ruj.1). Farah mengakui beliau meniru jawapan daripada kawan sebelah apabila beliau kurang yakin terhadap sesuatu jawapan. Ini kerana “keadaan dekat senang untuk saya tengok sebelah” (TB2/Farah/Bab.ttt/Ruj.6).

Kelengkapan kelas yang disediakan dalam kelas Hanna termasuk sebuah komputer, sebuah projektor, satu skrin untuk projektor dan papan putih. Namun, sekiranya skrin projektor diturunkan, ia menutupi sebahagian besar papan putih. Ini menyebabkan ruang papan putih yang boleh digunakan oleh pensyarah agak terhad. Di antara tiga kali pemerhatian kelas yang dijalankan, hanya sekali sahaja iaitu pemerhatian kelas pertama Hanna menggunakan fasiliti komputer, projektor dan skrin projektor untuk menyampaikan bahan pengajaran. Daim berasa Hanna cuba memuatkan tulisannya pada tempat yang terhad di papan putih setelah skrin projektor diturunkan, menyebabkan beliau tidak dapat mengesan perkara yang ditulis oleh Hanna kerana tulisannya terlalu kecil (TB1/Daim/Pglm.blj/Ruj.8).

Kelas Terry mempunyai kelengkapan teknologi pengajaran yang sama seperti kelas Hanna kecuali kelas Terry tidak dibekalkan komputer. Manakala kelas Sophia tidak dilengkapi dengan apa-apa kelengkapan teknologi pengajaran, hanya dibekalkan sebuah papan putih. Namun demikian, Sophia boleh meminjam alat-alat seperti projektor dan komputer riba daripada pejabat pentadbiran (TB1/Sophia/Fiz.kls/Ruj.1). Akan tetapi, apabila Sophia memerlukan alat-alat berkenaan, kadang-

kadang masalah seperti petugas tidak berada di pejabat ataupun projektor telah dipinjam oleh pensyarah lain akan berlaku. Maka, pengajaran beliau tidak dapat dijalankan seperti yang dirancangkan (Jrn.2/Sophia/Ruj.2). Sophia menjelaskan hal ini seperti berikut:

“... kebetulan kelas yang diambil untuk selidik ini kebetulan tempat kelas, fasiliti kelas itu kurang, lagipun ada material yang di *upload* dari i-learn itu tak dapat dikongsi bersama pelajar sebab tempat belajar itu tidak ada *wifi*, so ada sedikit kesukaran nak mengajar ... projektor juga susah nak dapat, jadi saya *write* pada *white board*lah”.

(TB2/Sophia/Fzk.kls/Ruj.1)

Selain daripada kelengkapan kelas tersebut, kelas Hanna dan Terry mempunyai penyaman udara tetapi kedua-dua penyaman udara itu tidak berfungsi. Maka edaran udara dalam bilik tersebut bergantung kepada empat buah kipas dinding yang bergantung di empat penjuru dalam bilik Hanna. Kelas Terry pula Cuma mempunyai sebuah kipas berdiri di hadapan kelas. Sungguhpun begitu, tidak ada pensyarah atau pelajar yang memberi komen tentang ketidakselesaan dalam kelas sepanjang masa pemerhatian kelas dijalankan.

Bagi kelas Sophia, kedua-dua kelas semasa pemerhatian kelas pertama dan kedua tidak mempunyai penyaman udara, Cuma ada dua buah kipas dinding. Lebih-lebih lagi kelas diadakan pada masa tengah hari, maka keadaan kelas agak panas (PK.1/Sophia/Ruj.1). Menurut Sophia keadaan kelas sebegitu “sedikit sebanyak mengganggu pembelajaran pelajar, ... kami semua tidak berasa selesa semasa kelas berlangsung (Jrn.2/Sophia/Ruj.1). Keadaan fizikal kelas pada masa pemerhatian kelas ketiga Sophia lebih baik sedikit daripada sebelumnya kerana mempunyai dua buah penyaman udara, walaupun kedua-dua penyaman udara tidak berfungsi dengan baik (PK.3/Sophia/Ruj.1). Kemudahan dan keselesaan kelas merupakan salah satu masalah yang dihadapi Sophia untuk kelas ini, beliau mengatakan “ ... nak *arrange* kelas pun kita hadapi masalah apatah lagi tukar tempat yang lebih selesa, tak mungkin buat masa

ini, fasiliti itu penting bagi saya” (TB2/Sophia/Msl/Ruj.1). Beliau menerangkan seterusnya tentang kelengkapan kelas dengan mengatakan “oleh kerana kekurangan kemudahan dan selalu tidak dapat projektor dan dengan ketiadaan kemudahan internet, banyak yang saya tidak dapat berkongsi dengan pelajar ini” (TB2/Sophia/Msl/Ruj.2).

Daripada ketiga-tiga peserta pensyarah untuk kajian ini, Sophia paling mengambil berat dan mempunyai inisiatif untuk mendapatkan kelengkapan teknologi dan capaian internet dalam kelas. Hanna dan Terry kurang menyentuh tentang topik ini. Bagi Terry, beliau mungkin mengintegrasikan pengajaran beliau dengan teknologi pengajaran sekiranya tempat belajar membekalkan kemudahan berkenaan.

4.2 Peserta Pensyarah

4.2.1 Hanna

Hanna ialah salah seorang daripada pensyarah kontrak dalam bahasa Mandarin di universiti ini. Beliau berasal dari negara China dan mula memeluk agama Islam bila beliau bekerja di New Zealand beberapa tahun yang lepas. Beliau mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda daripada Fakulti Kejuruteraan Elektronik, Universiti Elektronik Sains dan Teknologi China, Chengdu. Semasa kajian ini dijalankan, Hanna sedang mengikuti program Ijazah Sarjana secara sambilan di universiti ini dalam bidang kejuruteraan. Sepanjang masa persekolahan daripada peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti, Hanna mengikuti sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar di negara China (TB1/Hanna/Lb/Ruj.1).

Setelah tamat menuntut di universiti, Hanna bekerja di China selama dua tahun sebelum pergi ke New Zealand. Beliau mengatakan ia meletak jawatan di tanah air sendiri dan belajar serta bekerja di New Zealand selama empat tahun kerana beliau berharap dapat “... memperluas pengalaman dalam kehidupan, pengalamanlah. Ini

kerana kerjaya saya, pelajaran dan kerjaya saya agak lancar, sebenarnya saya seorang pelajar yang rajin, prestasi bekerja juga baik ... Di bawah asuhan ibu bapa saya, saya agak berdikari dan sentiasa mengharapkan kemajuan diri sendiri” (TB1/Hanna/Lb/Ruj.7). Jadi untuk mempunyai pengalaman yang luas dalam kehidupan, Hanna telah bertungkus-lumus untuk belajar dan bekerja demi menyara hidup diri sendiri di New Zealand. Setelah mendapat Sijil Pelancongan dan Tiket Antarabangsa di New Zealand, Hanna mula bekerja di sana dalam bidang perkhidmatan.

Dari segi pengalaman mengajar bahasa Mandarin, Hanna tidak pernah mengajar secara formal dalam bahasa Mandarin, tetapi beliau pernah menjadi tutor peribadi untuk orang asing sebelum beliau menjadi pensyarah kontrak di universiti ini pada awal tahun 2011. Namun, beliau pernah mengajar bahasa Inggeris di pusat tuisyen kawannya di China. Hanna telah mengajar di universiti ini lebih kurang satu tahun setengah semasa kajian ini dijalankan. Dengan kata lain, Hanna mempunyai pengalaman mengajar di universiti ini selama tiga semester. Semester ini merupakan semester keempat Hanna berkhidmat di universiti ini.

Hanna menjelaskan sebagai seorang penganut Islam, perkongsian pengetahuan merupakan satu perkara yang amat bermakna. Oleh sebab itu, beliau memilih untuk menjadi seorang pensyarah. Tambahan, beliau pernah menceburi dalam pelbagai jenis pekerjaan selain daripada mengajar bahasa Mandarin. Dengan itu, kerjaya ini merupakan satu cabaran baharu untuknya. Beliau mempercayai dan memahami diri sendiri dan menerangkan bahawa pekerjaan ini amat sesuai untuk beliau kerana kerajinannya. Hanna mengatakan selain daripada ingin berkongsi pengetahuan dengan pelajar, pekerjaan ini juga dapat menambahkan pengetahuan beliau. Ini merupakan satu perkara yang amat menyeronokkan bagi Hanna (TB1/Hanna/Sbb.mml/Ruj.1).

Secara amnya, Hanna ialah seorang wanita yang mengetahui target yang beliau hendak mencapai dalam kehidupannya, agak berkeyakinan tentang diri sendiri dan

menerima cabaran secara positif. Menurut beliau “ saya faham diri saya sendiri, ... saya tahu saya dapat belajar dengan cepat dan boleh fokus untuk melakukan sesuatu perkara yang baharu” (TB1/Hanna/Sbb.mml/Ruj.2), dan “ ... semasa saya mengajar pelajar di sini, pertama sekali perkara ini tak kira agama atau sebagai seorang wanita, sudi membimbing mereka secara mendalam ... ini kerana ada kalanya semasa mengajar saya benar-benar berasa sebagai seorang yang matang, penyayang, apabila saya mula bergaul dengan budak-budak yang berlainan sikap, mempunyai kebudayaan yang berbeza dengan saya, saya ingin memahami mereka, saya menyedari bahawa saya harus menghadapi perbezaan budaya tersebut dengan jujur dan ikhlas (TB1/Hanna/Sbb.mml/Ruj.4). Hanna menyedari suguhpun beliau dan pelajar ialah penganut Islam, akan tetapi terdapat perbezaan budaya antara beliau dengan pelajar, dan beliau menganggap perkara tersebut sebagai satu cabaran yang boleh ditangani dengan hati yang ikhlas dan jujur.

4.2.1.1 **Pengalaman Mengajar**

Hanna mengekspresikan kecelaruannya apabila beliau baru bertugas di universiti ini. Hal ini demikian kerana pada masa itu beliau tidak mempunyai apa-apa pengalaman secara formal dalam bidang ini. Tambahan, kelas bermula dua tiga hari selepas beliau tiba di Malaysia. Maka, beliau tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk bersedia dan merancang pengajaran sebelum kelas bermula. Namun begitu, beliau mengatakan sebagai seorang penutur natif, beliau tidak menghadapi apa-apa masalah untuk bertutur dalam bahasa Mandarin, semua pengetahuan tentang bahasa Mandarin sudah ada dalam otaknya. Sungguhpun demikian, beliau tidak mempunyai satu rancangan yang sistematik untuk menyampaikan pengajarannya pada masa itu (TB1/Hanna/Pglm/Ruj.15).

Hanna mengakui bahawa beliau pernah melakukan kesilapan dalam proses pengajaran, terutamanya mengajar pada semester pertama (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj. 4).

Setelah mengajar beberapa semester, beliau berasa pengajaran beliau telah bertambah baik dan menjadi semakin sistematik serta kesilapan yang dilakukan semasa pengajaran telah diminimumkan (TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.1). Beliau menerangkan bahawa “... saya seorang yang sudi belajar dan orang yang sentiasa memerhati. Sebenarnya semua benda sudah ada, saya cuma perlu em ...em saya perlu membaca dan rujuk. Sistem pengajaran bahasa Mandarin kepada penutur bukan natif, di negara China terdapat banyak laman sesawang dan telah menjadi satu bidang profesional, saya juga berbincang dengan kawan ...” (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.3). Hanna menyedari bahawa masih mempunyai ruang untuk mempertingkatkan pengajarannya melalui beberapa kaedah tersebut.

Setelah menceburi diri dalam bidang ini, Hanna mengatakan “... pengajaran merupakan satu proses, tidak bermakna awak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin sememangnya awak boleh mengajar bahasa Mandarin” (TB3/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.2). Beliau berpendapat bahawa mengambil inisiatif untuk belajar dan berkongsi pengetahuan sangat penting, beliau sentiasa berusaha untuk melakukan perkara tersebut (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.2). Hanna menerangkan bahawa beliau sentiasa menyesuaikan diri sendiri supaya dapat menerangkan dengan lebih jelas dan memberi gambaran struktur yang menyeluruh kepada pelajar semasa mengajar, terutama sekali ketika mengajar tatabahasa (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.5). Namau, Hanna mengatakan pelajar ialah orang dewasa, maka beliau memberi kebebasan dan keselesaan kepada pelajar untuk belajar sendiri. Beliau tidak layan pelajar seperti kanak-kanak tetapi memotivasikan pelajar untuk belajar (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.2).

Sepanjang masa pengajaran, ketika Hanna menghadapi masalah dalam pengajarannya, beliau pernah merujuk kepada rakan sejawat untuk mendapat nasihat, terutama sekali berkaitan dengan penilaian yang ditetapkan dalam kurikulum (TB1/Hanna/Msl/Ruj.3). Hanna juga mengatakan kekurangan interaksi antara pensyarah

menyebabkan beliau kena belajar sendiri untuk meningkatkan pengajarannya sedikit demi sedikit (TB3/Hanna/Msl/Ruj.1). Beliau berharap mendapat kebenaran daripada pensyarah yang berpengalaman untuk membenarkan beliau membuat pemerhatian kelas dalam kelas mereka. Beliau memberitahu bahawa setakat ini beliau masih tidak mempunyai peluang untuk melakukannya (TB1/Hanna/Msl/Ruj.1&3; TB3/Hanna/Msl/Ruj.1). Selain itu, Hanna juga berbincang dan berkongsi pengetahuan dengan kawan yang berada dalam bidang yang sama di China (TB1/Hanna/Bhn.rjk/Ruj.1 & 2).

Hanna menilai pengajaran diri sendiri dan memberi sendiri 80 markah daripada 100 markah (TB2/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.2). Beliau berasa markah ini masih boleh dipertingkatkan lagi kerana beliau sentiasa mencari maklumat tentang pengajaran dalam bahasa Mandarin untuk penutur bukan natif, memerhati bagaimana orang lain mengajar supaya mencapai satu keseimbangan dalam pengajarannya, (TB2/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.2; TB3/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.5), terutama sekali daripada aspek penguasaan masa mengajar dan memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan interaksi pelajar (Jrn/Hanna/19Dis/Ruj.2; TB3/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.6).

Hanna mengatakan beliau bukan setakat mengajar di kelas, selepas kelas beliau berinteraksi dengan pelajar melalui media sosial seperti *facebook*, membuat rakaman audio dan video sendiri, kemudian berkongsi dengan pelajar di *facebook*. Hanna menyatakan beliau bertanggungjawab sebagai seorang pensyarah dan memberi seberapa banyak maklumat yang boleh, manakala sama ada pelajar mempunyai inisiatif untuk belajar atau tidak, itu di luar kawalannya (TB2/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.2).

4.2.1.2 Pandangan Pelajar Terhadap Hanna

Memandangkan Hanna berasal dari negara China, pelajar yang pertama kali bertemu dengan beliau berasa terkejut, terutamanya dari segi gaya komunikasi Hanna. Aiman boleh menerima cara pengajaran Hanna “cuma nak *adapt* dengan cara

komunikasinya” (TB1/Aiman/Pdgn.psyrr/Ruj. 3). Aiman, Daim dan Ehsan mengatakan pengajaran Hanna agak laju semasa bertutur dalam bahasa Mandarin. Ini menyebabkan mereka mengambil lebih masa untuk memahami pengajarannya. Berdasarkan perkara tersebut Ehsan mengatakan “... payah faham ia punya cara cakap Mandarin, cakupnya macam laju sangat tak faham” (TB1/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.2). Aiman mengatakan: “kelas Mandarin pada hari ini membuatkan saya *tension*”, ini kerana “saya tidak membuat persediaan sebelum masuk ke kelas, keadaan menjadi lebih susah apabila *laoshi* bercakap Mandarin terlalu laju” (Jrn/Aiman/12Sept/Ruj.2). Aiman menerangkan bahawa beliau dapat memahami pengajaran Hanna sekiranya Hanna bercakap perlahan (TB3/Aiman/Bab.ttt/Ruj.1).

Sungguhpun Daim juga berpendapat Hanna bercakap laju dalam kelas, beliau menyukai cara Hanna mengendalikan kelas kerana Hanna boleh bergurau dan tidak begitu tegas dalam kelas jika dibandingkan dengan pensyarah sebelumnya. Pensyarah sebelumnya ada yang sangat tegas, ada pula yang sangat lembut (TB3/Daim/Pdgn.psyrr/Ruj.5). Bagi Daim, Hanna “... lebih *balance*, dia ajar pun tak adalah lembut sangat, *then still* ada *humorous-humorous* sedikitlah” (TB1/Daim/Pdgn.psyrr/Ruj.4&5). Tambahan, “sebab *lecturer* itu macam ... nampak macam ... macam *best*lah dia ajar. *So usually I am happy* jugalah untuk pergi, tak ada rasa macam terpaksa ke, tak ada. Sebab *based on the lecturer itself*, saya rasa macam tak bosanlah. Kelas ini memang boleh rasa seronok dalam itu” (TB1/Daim/Pglm/Ruj.3). Daripada keterangan tersebut, didapati Hanna memenuhi kriteria pensyarah yang ideal bagi Daim, iaitu pensyarah harus mempunyai kepintaran untuk membolehkan pelajar berasa belajar bahasa Mandarin adalah mudah dan menarik (TB3/Daim/Pdgn.psyrr/Ruj.5)

Manakala Ehsan mempunyai pandangan yang bercanggah dengan Daim terhadap Hanna. Ehsan mengatakan pengajaran Hanna pada pemerhatian kelas pertama

agak bosan dan memberi pandangan tentang pengajaran Hanna untuk kelas itu seperti berikut:

“..cara pengajarannya mungkin laju sangat, mungkin ia banyak bercakap Mandarin itulah sebab *last week* kelas mengantuk, sebab dah masuk bab 1 baru ada suruh murid baca. *At least* masa itu buka mulut baru semua masa itu baru segar sikit, kalau memang cara ia mengajar memang mengantuk sikit” .

(TB1/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.3)

Ehsan jelas mengulaskan bahawa Hanna kurang melibatkan pelajar dalam kelas. Hal ini diterangkan lagi dalam temu bual ketiga, iaitu “... sebab kalau *just lecturing* dia saja yang cakap, tapi *student* macam tak ada penglibatanlah ...” (TB3/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.1). Ehsan bercadang memperuntukan 40% masa dalam kelas untuk penglibatan pelajar dan 60% masa untuk pengajaran (TB3/Ehsan/Cdg/Ruj.1). Selain daripada penglibatan pelajar dalam kelas, beliau berharap pensyarah boleh berlawak sikit untuk menghilangkan perasaan mengantuk pelajar dalam kelas (TB1/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.3). Padahal Daim berasa Hanna boleh berlawak dalam kelas (TB1/Daim/Pdgn.psyrr/Ruj.4&5). Walaupun begitu, pandangan Ehsan terhadap pengajaran Hanna semakin baik setelah pemerhatian kelas pertama. Ehsan mengatakan pengajaran Hanna “boleh tahan” (TB2/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.1) pada kelas pemerhatian kedua, cuma beliau sendiri yang tidak dapat mengingat kata dalam kelas tersebut kerana terlalu banyak kata perlu diingat (TB2/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.1).

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga pelajar dalam kajian ini nampak kegigihan Hanna untuk berkongsi pengetahuan dan cuba menyampaikan seberapa banyak maklumat yang boleh dalam setiap kelas. Aiman mendapati pengajaran Hanna telah dirancang dan disusun sebelum masuk ke kelas (TB1/Aiman/Pdg.psyrr/Ruj.7). Merujuk kepada perkara tersebut, Hanna menyatakan beliau bertanggungjawab sebagai seorang pensyarah dan memberi seberapa banyak maklumat yang boleh, manakala sama ada pelajar mempunyai inisiatif untuk belajar atau tidak, itu di luar kawalannya

(TB2/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.2). Selain daripada mengajar, Ehsan berpendapat seseorang pensyarah harus memberi motivasi kepada pelajar untuk menghafal dan membuat ulang kaji kosa kata yang dipelajari, mengaplikasikan kaedah yang mudah untuk difahami pelajar semasa mengajar dan merangsangkan pelajar belajar, supaya pelajar bukan setakat mendapat markah yang tinggi, bahkan boleh bertutur dalam bahasa Mandarin (TB3/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.2).

Daripada perbincangan tersebut, jelas dilihat bahawa pandangan pelajar terhadap pensyarah bergantung kepada individu pelajar. Bagi Daim, pengajaran Hanna adalah menarik dan Hanna boleh berlawak dalam kelas. Manakala Ehsan berpendapat pengajaran Hanna agak membosankan kerana tidak melibatkan pelajar dalam kelas. Selain itu, ketiga-tiga pelajar mendapati Hanna bertutur dengan laju dalam bahasa Mandarin.

4.2.2 Sophia

Sophia berumur 37 tahun. Beliau ialah Melayu yang mengikuti pendidikan jenis kebangsaan Cina di sekolah rendah dan sekolah menengah. Memandangkan majoriti pelajar di universiti ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu, maka bahasa Melayu yang digunakan oleh Sophia dalam kelas bahasa Mandarin lebih senang difahami pelajar (TB1/Lisa/Bab.ttt/ Ruj.1).

Sophia mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengurusan perniagaan dan memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang linguistik. Setelah tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda, beliau diperkenalkan kepada Pusat Bahasa oleh pensyarah di Fakulti Pengurusan Perniagaan di universiti untuk kajian ini tentang kebolehan beliau dalam bahasa Mandarin. Dengan itu, beliau diberi peluang untuk mengajar bahasa Mandarin secara sambilan di Pusat Bahasa selama dua tahun (TB1/Sophia/LB/Ruj.1). Selepas itu, beliau berhenti bekerja selama tiga tahun sebelum ditawarkan biasiswa oleh universiti ini untuk mengikut program Ijazah Sarjana dalam

bidang linguistik di Universiti Malaya pada tahun 2005. Kemudian, Sophia balik semula ke universiti ini dan bekerja sebagai pensyarah tetap dalam bahasa Mandarin pada akhir tahun 2007 sehingga sekarang (TB1/Sophia/Pglm.bkj/Ruj.3).

Sophia memilih kerjaya ini kerana “memang saya minat mengajar pun. Kalau tak mengajar bahasa Mandarin pun lain-lain” (TB1/Sophia/Pglm.bkj/Ruj.2). Sophia merupakan pensyarah yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pengajaran beliau agar dapat memanfaatkan pelajar. Beliau juga mengulang kaji setiap bab sebelum beliau mula mengajar dalam kelas (Jrn 2/Sophia/Ruj.2). Namun, beliau mengatakan ia lemah sedikit dan bergerak perlahan kerana mengandung semasa kajian ini dijalankan. Hal ini serba sedikit mempengaruhi pengajaran yang sedang berlangsung (Jrn 2/Sophia/Ruj.1).

Sophia mengatakan pengajaran beliau ada kalanya cenderung kepada memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi, kadang-kadang pula perlu menjadi seorang pensyarah tradisional supaya pelajar lebih memahami kandungan pengajaran yang disampaikan (TB3/Sophia/Tgp.sdr/Ruj.1). Pengajaran Sophia biasanya adalah seperti berikut: “Pensyarah kepada pelajar, pelajar berinteraksi bila pensyarah bertanyakan soalan saja ... kelas ini tak banyak tanya soalan, ia macam *one way* saja, *we give they take, one way* saja ...” (TB1/Sophia/Pdgn.plj/Ruj.3). Justeru itu, Sophia memberi 70 markah untuk diri sendiri terhadap pengajarannya (TB3/Sophia/Ksjj.kurr/Ruj.1). Sophia menerangkan masih mempunyai 30 markah lagi untuk meningkatkan pengajarannya dengan melakukan aktiviti kelas yang membolehkan pelajar mempraktikkan bahasa Mandarin dalam kelas (TB3/Sophia/Ksjj.kurr/Ruj.2) sebab “... yang ada sekarang kita *just* sampaikan vocab-vocab yang baru, lepas itu buat latihan, lepas itu menulis karakter, tapi macam *content* apa yang mereka belajar itu macam *communicate* itu macam masa tak gunakan nak

suruh secara individu, nak bercerita tak cukup masa, *apply* terus perbualan” (TB1/Sophia/Pdgg/Ruj.4).

Sepanjang masa pengajaran, sekiranya Sophia menghadapi masalah dalam pengajaran, Sophia selalu merujuk kepada pensyarah senior ataupun mencari kaedah penyelesaian daripada internet. Namun, Sophia mengatakan merujuk kepada pensyarah senior yang berpengalaman lebih berkesan daripada bahan atau maklumat yang diperolehi daripada internet (TB1/Sophia/Sbr.ruj/Ruj.1).

Setelah pelajar tamat kursus ini, Sophia masih berhubung dengan pelajar melalui sosial media seperti *facebook*, khidmat pesanan ringkas (*sms*) dan lain-lain peranti elektronik. Terdapat sebilangan kecil pelajar yang boleh berinteraksi dengannya dalam bahasa Mandarin, “mereka boleh tanya khabar, *online chatting* tapi tak ramai yang *commit*, ada *a few students* yang sentiasa *commit*” (TB1/Sophia/Pdgg/Ruj.3).

4.2.2.1 Pengalaman Mengajar

Sophia cuma mempunyai pengalaman mengajar di universiti ini sahaja. Beliau mengatakan kaedah pengajaran masa dahulu dengan sekarang agak berbeza, terutama sekali sekarang mempunyai pelbagai media dan telekomunikasi yang boleh membantu pengajarannya. Meskipun begitu, kekurangan kemudahan dalam kelas untuk kajian ini menyebabkan “kebanyakan masa pengajaran dilakukan secara manual atau tradisional, iaitu menulis di atas papan putih. Ini agak memakan masa dan kurang menarik” (TB2/Sophia/Msl/Ruj.1).

Sophia berasa perbezaan yang paling nyata sepanjang masa pengalaman pengajaran beliau dari masa mengajar secara sambilan hingga sekarang adalah sikap pelajar (TB1/Sophia/Pydn/Ruj.2). Sophia mengatakan:

“Yang pelajar dulu ia memang *serious*, ia betul-betul minat. Bila ini ada *extra effort* apa yang kita ajar ini, ia akan buat latihan sendiri, ia akan minta latihan *extra*. Macam sekarang *student* habis kelas, *that's it*, sampai *next week* baru belajar balik ...”

(TB1/Sophia/Pdgn.plj/Ruj.1)

Sophia menerangkan bahawa pelajar dahulu sentiasa merebut-rebut untuk membaca dalam kelas kerana mereka minat. Manakala pelajar sekarang lebih suka tunduk saja bila disuruh untuk membaca dalam kelas (TB1/Sophia/Pdgn.plj/Ruj.2). Ini menyebabkan pelajar dahulu belajar lebih daripada kandungan yang terdapat dalam buku, dan sentiasa merujuk kepada pensyarah sekiranya mereka menghadapi masalah ataupun untuk mendapatkan bahan tambahan.

Manakala pelajar sekarang bergantung kepada teknologi iaitu mencari maklumat daripada laman sesawang, terutamanya untuk menyiapkan projek mereka. Pelajar menggunakan kemudahan di internet untuk menterjemahkan skrip tanpa menyemak dan membetulkan kesilapan yang diterjemahkan daripada internet (TB1/Sophia/Pdgn.plj/Ruj.1). Sungguhpun mendapat maklumat daripada internet adalah trend sekarang untuk belajar, namun pelajar harus mempunyai kepintaran untuk memilih dan menjadikan informasi internet sebagai rujukan demi menyempurnakan projek atau pembelajaran pelajar, bukan meniru bulat-bulat daripada internet tanpa pemahaman pelajar sendiri.

4.2.2.2 Pandangan Pelajar Terhadap Sophia

Ketiga-tiga pelajar iaitu Lisa, Rizal dan Sheila mengatakan mereka tidak mempunyai masalah dengan Sophia dari segi bahasa Mandarin dan bahasa Melayu Sophia dalam kelas (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.9; TB1/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.4; TB1/Sheila/Pdgn.psyrr /Ruj.1). Ini kerana Sophia ialah orang Melayu, memang tidak mempunyai masalah apabila beliau berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Malahan, Lisa mengatakan beliau memahami bahasa yang digunakan Sophia termasuk bahasa Mandarin kerana bahasa Mandarin yang digunakan oleh Sophia merupakan perkara yang telah mereka pelajari ataupun perkara yang mereka sedang belajar (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.9).

Sophia ialah seorang pensyarah yang pandai berlawak. Bagi Rizal ini penting kerana pelajar tidak akan mengantuk dan berasa bosan dalam kelas (TB1/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.10). Lisa mengatakan keupayaan Sophia berlawak dalam kelas menyebabkan pelajar berasa relaks dan hilang penat walaupun telah mengikuti beberapa jam kuliah sebelum kelas Sophia (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.4). Sophia juga ialah seorang pensyarah yang mesra dengan semua pelajar dan memberi perhatian kepada pelajar (TB2/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.5; Jur/Sheila/ 12Sept/ Ru.1). Perlakuan Sophia tersebut menyebabkan Sheila memanggilnya pensyarah yang “*student-friendly*” (TB1/Sheila/Pdgn.psyrr/Ruj.2). Rizal menerangkan selanjutnya “dia agak mesra dengan semua pelajar, dia boleh apa memberi perhatian kepada pelajarinya, dia akan bertanya soalan kepada setiap pelajar supaya pelajar dapat fokus kepada pengajaran pada hari tersebut” (TB2/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.5). Sungguhpun Rizal suka kaedah penyampaian Sophia, beliau memberi komen bahawa ada kalanya Sophia mengajar terlalu laju (TB1/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.7).

Selain itu, Lisa dan Sheila berpendapat pengajaran Sophia adalah tersusun dan senang difahami (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.5; TB1/Sheila/Pdgn.psyrr/ Ruj.4). Lisa menerangkan kaedah pengajaran Sophia dalam kelas seperti berikut:

“Selalunya ‘laoshi’ akan ajar kami suku kata dahulu, suku kata, kemudian kita akan baca dia punya perbualanlah, sambil itu laoshi pun akan terangkan, macam suku kata ini boleh guna untuk buat ayat macam mana, tak semestinya ikut dalam buku teks saja ...”

(TB1/Lisa/Pglm/Ruj.1)

Lisa menerangkan seterusnya bahawa ada kalanya Sophia mengaplikasikan kaedah pengajaran kosa kata secara bercerita, yakni tidak tertumpu pada buku sahaja, kaedah tersebut agak kreatif. Rizal bersetuju dengan pandangan tersebut dan mengatakan “cara penyampaian dia saya suka, cara dia membuat beberapa jenis carta-carta ataupun diagram, membuat peta, graf yang dia buat tu, saya rasa yang lebih memberi kefahaman kepada saya” (TB1/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.7). Lisa suka pensyarah bertanya soalan kepada

pelajar secara individu untuk menilai pelajar setelah habis mengajar sesuatu bab, akan tetapi Sophia tidak tegas dan melakukan perkara tersebut untuk setiap bab seperti yang diharapkan oleh Lisa tersebut (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.1).

Pandangan pelajar terhadap Sophia dan suasana pengajaran dan pembelajaran kelas Sophia dapat dirumuskan berdasarkan deskripsi Sheila terhadap Sophia seperti berikut :

“Laoshi’s classes are fun and are taught in a relaxed environment. I think everyone in the class likes her and feels like we can approach her. If I am having problems, I am sure laoshi would help me the best way she could”

(Jrn/Sheila/12Sept/Ruj.1)

Sheila memerikan Sophia sebagai seorang pensyarah yang senang didekati dan sudi memberi pertolongan sekiranya pelajar menghadapi masalah. Maka pelajar tidak akan berasa takut untuk bertanya sekiranya mempunyai masalah dalam pembelajaran bahasa Mandarin (TB1/Sheila/Pdgn.psyrr/Ruj.2). Bagi ketiga-tiga pelajar tersebut, pengajaran Sophia amat menarik dan dapat mewujudkan satu suasana pembelajaran yang relaks ataupun dalam suasana yang santai, maka pelajar tidak akan rasa tertekan untuk belajar dalam kelas Sophia (TB1/Sheila/Pdgn.psyrr/Ruj.2).

4.2.3 Terry

Terry berumur 36 tahun. Kedua-dua kelayakan akademik Terry iaitu Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana beliau adalah dalam bidang pengajian Tionghua. Terry diasuh di bawah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah menengah jenis kebangsaan sebelum menuntut di universiti (TB1/Terry/LB/Ruj.1).

Terry mengatakan sebab beliau memilih kerjaya ini kerana minat beliau terhadap bahasa Cina. Minat beliau terhadap bahasa Cina berasal daripada dorongan yang diberi oleh guru bahasa Cina beliau semasa persekolahan (TB1/Terry/Sbb.mml/Ruj.1). Sebagai pensyarah bahasa Mandarin di universiti, Terry berasa mengajar mengikut sukatan pelajaran dan menghabiskan semua kandungan dalam buku teks merupakan

tanggungjawab utama beliau. Sehubungan dengan itu, beliau berharap pelajar boleh bertutur dalam bahasa Mandarin sekurang-kurangnya berkaitan dengan topik yang terdapat dalam sukatan pelajaran (TB3/Terry/Pdgn.sdr/Ruj.1).

Terry memberi markah 70% untuk diri sendiri terhadap pengajarannya. Beliau mengatakan pengajaran beliau masih boleh dipertingkatkan lagi dari segi memperbanyak latihan dan masa untuk menjalankan aktiviti dalam kelas (TB1/Terry/Pdgn.sdr/Ruj.1). Selain itu, Terry juga terlibat dalam pembentukan kurikulum intensif dalam bahasa Mandarin untuk pelajar selepas mengikuti ketiga-tiga tahap kursus bahasa Mandarin di universiti ini. Penglibatan beliau tersebut khususnya adalah dari segi penulisan buku teks (TB1/Terry/Kurr/Ruj.3).

Terry mengatakan sekiranya beliau menghadapi masalah dalam pengajaran, beliau akan merujuk kepada rakan sejawat terutama sekali pensyarah senior untuk mendapat nasihat daripada mereka. Ada kalanya beliau juga mencari maklumat daripada kajian-kajian lepas untuk menyelesaikan masalah ataupun mencari jawapan untuk menjawab soalan yang ditujukan kepadanya (TB1/Terry/Sbr.ruj/Ruj.1).

4.2.3.1 Pengalaman Mengajar

Terry telah berkhidmat di universiti ini selama tujuh tahun. Sebelum beliau menjadi pensyarah di universiti ini, beliau pernah bekerja di Universiti Putra Malaysia dan di cawangan Kolej Tengku Abdul Rahman sebagai pensyarah bahasa Mandarin (TB1/Terry/Pglm/Ruj.1). Pada masa itu, pelajar Terry adalah terdiri daripada pelbagai kaum, termasuk Cina, Melayu dan India. Semasa mengajar di UPM, bahasa pengantar ialah bahasa Melayu, manakala beliau menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di cawangan Kolej Tengku Abdul Rahman.

Beliau mengatakan pengalaman mengajarnya di kedua-dua tempat tersebut dapat membantu beliau untuk mengajar bahasa Mandarin di universiti ini, terutama sekali pengalaman mengajar di cawangan Kolej Tengku Abdul Rahman

(TB1/Terry/Pglm/Ruj.2). Pelajar Terry di cawangan Kolej Tengku Abdul Rahman ialah pelajar dewasa yang sedang bekerja dalam pelbagai bidang, maka pelajar banyak bertanya soalan dalam kelas. Oleh sebab itu, beliau sentiasa bersedia untuk menjawab soalan daripada pelajar (TB1/Terry/Pdgn.plj/Ruj.1). Pengalaman tersebut memberi impak kepada beliau dari segi teknik pengajaran dan kaedah untuk menarik perhatian pelajar dalam kelas (TB1/Terry/Pglm/Ruj.1).

Selain itu, Terry mengatakan faktor-faktor yang membolehkan beliau mengajar dengan lebih baik dan berkesan di cawanagn Kolej Tengku Abdul Rahman adalah seperti kelengkapan kemudahan teknologi dalam kelas, saiz kelas yang tidak melebihi 25 orang pelajar dan mempunyai seorang tutor menolong beliau mengendalikan kelas (TB1/Terry/Pglm/Ruj.3).

4.2.3.2 Pandangan Pelajar Terhadap Terry

Ketiga-tiga pelajar mengatakan Terry ialah seorang pensyarah yang kelakar (TB1/ Farah/Pdgn.psyrr/ Ruj.7; TB1/Khamal/Pdgn.psyrr/ Ruj.4; TB3/Melini/Pdgn.psyrr/Ruj.7). Stail Terry yang selalu berlawak dalam kelas merupakan perkara yang paling Farah suka terhadap Terry. Khamal pula mengatakan Terry “... dia sempoi, dia *friendly*, dia buat lawak, kadang kelas tak bosan ...” (TB1/Khamal/Pdgn.psyrr/Ruj.4). Khamal mengatakan sebagai seorang pensyarah, beliau mesti boleh menarik perhatian pelajar dalam kelas melalui kaedah pengajaran yang menarik supaya pelajar tidak berasa bosan dan tertekan dalam kelas. Dengan itu, pensyarah dapat memupuk minat pelajar terhadap subjek yang dipelajari. Bagi Khamal, Terry dapat melakukan perkara tersebut jika dibandingkan dengan pensyarah sebelumnya (TB3/Khamal/Pdgn.psyrr/Ruj.2). Melini memberi contoh seperti “kedai kopi” dalam bahasa Mandarin ialah 咖啡店, yang 店 (diàn) itu kalau salah sebut akan menjadi 癡 (diān) yang bermaksud “gila” bukan “kedai” (TB3/Melini/Pdgn.psyrr/Ruj.7) untuk menunjukkan

pengajaran Terry yang menarik dan berlawak. Kaedah tersebut juga menyebabkan beliau lebih senang mengingati sebutan sesuatu kosa kata.

Selain yang dinyatakan tersebut, Farah mengatakan pengajaran Terry memang tersusun dan jelas (TB1/Farah/Pdgn.psyrr/Ruj10) dan beliau sentiasa membetulkan sebutan pelajar (TB3/Farah/Pdgn.psyrr/Ruj.4). Khamal berasa percakapan Terry lebih senang difahami jika dibandingkan dengan pensyarah sebelumnya yang berasal dari negara China (TB1/Khamal/Pdgn.psyrr/Ruj.2). Melini mengatakan Terry dapat memotivasikan pelajar menggunakan bahasa Mandarin untuk bertutur dalam kelas sungguhpun pelajar takut melakukan kesilapan dalam sebutan. Melini merujuk kepada percakapan Terry berkenaan dengan hal tersebut, yakni “biar orang gelak dalam kelas, jangan kita cakap kat luar orang gelakkan kita dekat luar ...” (TB3/Melini/Pdgn.psyrr/Ruj.9). Percakapan Terry tersebut telah menyebabkan Melini lebih berani mencuba dalam kelas kerana “kalau salah pun tak apa, ‘laoshi’ dah cakap macam tu kita tahu” (TB3/Melini/Pdgn.psyrr/Ruj.9).

Dariapda perbincangan tentang pandangan pelajar terhadap Hanna, Sophia dan Terry tersebut, didapati ketiga-tiga pensyarah mempunyai ciri-ciri pensyarah seperti berlawak dan kelakar, mesra dan senang didekati, memberi perhatian dan motivasi kepada pelajar, menyampaikan pengajaran yang mudah difahami, tersusun, kreatif dan menarik.

4.3 Peserta Pelajar

Terdapat sembilan orang pelajar iaitu tiga orang pelajar daripada setiap kelas untuk kajian ini. Aiman, Daim dan Ehsan berada dalam kelas Hanna. Lisa, Rizal dan Sheila daripada kelas Sophia dan Farah, Khamal dan Melini merupakan pelajar Terry.

4.3.1 Aiman

Aiman berumur 21 tahun, berasal dari Selayang, Selangor. Aiman belajar di sekolah kebangsaan daripada sekolah rendah hingga tingkatan tiga. Pada masa tingkatan empat dan lima, beliau belajar di asrama penuh. Selepas itu, beliau masuk ke Universiti Teknologi MARA untuk mengikuti program asasi. Seterusnya, beliau mengikuti program Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan mekanikal di universiti ini sehingga sekarang.

Kebanyakan masa Aiman menggunakan bahasa Melayu apabila bertutur dengan ahli keluarga, rakan sekelas dan rakan-rakan, cuma sekali-sekala beliau menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian. Meskipun pada tingkatan satu hingga tingkatan tiga, Aiman mempunyai rakan sekelas yang terdiri daripada pelbagai kaum, termasuk kawan yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin, Aiman tidak pernah bertutur dengan mereka dalam bahasa Mandarin. Ini bermakna sebelum Aiman mengikuti kursus bahasa Mandarin di universiti ini, beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang bahasa Mandarin.

Aiman memilih subjek bahasa Mandarin sungguhpun universiti ini menawarkan pelbagai bahasa ketiga ataupun bahasa asing kerana “ ... kalau kita tengok bahasa - bahasa yang disediakan, er ... er dalam banyak bahasa, bahasa ini dekat Malaysia ini yang boleh aplikasikanlah” (TB1/Aiman/Sbb.mml/Ruj.1). Persekitaran yang sesuai untuk mengaplikasikan bahasa Mandarin di luar kelas telah merangsangkan Aiman untuk belajar bahasa Mandarin (TB3/Aiman/Sbb.mml/Ruj1).

Aiman berharap setelah mengikuti kursus ini beliau boleh memahami percakapan orang lain dan boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Daripada empat kemahiran asas bahasa, Aiman memberi keutamaan kepada kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Mandarin, diikuti dengan kemahiran menulis tulisan Cina dan membaca (TB1/Aiman/Hrp.kus/Ruj.1). Dengan kata lain, keperluan Aiman terhadap

bahasa Mandarin adalah untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur. Hal ini adalah sejajar dengan objektif kursus ini (Informasi Kursus, 2011). Namun, beliau menyatakan agak susah sedikit untuk menguasai kemahiran bertutur. Ini kerana Aiman melihat diri sendiri sebagai pelajar yang pemalu dan agak lembab serta kurang mengambil bahagian dalam kelas. Apatah lagi Hanna jarang-jarang memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian dalam kelas (TB3/Aiman/Pcp/Ruj.2).

Aiman menjelaskan bahawa belajar bahasa Mandarin memang seronok, tetapi ada kalanya tidak seronok juga kerana berasa tertekan, terutamanya semasa peperiksaan (TB3/Aiman/Pdng.kus/Ruj.1). Walaupun begitu, Aiman memahami peperiksaan dapat mendorong beliau untuk belajar sungguhpun beliau agak tertekan semasa peperiksaan (TB1/Aiman/Pdng.pnl/Ruj.1). Selain itu, Aiman memberi markah antara 30% hingga 40% untuk diri sendiri dari segi keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini (TB3/Aiman/Pcp/Ruj.5).

4.3.2 Daim

Daim berumur 21 tahun. Beliau berasal dari Shah Alam, Selangor. Dari sekolah rendah hingga sekolah menengah, Daim belajar di sekolah kebangsaan. Walaupun terdapat rakan sekelas yang fasih dalam bahasa Mandarin pada masa itu, mereka bercakap dalam bahasa Melayu. Daim tidak mengambil peluang tersebut untuk mempelajari bahasa Mandarin daripada mereka. Selepas itu, beliau masuk ke Universiti Malaya untuk mengikuti program Matrikulasi dalam bidang Fizik selama setahun. Setelah tamat program matrikulasi, Daim masuk ke universiti ini untuk mengikuti program kejuruteraan mekanikal di Fakulti Kejuruteraan.

Daim biasanya menggunakan bahasa Melayu dan kadang-kadang menggunakan bahasa Inggeris apabila bertutur dengan ahli keluarga dan kawan. Setelah belajar bahasa Mandarin, Daim pernah bercakap satu dua ayat dengan kawan dalam bahasa Mandarin. Tempat kediaman Daim dikelilingi oleh keluarga Melayu yang tidak bertutur dalam

bahasa Mandarin. Kebelakangan ini terdapat satu keluarga Cina yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin pindah ke tempat kediaman Daim. Namun, Daim tidak pernah bercakap dengan mereka dalam bahasa Mandarin lagi.

Daripada pelbagai bahasa yang ditawarkan di universiti ini, Daim memilih bahasa Mandarin daripada tujuh bahasa yang ditawarkan demi memenuhi syarat keperluan universiti. Ini merupakan kali pertama Daim belajar bahasa Mandarin. Sebelum ini beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang bahasa ini. Beliau mengatakan ia memilih bahasa Mandarin kerana mengharapkan gred yang cemerlang, boleh bertutur fasih dan memahami pertuturan orang lain dalam bahasa Mandarin. Beliau menerangkan selanjutnya bahawa bahasa Mandarin mempunyai prospek kerjaya yang lebih baik sekiranya ingin bekerja di syarikat Cina di Malaysia (TB1/Daim/Sbb.mml/Ruj.3).

Minat Daim terhadap bahasa ini juga menyebabkan beliau tidak berasa keberatan atau malas untuk menghadiri kelas bahasa Mandarin (TB3/Daim/Sbb.mml/Ruj.1). Beliau menanti-nanti untuk menghadiri kelas Mandarin kerana tiap-tiap kali masuk ke kelas, terdapat perkara baharu yang dipelajari (TB1/Daim/Pglm/Ruj.2). Tambahan, Daim juga suka cara pengajaran dan pengendalian kelas Hanna kerana pelajar boleh berlawak dalam kelas (TB1/Daim/Pglm/Ruj.3). Daim teringin sangat hendak memahami pertuturan dalam bahasa Mandarin kerana di Malaysia bahasa Mandarin di dengar setiap hari (TB1/Daim/sbb.mmm/Ruj.3).

Dari segi keupayaan bertutur dan mendengar dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini, Daim menerangkan beliau masih belum mencapai objektif ketika memilih kursus ini. Ini kerana beliau belajar bahasa Mandarin setakat untuk menghadapi peperiksaan. Untuk mencapai objektif untuk bertutur di luar kelas, Daim mengatakan “... kena hafal lagi *and then* kena *try* lagi *conversing* orang yang bercakap Mandarin” (TB3/Daim/Pcp/Ruj.9).

4.3.3 Ehsan

Ehsan berumur 21 tahun. Beliau berasal dari negeri Sarawak. Ehsan belajar di sekolah kebangsaan rendah dan menengah, maka beliau tidak pernah bertutur dalam bahasa lain selain daripada bahasa Melayu pada masa persekolahan tersebut. Selepas itu, beliau mengikuti program matrikulasi dalam bidang fizik di Labuan selama setahun sebelum beliau masuk ke universiti ini. Ehsan sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan mekanikal semasa kajian ini dijalankan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang Ehsan gunakan di rumah dan dengan kawan-kawan. Manakala setelah Ehsan mengikuti kursus bahasa Mandarin di universiti ini, beliau pernah bertutur dengan jiran di Sarawak dalam bahasa Mandarin tetapi cuma beberapa kali sahaja. Beliau mengatakan setiap kali bertutur dalam bahasa Mandarin, beliau mengulangi ayat yang sama saja, contohnya “Ni jiao shenme mingzi?” (Siapa nama anda?), “Ni zhu zai nali?” (Anda tinggal di mana?), “Ni hao ma?” (Apa khabar?) dan “Wanshang hao” (Selamat Malam) (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.16).

Ehsan memilih untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin di universiti ini kerana minat beliau terhadap bahasa ini. Selain daripada itu, Ehsan menerangkan oleh sebab wajahnya mirip orang Cina, apabila beliau membeli-belah di kedai, terdapat pekedai yang bertutur dengannya dalam bahasa Mandarin. Dengan itu, beliau menjelaskan bahawa di Malaysia terutama sekali di kedai-kedai mempunyai persekitaran yang membolehkan beliau mengaplikasikan bahasa yang dipelajari. Ehsan pernah terdedah kepada pertuturan dalam bahasa Mandarin, walaupun beliau tidak memahami percakapan mereka pada masa itu. Hal ini telah menanam minat Ehsan untuk belajar bahasa Mandarin agar dapat memahami percakapan pekedai dan membalas percakapan mereka. (TB1/Ehsan/Sbb.mml/Ruj.1). Tambahan, nilai ekonomi bahasa Mandarin kerana pasaran yang luas di negara China juga adalah sebab beliau memilih bahasa Mandarin di universiti ini (TB1/Ehsan/Sbb.mml/Ruj.2).

Justeru itu, Ehsan berharap beliau boleh bertutur dalam bahasa Mandarin dengan lancar, terutamanya dari segi memberi sapaan dan semasa membeli-belah, bukan setakat untuk mendapat gred yang baik dalam peperiksaan sahaja (TB1/Ehsan/Hrp.krs/Ruj.2&3). Namun, Ehsan berasa diri sendiri kurang rajin untuk belajar bahasa Mandarin dan belajar bahasa Mandarin untuk peperiksaan sahaja (TB1/Ehsan/Pdgn.sdr/Ruj.1). Beliau cuma memperuntukan 30% kesungguhan beliau dalam pembelajaran bahasa Mandarin (TB3/Ehsan/Pdgn.sdr/Ruj.2). Ehsan menyedari bahawa beliau tidak memainkan peranan sebagai seorang pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin, iaitu sentiasa mengulang kaji dan mempraktikkan bahasa yang dipelajari, kerana beliau lebih menumpu perhatian kepada subjek lain yang mempunyai peperiksaan akhir.

Beliau anggap subjek bahasa Mandarin sebagai satu subjek yang kurang penting, tambahan menghadapi masalah kekangan masa kerana memperuntukkan masa untuk mengulang kaji subjek yang lain. Ada kalanya bila beliau terfikir hendak belajar bahasa Mandarin, tetapi beliau berasa malas dan tidak dapat menumpukan perhatiannya ketika belajar (TB3/Ehsan/Pdgn.sdr/Ruj.1). Ehsan memahami usaha beliau seperti tersebut setakat dapat mencapai gred yang memuaskan dari segi akademik, bukan harapan beliau ketika memilih kursus ini, iaitu berupaya berkomunikasi dengan lancar dalam bahasa Mandarin. Sungguhpun begitu, Ehsan berasa sungguh gembira apabila beliau dapat memahami sedikit perbualan daripada siaran radio dalam bahasa Mandarin setelah beliau mengikuti kursus ini selama tiga semester (Jrn/Ehsan/10Mac13/Ruj.2).

4.3.4 Lisa

Lisa berumur 20 tahun. Beliau dilahirkan di Johor Bahru tetapi dibesarkan di Melaka. Pada masa Lisa berumur 13 tahun hingga 17 tahun, beliau balik ke Johor Bahru kerana memasuki sekolah berasrama penuh di Johor Bahru. Setelah tamat belajar di sekolah berasrama penuh, Lisa mengambil program asasi di Melaka. Kini, Lisa

sedang mengikuti program Sarjana Muda di Jabatan Bahasa Inggeris dan Linguistik, Fakulti Akademi Pengajian Bahasa di universiti ini dalam bidang bahasa Inggeris komunikasi profesional.

Lisa biasanya menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian. Beliau pernah belajar di tiga buah sekolah rendah yang berlainan di Johor Bahru. Pada masa Lisa belajar di sekolah rendah pertama dan kedua, Lisa menggunakan bahasa Inggeris ketika bertutur dengan rakan sekelas yang berbangsa Cina dan India, dan bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan sekelas yang berbangsa Melayu (TB2/Lisa/LB/Ruj.1). Beliau pindah ke sekolah rendah ketiga pada darjah lima. Sekolah rendah yang ketiga mewajibkan pelajar mengambil subjek bahasa Mandarin dari darjah satu hingga darjah lima. Maka, Lisa terpaksa mengikuti kelas bahasa Mandarin darjah lima, walaupun beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan asas dalam bahasa Mandarin, sementara rakan sekelas beliau telah belajar bahasa Mandarin sejak darjah satu (TB1/Lisa/LB/Ruj.1). Lisa terpaksa belajar bahasa Mandarin setakat untuk memenuhi keperluan sekolah rendah tersebut pada masa itu. Walaupun Lisa mendapat gred B untuk subjek tersebut, beliau mengatakan pada masa itu, “ ... saya tahu macam ‘laoshi zao’an’ (Selamat pagi, cikgu) , itu sajalah saya tahu. Lain kadang-kadang saya tulis saya pun tak tahu apa ...” (TB1/Lisa/LB/Ruj.6).

Lisa mengatakan beliau memilih bahasa Mandarin di universiti ini adalah untuk prospek kerjaya beliau pada masa akan datang. Beliau menghuraikan bahawa memandangkan Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai kaum, keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin dapat menambah nilai seseorang, terutama sekali untuk menjalinkan perhubungan antara kaum di tempat kerja, dan mempunyai peluang untuk bekerja di negara yang lazim menggunakan bahasa Mandarin dalam kehidupan seperti negara China (TB1/Lisa/Sbb.mml/Ruj.1). Lisa menerangkan seterusnya bahawa sekiranya beliau mengambil bahasa asing seperti bahasa Perancis dan Jerman, beliau

tidak mempunyai persekitaran yang sesuai untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari seperti bahasa Mandarin pada bila-bila masa (TB1/Lisa/Pdgn.kus/Ruj.2).

Tambahan, beliau berharap pengetahuan bahasa Mandarin yang beliau pelajari pada darjah lima dapat dimantapkan dengan mengikuti kursus ini. Beliau mengatakan “Saya betul-betul ambil sebab saya ingat dulu saya pernah belajar tapi saya tak faham apa-apa saya belajar. Jadi, bila saya masuk sini, saya nak lebih baiklah” (TB1/Lisa/Sbb.mml/Ruj.3) dan beliau berpendapat “*at least* ada sedikitlah daripada tak tahu langsung” (TB1/Lisa/Sbb.mml/Ruj.4).

Lisa berasa seronok mengikuti kursus bahasa Mandarin ini kerana kursus ini lain daripada subjek lain yang beliau pelajari di universiti ini. Ini kerana bahasa yang digunakan untuk subjek lain semuanya dalam bahasa Inggeris. Bagi Lisa, kursus ini juga berlainan daripada subjek lain dari segi aktiviti dalam kelas, reka bentuk buku teks dan isi kandungan yang secara langsung bersangkutan paut dengan kehidupan harian (TB3/Lisa/Pdgn.kus/Ruj.1).

Lisa mementingkan pengaplikasian bahasa yang dipelajari. Beliau berpendapat pencapaian akademik yang baik tidak menggambarkan keupayaan pertuturan pelajar sekiranya keputusan tersebut merupakan hasil daripada hafalan. Sungguhpun begitu, Lisa bukan setakat gagal dalam subjek bahasa Mandarin pada masa kajian ini dijalankan, bahkan beliau juga tidak dapat bertutur apa-apa dalam bahasa Mandarin ketika menguji keupayaan bertutur setelah mengikuti kursus ini (TB3/Lisa/Pcpn/Ruj.4).

Sophia memberi pandangan terhadap Lisa dan mengatakan Lisa ialah seorang pelajar yang terlalu aktif dalam kesatuan sehingga beliau selalu ponteng kelas dan peperiksaan bahasa Mandarin. Padahal Lisa mengetahui kepentingan untuk menghadiri kelas terutamanya untuk kelas bahasa ketiga. Beliau mengatakan “kelas *third language*, satu kali tak datang hancur, sebab satu hari satu kelas terus habis satu *chapter*, bila nak *catch up* balik ... memang tak sempatlah” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.7). Namun, beliau

mengatakan beliau tidak dapat menghadiri kelas sebanyak dua kali, ini tidak termasuk tidak hadir untuk peperiksaan. Lisa menerangkan perkara tersebut berlaku kerana beliau tidak dapat dikecualikan daripada menghadiri mesyuarat kesatuan (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.1).

Selain itu, Sophia tidak berpuas hati terhadap sikap Lisa kerana Lisa lebih menumpukan perhatian pada subjek lain dan aktiviti kesatuan, tidak mengambil berat untuk menghadiri kelas bahasa Mandarin dan menyiapkan tugas yang diberi oleh Sophia. Lisa sendiri juga mengatakan sebegini, “sebab saya tak boleh buat, sebab saya dengan jawatan itu setiap malam ada *meeting*, balik pukul 12 atau pukul satu, saya siapkan *assignment* subjek lain, *that’s why* saya tak sempat nak *study*” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.9). Lisa berasa “ *I try my best only for the test*, kelas saya datanglah yang tak datang pun sebab tak boleh elak ...” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.8). Sophia mengatakan “ Saya rasa dia tidak pandai menguruskan masa beliau dalam aktiviti harian dan persatuan dan tidak tahu yang mana lebih penting” (Jrn 1/Sophia/2Apr/Ruj.1).

Lisa menyedari bahawa beliau memang sibuk dengan jawatan kesatuan dan projek subjek lain untuk semester ini jika dibandingkan dengan semester sebelumnya. Meskipun begitu, beliau mengatakan bahawa ia ingin mencabar diri sendiri dengan bercita-cita untuk mendapat gred A untuk bahasa Mandarin kerana beliau tidak hendak berhenti di gred B pada tahap I dan gred B+ pada tahap II sahaja (TB1/Lisa/Pdgn.sdr/Ruj.1). Akan tetapi Lisa tidak berjaya untuk menangani cabaran tersebut, beliau terpaksa mengambil kursus ini dua kali. Kali kedua beliau berjaya mendapat gred A-.

4.3.5 Rizal

Rizal berumur 22 tahun. Beliau ialah orang Iban yang berasal dari Kapit, Sarawak. Rizal sedang menuntut Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Akademi Pengajian

Bahasa, dalam bidang bahasa Melayu komunikasi profesional. Rizal telah belajar di universiti ini selama 5 semester semasa kajian ini dijalankan (TB1/Rizal/LB/Ruj.1).

Walaupun Rizal belajar di sekolah kebangsaan rendah dan menengah, beliau dikekilingi kawan-kawan yang berasal dari sekolah jenis kebangsaan Cina yang fasih dalam bahasa Mandarin (TB1/Rizal/LB/Ruj.4). Rizal menggunakan bahasa ibunda beliau iaitu bahasa Iban di rumah. Selain itu, bahasa Melayu juga diguna pakai tetapi hanya sekali-sekala sahaja. Apabila Rizal bergaul dengan kawan-kawan pada masa sekolah rendah dan sekolah menengah, mereka biasanya bertutur dalam bahasa Iban dan bahasa Melayu sahaja. Setelah beliau belajar di universiti ini, ada kalanya mereka juga bertutur dalam bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Mandarin dengan kawan yang fasih dalam bahasa Mandarin (TB2/Rizal/LB/Ruj.1).

Rizal menerangkan pada masa pendaftaran untuk bahasa ketiga, beliau mempunyai pilihan bahasa Arab, bahasa Jerman dan bahasa Mandarin. Rizal memilih untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin kerana bahasa Mandarin merupakan salah satu bahasa antarabangsa yang bukan setakat diperlukan dalam apa-apa bidang kerjaya di Malaysia, bahkan di seluruh dunia (TB1/Rizal/Sbb.mml/Ruj.1).

Minat Rizal terhadap bahasa Mandarin juga mendorong beliau membuat keputusan untuk memilih bahasa tersebut (TB1/Rizal/Sbb.mml/Ruj.4). Minat tersebut adalah daripada rangsangan dan motivasi kawan-kawan Rizal yang fasih dalam bahasa Mandarin. Rizal berpendapat persahabatan mereka akan menjadi lebih baik sekiranya beliau boleh bertutur dalam bahasa Mandarin (TB3/Rizal/Sbb.mml/Ruj.1). Beliau mempercayai “jika kita minat, minat untuk mengetahui, minat untuk cuba untuk mendapat terbaik, kita akan mendapatkan markah yang terbaiklah” (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.28). Rizal berharap setelah mengikuti kursus bahasa Mandarin ini, beliau serba sedikit memahami bahasa Mandarin dan menguasai bahasa Mandarin

dari segi kemahiran bertutur (TB1/Rizal/Hrp.kus/Ruj.1). Ini menunjukkan tujuan utama Rizal belajar bahasa Mandarin adalah untuk berkomunikasi (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.19).

Rizal merupakan pelajar yang pemalu, maka beliau tidak pernah mengambil inisiatif ataupun angkat tangan dalam kelas untuk bertanya soalan dan menjawab soalan kerana segan (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.3). Namun, sekiranya beliau disuruh untuk membaca, membina ayat atau menjawab soalan dalam kelas, beliau akan mengambil peluang itu untuk mencuba (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.2). Selain daripada sebagai seorang pelajar yang pemalu, Rizal juga merupakan pelajar yang bersikap pesimistik. Beliau mengatakan “ kalau saya membuat kesilapan dalam kelas, mungkin kawan-kawan akan memberi persepsi negatif seperti ketawakan saya, mengejek dan sebagainya” (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.6). Ini menyebabkan beliau agak pasif dalam kelas. Beliau berasa risau juga apabila beliau pasif dalam kelas kerana “kalau saya bertindak pasif dalam kelas, mungkin kawan fikir yang saya tidak ambil tahu, tidak melibatkan diri, macam tidak *concerntrate* pada pelajaran pada masa itu” (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.7). Rizal juga kurang berkeyakinan terutamanya apabila berhadapan dengan khalayak ramai kerana beliau berasa ini akan lebih menampakkan kelemahan beliau (TB1/Rizal/Msl/Ruj.1). Rizal takut untuk mencuba bertutur dalam bahasa Mandarin kerana takut melakukan kesalahan (TB1/Rizal/Msl/Ruj.4).

Setelah mengikuti ketiga-tiga tahap kursus bahasa Mandarin di universiti ini, Rizal hanya dapat bertutur sedikit dalam bahasa Mandarin (TB3/ Rizal Pcpn/ Ruj.9). Sungguhpun Rizal mengatakan kursus ini merupakan satu kursus yang menyeronokkan, beliau berasa kursus ini agak susah kerana beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan asas sebelum mengikuti kursus ini (TB3/Rizal/Pdgn.kus/Ruj.2).

4.3.6 Sheila

Sheila berumur 20 tahun. Beliau berasal dari Johor Bahru, Johor. Pada masa persekolahan, Shelia memasuki sekolah kebangsaan untuk sekolah rendah dan sekolah

menengah. Sehubungan dengan itu, majoriti rakan sekelas Sheila adalah daripada kaum Melayu. Rakan sekelas yang daripada bangsa lain tidak ramai. Namun, terdapat beberapa rakan sekelas yang fasih dalam bahasa Mandarin. Pada masa itu, Sheila belum belajar bahasa Mandarin lagi, jadi beliau berinteraksi dengan semua kawannya dalam bahasa Melayu (TB2/Sheila/LB/Ruj.3). Selepas sekolah menengah, Sheila mengikuti program matrikulasi dalam bidang TESL di Melaka. Sheila berkenalan dengan Lisa iaitu rakan sekelas untuk Sheila di universiti ini dan juga merupakan salah seorang peserta untuk kajian ini pada masa itu (TB2/Sheila/LB/Ruj.4). Selepas itu, Sheila mengikuti Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Akademi Pengajian Bahasa dalam bidang bahasa Inggeris komunikasi profesional di universiti ini. Sheila telah belajar di universiti ini selama tiga semester semasa kajian ini dijalankan (TB1/Sheila/LB/Ruj.4).

Kebanyakan masa Sheila menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur dengan ahli keluarganya, namun ada kalanya beliau menggunakan bahasa Inggeris (TB2/Sheila/LB/Ruj.1). Sungguhpun Sheila tidak pernah bertutur dalam bahasa Mandarin sebelum beliau mengikuti kursus bahasa Mandarin di universiti ini, beliau telah belajar bahasa Mandarin sendiri melalui drama dan lagu Mandarin. Maka sebelum mengikuti kursus ini, Sheila sudah boleh bertutur serba sedikit dalam bahasa Mandarin (TB1/Sheila/LB/Ruj.2). Jelas dilihat Sheila memang minat terhadap bahasa Mandarin. Sheila mengatakan minat ini berasal daripada pendedahan kepada drama dari Taiwan dan lagu dalam bahasa Mandarin.

Tambahan, Sheila berasal dari Johor Bahru, kebanyakan orang Cina di sana bertutur dalam bahasa Mandarin dalam kehidupan harian. Persekitaran yang sesuai untuk mengaplikasikan bahasa Mandarin di tempat tinggal Sheila menyebabkan beliau ingin bertutur dengan lancar dalam bahasa Mandarin (TB1/Sheila/Sbb.mml/Ruj.2). Sheila menerangkan selanjutnya bahawa bahasa Mandarin merupakan bahasa global seperti bahasa Inggeris, maka prospek kerjaya akan bertambah baik sekiranya boleh

bertutur dalam bahasa Mandarin. (TB1/Sheila/Pdgn.kus/Ruj.6). Sheila menyatakan sebab-sebab tersebut menyebabkan beliau memilih bahasa Mandarin daripada beberapa pilihan bahasa yang lain ketika beliau belajar di universiti ini (TB1/Sheila/Sbb.mml/Ruj.1).

Oleh sebab minat, walaupun Sheila tidak pernah belajar bahasa lain, beliau mengatakan bahasa Mandarin lebih senang dipelajari (TB1/Sheila/Pdgn.kus/Ruj.6). Semasa Sheila mengambil kursus ini, beliau berazam untuk berusaha agar mendapat keputusan akademik yang cemerlang untuk subjek ini (TB3/Sbb.mml/LB/Ruj.1). Harapan Sheila terhadap kursus bahasa Mandarin ini adalah untuk belajar perkara yang asas dalam bahasa Mandarin supaya dapat mempraktikkan dalam kehidupan harian, dan dapat menulis dan mengenali beberapa tulisan Cina. Beliau berharap dapat membaca tulisan Cina kalau ternampak tulisan Cina di mana-mana (TB1/Sheila/Hrp.kus/Ruj.1). Sheila berasa objektif beliau ketika mengambil kursus telah tercapai kerana mendapat gred A untuk ketiga-tiga tahap bahasa Mandarin. Walaupun begitu, Sheila mengatakan pencapaian tersebut tidak menggambarkan kemahiran bertutur beliau dalam bahasa Mandarin. Beliau menerangkan “ ... *Since I do not practice spoken Mandarin, I do not think that I can converse well in Mandarin despite how fluent I sound ...* ” (Jrn/Sheila/29Mac13/Ruj.1). Sheila menyedari masalah utama beliau adalah “... rasanya salah saya sendiri sebab saya tak praktikkan sepertimana yang kursus ini harapkan saya praktikkan” (TB1/Sheila/Hrp.kus/Ruj.2).

4.3.7 Farah

Farah berumur 22 tahun. Beliau berasal dari Kuala Terenggan. Farah belajar di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan sebelum mengambil program matrikulasi di Pahang. Selepas itu, Farah masuk ke universiti ini untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan kimia

(TB2/Farah/Lb/Ruj.1). Farah telah belajar di universiti ini selama lima semester (TB1/Farah/Lb/Ruj.3).

Di kampung halaman Farah tidak ada jiran yang fasih dalam bahasa Mandarin tetapi di sebelah kampungnya mempunyai ramai golongan Cina yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Maka sebelum beliau mengikuti kursus bahasa Mandarin di universiti ini, Farah sering mendengar orang bertutur dalam bahasa Mandarin, tetapi beliau tidak memahami pertuturan mereka (TB1/Farah/Lb/Ruj.2). Farah menggunakan bahasa Melayu sahaja untuk bertutur dengan ahli keluarga di rumah. Manakala beliau menggunakan bahasa Melayu dan kadang-kadang bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan rakannya. Setelah mengikuti kursus ini, ada kalanya Farah bertutur dalam bahasa Mandarin dengan kawannya yang pernah belajar bahasa Mandarin, terutama sekali dengan rakan sekelas kursus ini (TB2/Farah/Lb/Ruj.1).

Farah mula mengikuti kursus bahasa Mandarin apabila beliau berada di semester ketiga di universiti ini. Sebelum Farah mengikuti kursus ini, sebenarnya beliau lebih minat terhadap bahasa Korea daripada bahasa Mandarin. Namun, beliau memilih untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin kerana fakulti beliau tidak menawarkan kursus bahasa Korea (TB2/Farah/Sbb.mml/Ruj.1). Sungguhpun begitu, beliau tidak berasa menyesal setelah mengikuti kursus bahasa Mandarin kerana "... bila saya dah belajar 'Huayu' (Mandarin) ni, saya rasa lagi menyeronokkanlah" (TB3/Farah/Pdgn.kus/Ruj2).

Setelah belajar bahasa Mandarin dan berkenalan dengan bahasa ini, minat Farah terhadap bahasa Mandarin telah meningkat: "saya rasa saya nak belajar sangat tentang bahasa Mandarin ni, ... dan saya minat" (TB1/Farah/Sbb.mml/Ruj.1). Beliau menerangkan seterusnya bahawa di kampung halaman beliau mempunyai kampung Cina, maka "saya rasa saya boleh ambil *advantage* daripada tu kalau saya pergi rumah dia ke, masa raya mungkin saya boleh bertutur dalam bahasa Cina dengan mereka"

(TB1/Farah/Sbb.mml/Ruj.3). Farah memegang pandangan yang optimistik terhadap pemilihannya, beliau mengatakan “... puas hatilah saya belajar satu yang baru kan, lagi Korea saya boleh belajar daripada cerita yang saya tengok, Mandarin saya boleh belajar dalam kelas” (TB2/Farah/Sbb.mml/Ruj.1).

Harapan Farah terhadap kursus bahasa Mandarin ini adalah “... dapat bertutur dalam bahasa Mandarin dengan lancar betul” (TB1/Farah/Hrp.kus/Ruj.2). Farah berharap beliau boleh bertutur dalam bahasa Mandarin bukan untuk peperiksaan sahaja, bahkan untuk kerjaya masa depan. Ini kerana sekiranya beliau fasih dalam bahasa Mandarin, beliau mempunyai peluang yang lebih baik untuk bekerja di syarikat Cina (TB1/Farah/Hrp.kus/Ruj.3). Farah juga berharap satu hari nanti beliau berpulang ke negara China (TB1/Farah/Hrp.kus/Ruj.3). Sebab-sebab tersebut telah memotivasikan Farah untuk belajar dengan gigih semasa mengikuti kursus ini.

Tambahan, Shila Amzah iaitu penyanyi Melayu yang menyanyi lagu Cina di “Asian Wave Competition” menarik hati Farah, terutama sekali dari segi sebutan bahasa Mandarin Shila semasa menyanyi lagu Cina. Farah mengulaskan perkara tersebut seperti berikut: *“I am so impressed with her pronunciation. She is not just beautiful but her vocal also best among the best. The judges also impressed when she sing that Mandarin song. I hope one day I also can sing a Madnarin song”* (Jrn1/Farah/6Okt/Ruj.1). Perkara tersebut telah merangsangkan Farah untuk belajar bahasa Mandarin agar beliau boleh menyanyi lagu dalam bahasa Mandarin. Farah berasa sedih kerana tidak lama lagi kursus ini akan tamat dan tidak ada kelas bahasa Mandarin lagi setelah beliau mengikuti ketiga-tiga tahap kursus bahasa Mandarin di universiti ini (TB3/Farah/Pdgn.kus/Ruj.3).

Sungguhpun Farah tidak mendapat pencapaian akademik bahasa Mandarin pada tahap III seperti yang beliau harapkan, beliau dapat bertutur beberapa ayat dalam bahasa Mandarin ketika diuji kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin semasa temu bual

(TB3/Farah/Pcp/Ruj.4). Farah memberi 5 markah daripada 10 markah untuk diri sendiri dari segi keupayaan beliau bertutur dalam bahasa Mandarin (TB3/Farah/Pcp/Ruj.6).

4.3.8 Khamal

Khamal berumur 21 tahun. Beliau berasal dari Batu Pahat, Johor. Pada masa persekolahan, Khamal belajar di sekolah kebangsaan rendah dan sekolah kebangsaan menengah, beliau tidak pernah mengambil subjek bahasa Mandarin dan bertutur dalam bahasa Mandarin pada masa itu. (TB2/Khamal/Lb/Ruj.1). Begitu juga apabila beliau mengikuti program matrikulasi di Tangkak, Muar. Pada masa itu beliau mempunyai rakan-rakan daripada pelbagai kaum dan antara mereka terdapat kawan yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin, tetapi beliau tidak belajar bahasa Mandarin daripada mereka. Khamal telah mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan kimia di universiti ini selama 5 semester ketika kajian ini dijalankan (TB2/Khamal/LB/Ruj.1).

Khamal tinggal di kampung yang mempunyai ramai orang Cina yang fasih dalam bahasa Mandarin tetapi beliau tidak pernah belajar bahasa Mandarin daripada mereka (TB1/Khamal/LB/Ruj.3). Khamal biasanya bercakap dalam bahasa Melayu dengan ahli keluarga dan rakan-rakan, sekali-sekala beliau menggunakan bahasa Inggeris. Sungguhpun Khamal telah mengikuti kursus bahasa Mandarin selama tiga semester, beliau masih menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja untuk bertutur dengan rakan sekelas, begitu juga dalam kelas bahasa Mandarin (TB2/Khamal/Lb/Ruj.1).

Khamal mengatakan sebab beliau memilih kursus bahasa Mandarin di universiti ini, selain daripada untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh universiti ini, beliau memang minat terhadap bahasa ini (TB1/Khamal/Sbb.mml/Ruj.3). Sejak kecil lagi, Khamal memang berharap dapat memasuki sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (TB1/Khamal/Sbb.mml/Ruj.4). Tambahan, bahasa Mandarin boleh diaplikasikan di sini

jika dibandingkan dengan bahasa Jerman yang direkomenkan oleh seniornya. Menurut senior Khamal, sekiranya menguasai bahasa Jerman, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke negara Jerman adalah lebih baik. Namun, Khamal tidak mengikut cadangan seniornya kerana beliau berhasrat untuk bertutur dalam bahasa Mandarin, terutama sekali untuk diaplikasikan di sini (TB1/Khamal/Sbb.mml/Ruj.7).

Sehubungan dengan itu, Khamal berharap beliau boleh bertutur dengan lancar dengan orang yang fasih dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini. Ini termasuk dapat memahami pertuturan dalam bahasa Mandarin dan berkomunikasi dengan mereka yang fasih dalam bahasa Mandarin (TB1/Khamal/Hrp.kus/Ruj.1).

Walau bagaimanapun, Khamal pernah ponteng dua kali kelas bahasa Mandarin sepanjang masa kajian ini dijalankan. Beliau mengatakan sebab-sebab beliau ponteng kelas ialah “balik kampung” dan “dalam keadaan terdesak seperti penat sangat, kerja banyak sangat, lepas itu ada macam urusan lain yang perlu di dahulukan” (TB3/Khamal/LB/Ruj.1). Khamal tidak menafikan kepentingan subjek bahasa Mandarin tetapi beliau lebih mementingkan subjek lain (TB3/Khamal/LB/Ruj.1). Umumnya, hasrat Khamal untuk fasih dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini tidak menjadi kenyataan. Ini dapat dilihat ketika Khamal diuji tentang keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin pada masa temu bual, Khamal tidak bertutur apa-apa dalam bahasa Mandarin pada masa itu (TB3/Khamal/Pcp/Ruj.2).

4.3.9 Melini

Melini berumur 21 tahun. Beliau pernah tinggal di Perak, Terengganu dan Selangor (TB1/Melini/LB/Ruj.1). Beliau dibesarkan di Perak dan memasuki sekolah kebangsaan rendah dari darjah satu hingga darjah lima di Perak. Kemudian beliau belajar di Terengganu sehingga tingkatan dua sebelum pindah ke Selangor. Melini belajar di sekolah menengah kebangsaan di Selangor dari tingkatan dua hingga tingkatan lima. Selepas itu, beliau mengambil program matrikulasi di Melaka

(TB1/Melini/LB/Ruj.7) sebelum beliau mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan dalam bidang kejuruteraan kimia di universiti ini (TB1/Melini/LB/Ruj.3).

Melini biasanya bertutur dalam bahasa Melayu dan sekali-sekala dalam bahasa Inggeris dengan ahli keluarga dan rakan-rakannya. Setelah mengikuti kursus bahasa Mandarin di universiti ini, beliau pernah bercakap beberapa kosa kata dalam bahasa Mandarin dengan rakan sekelas. Setakat ini beliau tidak pernah mengguna ayat yang lengkap untuk bertutur dalam bahasa Mandarin (TB2/Melini/LB/Ruj.1).

Melini memberitahu bahawa sebelum mengikuti kursus ini, beliau tidak pernah belajar bahasa Mandarin kerana dikelilingi jiran, rakan dan rakan sekelas yang berbangsa Melayu. Mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Namun, ibu Melini pernah mengajar beliau membilang nombor dalam bahasa Mandarin semasa beliau kecil lagi (TB1/Melini/LB/Ruj.4). Beliau mengatakan ibunya minat bahasa, maka ibunya belajar bahasa Mandarin sendiri melalui kamus. Sungguhpun begitu, Melini tidak pasti sama ada ibunya boleh bertutur dalam bahasa Mandarin (Jrn/Melini/31Okt/Ruj.1).

Melini menerangkan bahawa beliau mengambil bahasa Mandarin bukan sebab beliau minat terhadap bahasa Mandarin tetapi sebab kelas bahasa Jerman telah penuh ketika beliau hendak mendaftar kursus berkenaan (Jrn/Melini/04Okt/Ruj.1). Sebenarnya, beliau bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke Jerman, jadi beliau ingin mengikuti kursus bahasa Jerman. Menurut Melini “... kelas Jerman satu kelas, tapi Mandarin dia buka tiga ke empat kelas ... so saya tak boleh masuk Jerman. Saya masuk Mandarin bukan sebab saya nak Mandarin, tak, tapi sebab masa *registration* dah *full*, so saya masuk Mandarin” (TB1/Melini/Sbb.mml/Ruj.1).

Meskipun begitu, Melini tidak menyesal mengikuti kursus bahasa Mandarin dan mula menaman minat terhadap bahasa ini selepas satu semester beliau mengikuti kursus

ini. Menurut beliau: “Sem satu saya tak minat, sem dua saya minat ... sem satu agaknyalah, saya rasa sebab saya tak faham ... sem dua saya rasa saya faham. So sekarang bila kita dah faham, kita akan minat ...” (TB1/Melini/Pglm/Ruj.42). Tambahan, pandangan senior tentang kepentingan bahasa Mandarin untuk kerjaya masa depan juga mengubah pandangan Melini daripada terpaksa mengikuti kursus ini kepada perasaan yang lebih positif terhadap kursus ini. Beliau mengatakan “saya nak belajar betul-betul Mandarin sebab saya nak nanti bila saya kerja *at least* saya boleh faham atau saya boleh cakap sikit-sikit Mandarin ... boleh bertutur dan menulis dan memahami apa yang orang cakap ...” (TB1/Melini/Hrp.kus/Ruj.1). Berkenaan dengan keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini, Melini mengatakan setakat ini cuma “xiexie” (terima kasih) yang beliau bercakap dengan kawan, memahami percakapan “dujia” (bercuti) ketika menonton program televisyen (Jrn/Melini/18Apr13/Ruj.1). Sungguhpun Melini mendapat prestasi yang baik dalam penilaian untuk kursus ini. beliau cuma dapat bertutur satu dua perkataan dalam bahasa Mandarin ketika menguji keupayaan pertuturan bahasa Mandarin beliau pada masa temu baul (TB3/Melini/Pcp/Ruj.5).

4.4 Pelaksanaan Kurikulum Bertulis Bahasa Mandarin dalam Kelas

Bahagian ini menjawab soalan kajian satu, yakni bagaimana pensyarah melaksanakan kurikulum bertulis bahasa Mandarin dalam kelas. Jawapan untuk soalan ini disusun berdasarkan tiga tema utama, yakni persediaan sebelum kelas, penyampaian isi kandungan dan kaedah penyampaian pengajaran.

4.4.1 Persediaan Sebelum Kelas

Hanna, Sophia dan Terry mengatakan mereka setakat menyelak-nyelak kurikulum bertulis pada masa mereka menerima dokumen tersebut daripada pihak pengurusan. Ketiga-tiga pensyarah tidak merujuk kepada kurikulum bertulis kecuali

kalender akademik yang diberi setiap semester untuk merancang dan menyediakan pengajaran dalam kelas. Biasanya Hanna, Sophia dan Terry merujuk kepada kalender akademik, buku teks, keadaan pelajar dan masa kelas untuk menyediakan dan merancang pengajaran dalam kelas.

Secara amnya, Hanna merancang pengajaran berdasarkan kalender akademik untuk keseluruhan kursus, yakni kandungan sukatan pelajaran yang sejajar dengan penilaian yang ditetapkan pada kalender akademik sebelum semester bermula. Seterusnya, beliau merujuk kepada buku teks untuk menyediakan pengajaran dalam kelas. Hanna pernah menyediakan alat bantu mengajar seperti kad imbasan untuk mengajar tulisan Cina (TB1/Hanna/Psd&Pls/Ruj.2). Beliau mengatakan ada kala beliau “ ... mengubah dan menyesuaikan kandungan dalam buku teks mengikut keupayaan pelajar melalui pemerhatian saya terhadap pelajar penyesuaian harus dilakukan dari yang senang kepada yang susah terutamanya untuk beberapa kelas pada permulaan” (TB1/Hanna/Psd&Pls/Ruj.2).

Sophia mengatakan biasanya beliau menyediakan pengajarannya berdasarkan dua perkara iaitu “*first* kelas saya sudah *observe* pelajar ini tengok *attitude* pelajar, dan satu lagi masa masa belajar” (TB1/Sophia/Pydn/Ruj.3). Beliau memberi contoh seperti kelas ini “ orang ini suka bercakap, kita kena *create* satu *environment* bagi orang ini bercakap. Jadi saya menggunakan *mind mapping*lah ... saya nak dia orang *speak out*, cakap dengan betul ...” (TB1/Sophia/Pydn/Ruj.3).

Sophia juga menyatakan perbezaan persediaan pengajaran beliau sebelum masuk ke kelas pada masa beliau pertama kali mengajar dengan setelah mengajar beberapa tahun seperti berikut:

“Dulu nak tulis semua itu kena buat persediaan yang rapilah. Lagi pun subjek yang baru, kena sebelum semester mula kena buat, dah siap semua dah ... sekarang semua macam dalam tangan sikit. *So* masuk kelas dah tahulah apa nak buat, apa nak ajar, apa nak *introduce* pada pelajar ...”

(TB1/Sophia/Pydn/Ruj.1)

Ini bermakna penyediaan sebelum kelas untuk Sophia menjadi lebih ringan sekarang kerana beliau berasa pengalaman beliau dapat membantu beliau untuk menyampaikan pengajaran dalam kelas.

Begitu juga dengan Terry, Terry mengatakan apabila beliau baru mengajar di universiti ini, beliau merancang dan membuat penyediaan sebelum masuk ke kelas seperti menyediakan kosa kata tambahan yang dijangka akan ditanya pelajar tentang bab tertentu, latihan tambahan dan contoh-contoh yang perlu diberi supaya pelajar lebih memahami pengajaran yang disampaikan dalam kelas. Namun, setelah beberapa tahun mengajar di universiti ini, beliau mengatakan “ ... saya dah mahir, tak buat rancangan saya lagilah, saya ikut pengalaman sayalah.” (TB1/Terry/Pydn/Ruj.1).

Umumnya, pensyarah tidak menyedia dan merancang pengajaran sebelum kelas setelah mempunyai pengalaman dalam kursus yang diajar. Ada kalanya Hanna, Sophia dan Terry mengubahsuai kaedah dan kandungan pengajaran semasa dalam kelas berdasarkan keadaan dan keperluan pelajar. Ketiga-tiga pensyarah berasaskan buku teks untuk menyampaikan pengajaran dalam kelas. Walau bagaimanapun, Hanna, Sophia dan Terry tidak merujuk kepada dokumen kurikulum seperti informasi kurikulum sebelum mengajar. Justeru itu, salah satu item daripada dokumen tersebut yang menerangkan aktiviti kelas, yakni aktiviti yang melibatkan pelajar secara aktif untuk mempraktikkan bahasa Mandarin dalam bentuk lisan dalam kelas tidak diterapkan dalam pengajaran. Hal ini merupakan salah satu sebab utama ketidaksejajaran berlaku antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran.

4.4.2 Penyampaian Isi Kandungan

Sepanjang masa kajian ini dijalankan, pemerhatian kelas telah dilaksanakan sebanyak tiga kali untuk setiap kelas demi mendapatkan data tentang pelaksanaan kurikulum pengajaran pensyarah masing-masing.

4.4.2.1 Mengubahsuai Rancangan Mingguan dalam Kalendar Akademik

Dokumen kurikulum bertulis seperti kalendar akademik dan skema kerja mingguan (diterangkan dalam bab 2) telah menyatakan objektif dan kandungan yang harus disampaikan oleh pensyarah pada setiap minggu. Jadi, dengan merujuk kepada dokumen tersebut dan memerhatikan pengajaran pensyarah dalam kelas, dapat mengetahui kesejajaran dan ketidaksejajaran kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dari segi penyampaian isi kandungan pengajaran.

Jadual 4.1 menunjukkan minggu dan tarikh ketiga-tiga pemerhatian kelas untuk Hanna, Sophia dan Terry. Selain daripada itu, objektif dan kandungan yang dinyatakan dalam dokumen bertulis serta perkara yang sebenarnya dilaksanakan semasa ketiga-tiga pemerhatian kelas untuk ketiga-tiga pensyarah juga dinyatakan dalam jadual 4.1. Didapati ketiga-tiga pensyarah, yakni Hanna, Sophia dan Terry ada kalanya mengajar lebih cepat daripada yang ditetapkan pada kurikulum bertulis dengan sebab-sebab tertentu. Merujuk kepada jadual 4.1, pada minggu keenam iaitu kelas pemerhatian ketiga Hanna, didapati kandungan yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis ialah bab 5, manakala Hanna mengajar bab 6 pada masa itu (PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1). Hanna menerangkan hal ini berlaku kerana beliau telah membuat kelas gantian untuk cuti am.

Sophia juga mengajar lebih cepat daripada yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis pada pemerhatian kelas kedua dan ketiga (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1) Ini kerana Sophia akan bersalin pada hujung semester semasa kajian ini dilaksanakan, maka beliau membuat kelas tambahan supaya semua sukatan pelajaran termasuk penilaian dapat dijalankan sebelum beliau cuti bersalin.

Sementara itu, pengajaran Terry juga lebih cepat daripada yang disenaraikan dalam kurikulum bertulis kecuali pada pemerhatian ketiga (PK1/Terry/Rfl/Ruj.1; PK2/Terry/Rfl/Ruj.1; PK3/Terry/Rfl/Ruj.1). Terry juga menjalankan ujian mendengar seminggu lebih awal daripada yang ditetapkan dalam kalendar akademik pada semester

berkenaan (PK2/Terry/Rfl/Ruj.1). Beliau menjelaskan bahawa hari yang ditetapkan untuk ujian tersebut kebetulannya merupakan hari cuti am, maka beliau terpaksa mengawalkan ujian itu.

Jadual 4.1: Kandungan Kurikulum Bertulis Bahasa Mandarin III dan Pelaksanaan Sebenar Kelas Hanna, Sophia dan Terry

| Pensyarah/Minggu(tarikh)/ Pemerhatian Kelas | Objektif & Kandungan | Pelaksanaan Sebenar |
|---|--|--|
| Hanna Minggu 2 21/09/2012) Pemerhatian Kelas 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 1: Membeli-belah di pasar • Objektif: Pelajar berupaya menggunakan Mandarin untuk membeli-belah di pasar dan tawar-menawar dengan penjual. • Nilai kebudayaan: Tulisan Cina • Masa: 2 jam | <ul style="list-style-type: none"> • Tulisan Cina • Ulangkaji kosa kata dan tata bahasa tahap I dan tahap II • Bab 1 (PK1/HannaRfl/Ruj.1) |
| Hanna Minggu 5 (12/10/2012) Pemerhatian Kelas 2 | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 4: Bertanya Jalan • Objektif: Pelajar berupaya bertanya jalan dalam bahasa Mandarin. • Nilai kebudayaan: Bagaimana bertutur dengan orang yang tidak dikenali bila awak tidak tahu bagaimana ke sesuatu tempat. • Masa: 2 jam | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 4 (PK2/Hanna/Rfl/Ruj.1) |
| Hanna Minggu 6 (19/10/2012) Pemerhatian Kelas 3 | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 6: Bercuti • Objektif: Pelajar berupaya memberitahu untuk bercuti dimana dan mendeskripsikan tempat percutian tersebut . • Nilai kebudayaan: Structure ayat Mandarin berdasarkan turutan logik. • Masa: 2 jam *Menurut dokumen minggu 6 sepatutnya mengajar bab 5. | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 6 Latihan ujian mendengar <i>*Menurut pensyarah kelas ganti dijalankan untuk mengganti cuti am, maka bab yang diajar tidak selaras dengan dokumen yang diberi.</i> (PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1) |
| Sophia Minggu 3 (26/09/2012) Pemerhatian Kelas 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 2: Menonton Televisyen • Objektif: Pelajar berupaya berborak tentang program televisyen kegemaran mereka • Nilai kebudayaan: Tulisan Cina • Masa: 2 jam | <ul style="list-style-type: none"> • Membuat ulangkaji bab 1 • Bab 2 (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1) |

‘Jadual 4.1, sambungan’

| Pensyarah/Minggu(tarikh)/ Pemerhatian Kelas | Objektif & Kandungan | Pelaksanaan Sebenar |
|---|--|--|
| <p>Sophia Minggu 5 (10/10/2012) Pemerhatian Kelas 2</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 5: Berapa lama? Berapa Jauh? • Objektif: Pelajar berupaya bertanya berapa jauh dan berapa lama. • Nilai kebudayaan: Struktur ayat dalam turutan logik • Kuiz melalui talian internet : 5% (L1-L3). Dijalankan di luar kelas • Masa: 2 jam <p>*Menurut dokumen minggu 5 sepatutnya mengajar bab 4.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan pelajar latihan dalam buku teks untuk bab 4 dan menerangkan struktur ayat berdasarkan ayat dalam dialog bab 4 • Bab 5 • Tulisan Cina <p><i>* Menurut Sophia kelas ganti dijalankan untuk menghabiskan silibus sebelum pensyarah cuti bersalin. Maka bab 4 & 5 diajar. Menurut kurikulum bertulis minggu kelima sepatutnya mengajar bab 5 sahaja.</i></p> <p>(PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1)</p> |
| <p>Sophia Minggu 9 (14/11/2012) Pemerhatian Kelas 3</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 8: Di Pejabat • Objektif: Pelajar berupaya bersembang dengan rakan sekerja di pejabat • Nilai kebudayaan: Memberi ucapan tahniah kepada seseorang secara sopan • Masa: 2 jam <p>*Menurut dokumen minggu 9 sepatutnya mengajar bab 7.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Ulangkaji Bab 7 • Bab 8 <p><i>*Menurut Sophia kelas ganti dijalankan untuk menggantikan cuti bersalin, maka bab yang diajar iaitu bab8 lebih cepat daripada yang ditetapkan.</i></p> <p>(PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1)</p> |
| <p>Terry Minggu 4 (03/10/2012) Pemerhatian Kelas 1</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 4: Bertanya Jalan • Objektif: Pelajar berupaya bertanya jalan dalam bahasa Mandarin. • Nilai kebudayaan: Bagaimana bertutur dengan orang yang tidak dikenali bila awak tidak tahu bagaimana ke sesuatu tempat. • Masa: 2 jam <p>*Menurut dokumen minggu 4 sepatutnya mengajar bab 3.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bincang latihan dalam buku teks untuk bab 3 • Pelajar menghafal dialog bab 3 • Bab 4 • Tulisan Cina <p>(PK1/Terry/Rfl/Ruj.1)</p> |
| <p>Terry Minggu 6 (17/10/2012) Pemerhatian Kelas 2</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 6: Bercuti • Objektif: Pelajar berupaya memberitahu untuk bercuti dimana dan mendeskripsikan tempat percutian tersebut . • Nilai kebudayaan: Structure ayat Mandarin berdasarkan turutan logik. • Masa: 2 jam <p>*Menurut dokumen minggu 6 sepatutnya mengajar bab 5.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Ujian mendengar 1 <p>*Menurut dokumen ujian mendengar 1 sepatutnya diadakan pada minggu ke 7, diperawalkan kerana cuti am pada minggu ke 7.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bab 6 <p>(PK2/Terry/Rfl/Ruj.1)</p> |

‘Jadual 4.1, sambungan’

| Pensyarah/Minggu(tarikh)/ Pemerhatian Kelas | Objektif & Kandungan | Pelaksanaan Sebenar |
|---|--|---|
| Terry Minggu 11 (28/11/2012) Pemerhatian Kelas 3 | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 8: Di Pejabat • Objektif: Pelajar berupaya bersebang dengan rakan sekerja di pejabat • Nilai kebudayaan: Memberi ucapan tahniah kepada seseorang secara sopan • Masa: 2 jam | <ul style="list-style-type: none"> • Bab 8 • Menungut skrip projek bahasa (PK3/Terry/Rfl/Ruj.1) |

Secara amnya, Hanna, Sophia dan Terry mengajar satu bab lebih cepat daripada yang ditetapkan dalam kalendar akademik pada semester berkenaan seperti yang ditunjukkan pada jadual 4.1. Namun demikian, pihak pengurusan di universiti ini membenarkan pensyarah membuat pengubahsuaian terhadap kandungan pengajaran yang telah ditetapkan dalam kalendar akademik. Ini kerana dokumen kurikulum bertulis tersebut ialah satu panduan untuk pensyarah membuat rancangan pengajaran, kelonggaran diberi kepada pensyarah untuk membuat pengubahsuaian sekiranya terdapat cuti am atau perkara yang tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit pada hari tertentu. Namun, kelas ganti ataupun kelas tambahan wajib dijalankan untuk menghabiskan semua sukatan pelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis. Sehubungan dengan itu, kajian ini tentng kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dari segi isi kandungan untuk kelas-kelas tersebut adalah merujuk kepada kandungan pengajaran bab yang diajar semasa pemerhatian kelas.

4.4.2.2 Penyampaian Item Pengajaran Melebihi yang Ditetapkan

Dapatan kajian daripada pemerhatian kelas menunjukkan Hanna, Sophia dan Terry cenderung menyampaikan item pengajaran melebihi yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis, terutamanya pengajaran pada pemerhatian kelas pertama Hanna. Menurut kurikulum bertulis, Hanna harus mengajar bab 1 iaitu membeli-belah di pasar dan tulisan Cina pada minggu kedua semasa pemerhatian kelas pertama dijalankan.

Manakala selain daripada dua perkara yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis, Hanna tambah lagi mengulang kaji kosa kata dan tata bahasa pada tahap I dan tahap II dalam pengajarannya. Pada masa itu, kelas Hanna bermula lewat sepuluh minit dan bersurai lebih awal sepuluh minit daripada masa yang ditetapkan. Beliau bermula kelas dengan mengajar garis asas tulisan Cina dan empat kosa kata dalam bentuk tulisan Cina (15 minit). Seterusnya beliau mengulang kaji kosa kata (5 minit) dan tatabahasa pada tahap I dan tahap II (35 minit). Akhir sekali beliau memperuntukkan 40 minit untuk menghabiskan pengajaran bab 1 (PK1/Hanna /Rfl./Ruj.1).

Menurut kurikulum bertulis, mengulang kaji sepatutnya dijalankan pada minggu pertama dan sebahagian kandungan daripada bab 1. Hanna mengatakan pada minggu pertama beliau cuba berkenalan dengan pelajar untuk memahami tahap pencapaian Mandarin pelajar. Pelajar memberitahu beliau mereka agak lemah dari segi sebutan. Beliau juga memberitahu pelajar format dan jadual peperiksaan untuk kursus ini dan mengulang kaji kosa kata pada tahap II pada kelas tersebut. Menurut beliau pelajar terlupa kebanyakan kosa kata yang dipelajari (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.6). Ulang kaji yang dijalankan pada minggu kedua ialah sambungan daripada minggu pertama. Hanna mengatakan “... sebenarnya bab satu memang sangat membebankan, terdapat banyak isi kandungan ... tapi pelajar memberitahu saya mereka dapat menerima kelajuan pengajaran seperti begitu ... saya telah memberitahu pelajar supaya bersedia tentang perkara yang saya akan mengajar untuk kelas akan datang dan mengulang kaji untuk kelas sebelumnya ...” (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.11).

Beliau mempercayai perkara yang disampaikan olehnya pada pemerhatian kelas pertama itu dapat diterima pelajar berdasarkan pemerhatian beliau dalam kelas. Menurut beliau “... contohnya kelas ini, saya selalu tanya pelajar, pengajaran saya agak laju ataupun perlahan, ataupun kamu semua tidak dapat menerima perkara yang disampaikan oleh saya, mereka kata okey ...” (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.10). Meskipun

pelajar mengatakan “okey” dalam kelas tentang penyampaian pengajaran Hanna, padahal pelajar tidak menjawab secara jujur di depan Hanna. Ini menyebabkan pandangan pelajar terhadap pengajaran Hanna berbeza daripada tanggapan Hanna. Menurut Aiman “ input yang diberi terlalu banyak “laoshi” (cikgu) perlu fokus 1 sahaja perkara yang ingin diajar. Hal ini bagi saya lebih bermakna kerana pelajar dapat fokus hanya pada satu perkara sahaja. Dikhuatiri apa sekiranya input terlalu banyak, pelajar tidak dapat fokus dan menguasainya” (Jrn/Aiman/21Sept/Ruj.1). Beliau juga memberi komen yang sama tentang pengajaran Hanna pada minggu pertama dalam jurnalnya:

“ ‘Laoshi’ memberi input terlalu banyak kepada pelajar, saya tahu niat ‘laoshi’ baik, tapi bila ‘laoshi’ memberi input terlalu banyak membuatkan pelajar, terutamanya saya sendiri mengalami kesukaran untuk memahami dan mengingatinya semua yang ‘laoshi’ ajar. Hal ini kerana fokus saya menjadi lebih besar dan tidak dapat menumpukan sepenuhnya apa yang diajarkan ‘laoshi’ pada hari ini.”

(Jrn/Aiman/12Sept/Ruj.2)

Daim berpendapat pengajaran Hanna terkejar-kejar masa untuk menghabiskan bab 1 semasa pemerhatian kelas pertama:

“Saya rasa yang untuk karakter dengan *vocab* itu memang okeylah. Cuma rasanya, hari itu terlampau fokus *on that part*. Yang bila buku itu macam ... sebab rasa macam tak cukup masa, macam terkejar-kejar jugalah nak habiskan. Sebab biasanya *two hours* yang *before this* pun, biasa *two hour* pun satu *chapter* itu ... terasa macam lajulah”

(TB1/Daim/bab.ttt/Ruj.7)

Berkenaan hal tersebut, Aiman mengatakan “ ... Bab itu dalam setengah jam mengajar, kalau level 1 dan level 2, ‘laoshi’ ajar bab 1 sampai habis kira dua jam itulah, ia guna setengah jam ...” (TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.3). Daim dan Aiman mendapati Hanna menyampaikan terlalu banyak kandungan pada hari itu, beliau menerangkan biasanya pensyarah mengambil masa dua jam untuk mengajar satu bab, namun Hanna selain daripada habis mengajar bab 1, beliau juga mengajar tulisan Cina dan membuat ulang kaji.

Sekiranya berbanding kelas Hanna dengan kelas Sophia dan kelas Terry, kelas Sophia dan kelas Terry tidak mengajar lebih item seperti kelas Hanna. Sophia biasanya menambahkan item mengulang kaji dalam setiap kelas bahasa Mandarin. Beliau mengambil masa lebih kurang 15 minit untuk perkara tersebut. Contohnya pada pemerhatian kelas pertama, Sophia mengulang kaji bab yang diajar pada minggu sebelumnya selama sepuluh minit. Kemudian beliau menghabiskan pengajaran bab dua seperti yang diterangkan dalam dokumen kurikulum bertulis. Akan tetapi, beliau tertinggal bahagian pengajaran tulisan Cina yang ditetapkan dalam dokumen berkenaan. Pada masa itu, Sophia terus mula mengajar ketika beliau sampai ke kelas walaupun cuma terdapat 13 orang pelajar dalam kelas. Terdapat pelajar yang datang satu demi satu setelah kelas bermula. Suasana kelas sepanjang masa pengajaran pemerhatian kelas pertama itu agak ceria dan mesra (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1).

Sungguhpun begitu, ada kalanya Sophia membuat sedikit penyesuaian dari segi kandungan pengajaran yang ditetapkan. Pemerhatian kelas kedua Sophia dilaksanakan pada minggu kelima. Sophia bermula kelas dengan menyambung pengajaran bab empat yang masih belum habis diajar pada kelas sebelumnya. Beliau berbincang dengan pelajar tentang latihan dalam bab empat sebelum sambung mengajar dialog-dialog bab empat dalam buku teks. Setelah habis mengajar bab empat, Sophia baru mengajar bab lima seperti yang disenaraikan dalam dokumen. Sophia mengajar penulisan beberapa perkataan tulisan Cina dan menyemak penulisan pelajar sebelum beliau mula mengajar bab lima.

Tulisan Cina sebenarnya tidak termasuk dalam kandungan pengajaran yang ditetapkan dalam dokumen. Beliau tidak mengajar tulisan Cina pada pemerhatian kelas pertama yang sepatutnya diajar pada masa itu dan mengajar tulisan Cina pada minggu kelima walaupun tidak disenaraikan dalam dokumen kurikulum bertulis. Kelas ini tamat lebih awal, iaitu pada pukul 2.10 petang kerana terdapat pensyarah lain yang

menggunakan kelas ini pada masa tersebut (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1). Walau bagaimanapun, item kandungan yang disampaikan dalam kelas Sophia tersebut juga tidak termasuk aktiviti kelas yang melibatkan pertuturan pelajar dalam bahasa Mandarin secara aktif seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis.

Pengajaran dalam kelas Terry hampir sama dengan kelas Sophia, beliau lazim mula kelas dengan membincang latihan dalam buku teks dan menghafal dialog, yakni kerja rumah yang menyuruh pelajar bersedia pada minggu sebelumnya. Pemerhatian kelas pertama Terry dijalankan pada minggu keempat, beliau bermula kelas pada pukul 2.10 petang dengan berbincang latihan dan menghafal dialog dalam buku teks untuk bab tiga sebelum beliau mula mengajar bab empat. Terdapat seorang pelajar yang sukarela untuk menghafal dialog dan Terry memanggil dua orang pelajar lagi untuk melakukan perkara yang sama dalam kelas. Sebelum kelas pada hari itu tamat pada pukul 3.55 petang, Terry mengajar pelajar menulis beberapa tulisan Cina (PK1/Terry/ Rfl/Ruj.1). Terry telah menghabiskan semua pengajaran untuk kandungan dalam bab empat seperti yang disenaraikan dalam dokumen kurikulum bertulis. Ini bermakna Terry menggunakan kurang daripada dua jam untuk mengajar satu bab, padahal yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis, setiap bab diperuntukkan dua jam. Item tambahan yang Terry melakukan dalam kelas tersebut termasuk menjalankan latihan untuk bab tiga dan penulisan tulisan Cina (PK1/Terry/ Rfl/Ruj.1).

Selain itu, Hanna menambahkan aktiviti latihan mendengar dalam pengajarannya pada pemerhatian kelas ketiga dan Terry menambahkan ujian mendengar pada pemerhatian kelas kedua kerana minggu sepatutnya mengadakan ujian mendengar merupakan hari cuti am untuk kelas Terry ((PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1; PK2/Terry/ Rfl/Ruj.1). Semasa membuat latihan mendengar, Hanna menerangkan struktur ayat berdasarkan soalan-soalan dalam latihan ujian mendengar. Latihan tersebut mengambil masa lebih kurang setengah jam (PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1). Dengan kata lain, Hanna

mengajar bab enam pada hari itu dalam masa satu setengah jam, yakni kurang setengah jam seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Begitu juga dengan kelas Terry pada hari berkenaan. Sebelum ujian mendengar bermula, Terry menyuruh pelajar menyusun meja dan kerusi supaya dapat menjarakkan tempat duduk pelajar. Seperti yang diberitahu sebelum ini, kelas ini agak kecil untuk memuatkan 32 orang pelajar. Maka, pelajar tidak dapat menyusun meja seperti yang disuruh, malahan terdapat beberapa orang pelajar yang tidak mempunyai meja untuk menulis, mereka terpaksa meletak kertas jawapan di atas peha untuk menulis semasa menjawab soalan ujian mendengar 1 (PK2/Terry/Rfl/Ruj.1).

Sophia dan Terry mengajar bab lapan pada pemerhatian kelas ketiga. Sophia bermula kelas itu dengan mengulang kaji bab tujuh sebelum mula mengajar bab lapan. Kali ini Sophia dan Terry menjalankan aktiviti kelas yang melibatkan penyertaan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin setelah menerangkan maksud dan penggunaan kosa kata baharu dalam bab lapan (TB3/Sophia/Pydn/Ruj.8; PK3/Terry/ Rfl/Ruj.1). Sophia melaksanakan aktiviti kumpulan dan Terry menjalankan aktiviti lisan berpasangan berdasarkan ayat-ayat terpilih daripada dialog dalam buku teks. Ini merupakan kali pertama Sophia dan Terry melakukan aktiviti yang melibatkan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin berasaskan pengajaran yang disampaikan dalam kelas.

Walau bagaimanapun, Sophia tidak menggunakan buku teks untuk mengajar pada hari tersebut, ini termasuk tidak mengajar dialog-dialog dalam buku teks. Sophia menerangkan bahawa beliau akan merujuk kepada buku teks untuk bacaan pada kelas akan datang untuk bab ini (TB3/Sophia/Pydn/Ruj.8). Sophia menyampaikan semua bahan pengajaran yang terkandung dalam buku teks, malahan beliau mengajar lebih yang ada dalam buku teks. Menurut beliau :“Apa yang ada dalam buku teks ini semua diajar, tapi biasanya ada *extralah* yang berkaitan dengan kehidupan mereka” (TB1/Sohpia/Pdgg/Ruj.2). Ini bermakna apa-apa yang perlu diketahui oleh pelajar tetapi

tidak terdapat dalam buku teks, Sophia akan masukkan dalam pengajaran beliau juga. Manakala bahan pengajaran yang disampaikan Terry pada minggu tersebut adalah sejajar dengan cadangan yang disenaraikan dalam dokumen kurikulum bertulis. Terry mengatakan semua kandungan dalam sukatan pelajaran telah disampaikan kepada pelajar sebelum tamat semester ini agar pelajar mendapat maklumat dan pengetahuan terhadap bahasa Mandarin seperti yang ditetapkan dalam kursus ini (TB3/Terry/Kurr/Ruj.3).

Secara amnya, ketiga-tiga pensyarah yakni Hanna, Sophia dan Terry menyampaikan item pengajaran melebihi yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis. Namun demikian, item-item yang disampaikan itu jarang-jarang termasuk aktiviti kelas yang membolehkan pelajar mempraktikkan bahasa Mandarin yang dipelajari dalam kelas seperti yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis, kecuali Sophia dan Terry pernah melaksanakan aktiviti berkenaan sekali sepanjang masa kajian ini.

Dari segi kesejajaran isi kandungan yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis dengan pengajaran sebenar semasa pemerhatian kelas, didapati Sophia mencapai kesejajaran yang paling tinggi jika dibandingkan dengan Hanna dan Terry. Sophia lazim menambah mengulang kaji bab yang telah diajar sebelumnya dalam pengajarannya semasa ketiga-tiga pemerhatian kelas, akan tetapi aktiviti tersebut cuma mengambil masa lebih kurang 15 minit sebelum bermula pengajaran seperti yang ditetapkan.

Seterusnya diikuti oleh Terry, Terry menambahkan perkara membincangkan latihan bab tiga pada pemerhatian kelas pertama (PK1/Terry/Rfl/Ruj.1) dan menambahkan aktiviti ujian mendengar 1 semasa pemerhatian kelas kedua (PK2/Terry/Rfl/Ruj.1). Manakala item yang diajar Hanna pada pemerhatian kelas pertama jauh lebih banyak daripada item yang telah ditetapkan dalam kurikulum bertulis (PK1/Hanna/Rfl/Ruj.1). Hal ini mendapat maklum balas negatif daripada pelajar yang mengatakan kandungan pengajaran Hanna pada masa itu membebankan

pelajar dan pelajar tidak dapat memfokus semasa Hanna mengajar dalam kelas. Selain itu, Hanna juga menambahkan latihan mendengar semasa pemerhatian kelas ketiga (PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1).

4.4.3 Kaedah Penyampaian Pengajaran

Sepanjang masa pemerhatian kelas, didapati Hanna menggunakan bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan satu dua perkataan bahasa Melayu dalam kelas, manakala Sophia dan Terry menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dalam kelas. Secara umum, Hanna, Sophia dan Terry mengikut turutan kandungan dalam buku teks untuk menyampaikan pengajaran dalam kelas. Kaedah pengajaran tersebut merupakan amalan bertakrif buku teks seperti yang berlaku di Iran dalam pengajaran bahasa Inggeris (Akbari, 2008). Sungguhpun begitu, Sophia mengajar kosa kata terlebih dahulu sebelum merujuk kepada buku teks untuk mengajar dalam kelas.

Reka bentuk setiap bab dalam buku teks bahasa Mandarin pada tahap III bermula dengan tajuk bab dan beberapa contoh ayat yang dipilih sebagai fokus pembelajaran untuk setiap bab. Diikuti dengan dialog satu, jadual kosa kata satu, dialog dua, jadual kosa kata dua, latihan tukar ganti, latihan, jadual kosa kata tambahan dan penjelasan tentang ungkapan atau kosa kata yang terpilih daripada setiap bab. Laporan dapatan kajian seterusnya memfokus kepada kaedah penyampaian pengajaran Hanna, Sophia dan Terry dari empat aspek, yakni kelajuan percakapan pensyarah, kosa kata dan tatabahasa, sebutan dan aktiviti kelas.

4.4.3.1 Kelajuan Percakapan Pensyarah

Memandangkan bahasa Mandarin merupakan bahasa baharu dan pertama kali dipelajari pelajar, maka kelajuan percakapan pensyarah akan mempengaruhi kefahaman pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan dalam kelas. Ketiga-tiga pelajar Hanna

yakni Aiman, Daim dan Ehsan berpendapat Hanna bercakap terlalu laju dalam kelas pada awal semester. Menurut Aiman:

“ ‘Laoshi’ bercakap Mandarin terlalu laju. Hal ini membuatkan saya susah untuk memahami apa yang laoshi cakap. Bagi saya, jika laoshi bercakap perlahan sedikit akan memudahkan pelajar untuk memahami apa yang cuba disampaikan.”

(Jrn/Aiman/12Sept/Ruj.2)

Ehsan mempunyai pandangan yang serupa dengan Aiman, “ ... mungkin ia cakap *fluent* sangat, ia cakap laju sikit, susah sikit tapi boleh faham jugalah” (TB1/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.4).

Walau bagaimanapun, Hanna telah bercakap dengan lebih perlahan dalam kelas setelah diberitahu maklum balas pelajar. Aiman menjelaskan “saya dapat rasakan yang ‘laoshi’ menyebut perkataan-perkataan Mandarin lebih perlahan dan jelas berbanding kelas-kelas sebelum ini” (Jrn/Aiman/19Okt/Ruj.1). Daim pula mengatakan “*I also noticed that ‘laoshi’s’ voice was more clearer or may be her speaking pace was a bit slower than before*” (Jrn/Daim/19Okt/Ruj.1). Beliau berasa Hanna “... punya suara pun mungkin dia ajar makin *clear*, dia pun perasan kita orang tak dapat *catch up* kalau dia terlampau laju” (TB3/Daim/Pdgn.psyrr/Ruj.1).

Manakala pelajar Sophia dan Terry tidak memberi apa-apa komen tentang perkara tersebut. Ini bermakna kelajuan percakapan Sophia dan Terry adalah sesuai dan dapat diterima oleh pelajarnya. Malahan ketiga-tiga pelajar Sophia iaitu Lisa, Rizal dan Sheila mengatakan mereka tidak mempunyai masalah terhadap percakapan Sophia dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu dalam kelas (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.9; TB1/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.4; TB1/Sheila/Pdgn.psyrr /Ruj.1). Ini kerana Sophia ialah Melayu, memang tidak mempunyai masalah apabila beliau berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Malahan Lisa mengatakan beliau memahami bahasa yang digunakan Sophia, termasuk bahasa Mandarin kerana perkara yang disebut oleh Sophia dalam

bahasa Mandarin merupakan perkara yang telah pelajar mempelajari ataupun sedang mempelajari (TB1/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.9).

4.4.3.2 Kosa Kata dan Tatabahasa

Hanna, Sophia dan Terry biasanya bermula setiap bab dengan memberi penjelasan kepada tajuk berkenaan diikuti dengan kosa kata baharu dan penggunaan kosa kata dalam ayat, di samping itu menerangkan tatabahasa dalam ayat berkenaan. Ketiga-tiga pensyarah menggunakan kaedah nahu terjemahan iaitu menggunakan padanan bahasa seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang sepadan dengan bahasa Mandarin atau sebaliknya untuk menerangkan maksud kosa kata. Sophia dan Terry biasanya mengaplikasikan kaedah terjemahan sahaja ataupun diikuti dengan penjelasan yang ringkas, manakala Hanna cenderung memberi penjelasan dan penggunaan kosa kata secara terperinci.

Hanna, Sophia dan Terry menggunakan kaedah masing-masing untuk memperkenalkan tajuk sesuatu bab yang hendak diajar. Kebetulanannya pada pemerhatian kelas kedua Hanna dan pemerhatian kelas pertama Terry, kedua-dua pensyarah mengajar bab yang sama iaitu bab empat yang bertajuk “Wenlu”(Bertanya jalan). Hanna menjelaskan maksud tajuk dengan memberi maksud kepada setiap tulisan Cina. Beliau memberitahu pelajar “wenlu” bermaksud “bertanya jalan”, seterusnya menerangkan maksud “wen” dan “lu” iaitu “tanya” dan “jalan”, dan menerangkan dua perkataan bergabung untuk memberi maksud “bertanya jalan”. Seterusnya beliau memberitahu pelajar bahawa pengajaran pada hari itu berkenaan dengan lokasi (PK2/Hanna/Rfl/Ruk.1).

Manakala Terry mengajar kosa kata tersebut dengan bertanya kepada pelajar apakah tajuk bab empat yang akan pelajar mempelajari pada masa itu, dan pelajar menjawab “wenlu”. Seterusnya, beliau bertanya kepada pelajar maksud “wenlu”, pelajar menjawab “Bertanya jalan” dengan merujuk kepada buku teks. Seterusnya,

Terry memberi sedikit penerangan tentang perkataan “wen”, yakni perkataan “wen” dalam “wenlu” bersamaan dengan “wen” dalam “wenti” yang bermaksud “soalan” (PK1/Terry/Rfl/Ruj.1).

Sebaliknya, Sophia biasanya memperkenalkan tajuk bab baharu dengan menyebut tajuk bab berkenaan dalam bahasa Mandarin dan bertanya kepada pelajar tentang maksud tajuk dalam bahasa Melayu. Contohnya, pada masa pemerhatian kelas ketiga, Sophia bertanya kepada pelajar tentang maksud tajuk bab lapan iaitu “Zai bangongshi” dan pelajar menjawab bersama-sama “Di pejabat” (PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1). Pelajar menjawab soalan Sophia dengan merujuk kepada penjelasan dalam buku teks.

Kaedah pengajaran Sophia dan Terry untuk memperkenalkan tajuk kepada pelajar agak sama, manakala Hanna memberi lebih banyak maklumat terhadap tajuk yang diterangkan. Kaedah Hanna tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajarnya. Daim suka akan kaedah Hanna menjelaskan maksud sesuatu kosa kata yang terdiri daripada beberapa perkataan bahasa Mandarin. Hanna menerangkan maksud setiap perkataan bahasa Mandarin dalam sesuatu kosa kata, kemudian mencantumkan perkataan berkenaan untuk membentuk kosa kata yang membawa maksud tertentu. Daim mengatakan “*I really like the way ‘laoshi’ trying to explain the new vocab*” (Jrn/Daim/6Okt/Ruj.1). Daim menerangkan perkara tersebut dalam jurnalnya “*...the words ‘Beihai’ which if we would translate it directly it would sounded like “North Sea”. Thus, the Mandarin word relate the location of Butterworth to describe it*” (Jrn/Daim/6Okt /Ruj.2). Penerangan tersebut menjelaskan nama “Butterworth” dalam bahasa Mandarin “Beihai” diberi berdasarkan perkataan bahasa Mandarin yang berkaitan dengan lokasi untuk menerangkannya.

Kaedah pengajaran kosa kata Hanna dapat membantu Ehsan mengingati dan memahami kosa kata yang panjang dan rumit strukturnya. Beliau mengatakan “... apabila pensyarah saya mengajar di dalam kelas tentang bagaimana hendak mengingati

dengan mudah, saya mula faham dan tahu bagaimana cara untuk mengingatnya. Kebanyakan struktur kosa kata boleh dipecahkan kepada beberapa bahagian, contohnya “zongyi jiemu” bermaksud rancangan hiburan, “zong” bermaksud pelbagai hiburan, manakala “yi” bermaksud seni. Dengan cara ini saya mudah untuk mengingati sesuatu perkataan” (Jrn/Ehsan/28Sept/Ruj.1). Pemahaman Ehsan tentang maksud kosa kata melalui pemahaman setiap perkataan dalam kosa kata, selain daripada membantu beliau untuk mengingati maksud kosa kata, di samping itu juga dapat menambahkan kuantiti kosa kata yang dipelajari.

Sungguhpun begitu, lazimnya Hanna menjelaskan secara terperinci terhadap kosa kata baharu dari segi makna perkataan, memberi contoh penggunaan kosa kata baharu dan juga menerangkan tatabahasa ayat yang diperkenalkan. Pengajaran Hanna secara mendalam tentang penggunaan sesuatu kosa kata dapat dilihat ketika beliau menjelaskan ayat dalam bahagian fokus pembelajaran dalam pemerhatian kelas ketiga seperti berikut:

“next one, “乐浪岛的风景很美, 环境很清静”, follow our pattern, subject + 很 + adjective. Understand or not? So “乐浪岛的风景”, vocabulary, “风景” means scenery, scenery, “美” same as “漂亮” means beautiful, “美”, same as “漂亮” means “beautiful”. “环境” is environment, environment, “清静” means quiet, or you can say peaceful, quiet, quiet. So, this is about vocabulary and pattern you know. ... Ok ngah, so you see, you can see here “乐浪岛的风景” is one subject, “环境” is another subject, so actually this is two sentences, understand ngah. So what we studied before, if one subject with two adjectives we must say “很... 也很”, isn’t it? This is what we studied before I say is with one subject, so “很” this is only one and another one, this is two subjects, one subject with two adjectives we use “很... 也很”, be careful this one, this one happen in the written test, ask you, to test it and this sentence there are two subjects and two adjectives, so they don’t put the “也” ngah. ...”

(PK3/Audio/Hanna/Ruj.4)

Selain daripada memberi maksud kosa kata, beliau menerangkan penggunaan perkataan dalam ayat. Hanna membandingkan kegunaan “hen” dan “ye hen” dalam ayat. Hanna menerangkan perkara tersebut secara percakapan tanpa apa-apa alat bantu pengajaran.

Walaupun pelajar suka akan penjelasan maksud kosa kata Hanna terhadap setiap perkataan dalam bahasa Mandarin, mereka berasa tertekan dan tidak dapat menyerap pengajaran Hanna sekiranya penerangan itu ditambahkan dengan terlalu banyak contoh penggunaan kosa kata dan tatabahasa tertentu. Berkenaan dengan maklumat tambahan yang diberi oleh Hanna dalam kelas, Daim memberi pendapat bahawa:

“Dia punya *teaching method* itu *is quite good already* sebab dia memang akan bagi *a lot of extra informations* yang tak ada dalam buku, *and then* dia memang akan *emphasize* dia punya *goal*, bagaimana nak jawab *and stuffs*, cuma kita orang rasalah, *most of the students* dia tak berapa suka sebab dia kata terlalu banyak *informations*, dalam satu kelas itu, tak mahu terlalu banyak *informations* dia orang kena *absord*”

(TB3/Daim/Pdgn.psy/Ruj.4)

Meskipun Daim nampak kelebihan Hanna memberi maklumat tambahan dalam kelas, beliau berasa pelajar tidak dapat menyerap terlalu banyak maklumat dalam satu kelas. Namun, dari segi pandangan Hanna “... bagi saya, saya tidak terhad kepada bahan dalam buku saja, kalau begitu tidak perlu menjadi pensyarah, pensyarah bertanggungjawab untuk membekalkan seberapa banyak pengetahuan yang boleh ...” (TB3/Hanna/Tgp.sdr/Ruj.3).

Sophia juga mengatakan beliau sentiasa memberi maklumat di luar sukatan pelajaran yang berkaitan dengan tajuk yang diajar kepada pelajar. Walau bagaimanapun, kaedah Sophia berbeza dengan Hanna (TB1/Sohpia/Pdgg/Ruj.2). Sophia tidak memegang kepada satu kaedah sahaja untuk memperkenalkan dan menerangkan maksud kosa kata baharu. Pengajaran kosa kata baharu Sophia bergantung kepada kesesuaian kandungan kosa kata untuk setiap bab. Contohnya semasa pemerhatian kelas pertama, Sophia mengajar bab dua yang bertajuk “Menonton televisyen”. Pada masa itu, beliau menyebut rancangan televisyen dalam bahasa Melayu, pelajar menjawab rancangan yang disebut oleh Sophia dalam bahasa Mandarin. Pelajar boleh merujuk kepada buku teks untuk mendapat sebutan kosa kata yang Sophia menyebut dalam

bahasa Melayu (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1). Di samping itu, Sophia menulis semua rancangan televisyen yang disebut pelajar di papan putih secara *mapping*.

Sheila dan Lisa suka akan kaedah pengajaran Sophia tersebut kerana kaedah tersebut sangat senang untuk difahami. Dari segi pandangan Sheila, kaedah pengajaran itu ialah *brainstorming* (TB1/Sheila/bab.tt/Ruj.3) yang merupakan cara yang digunakan oleh Sophia untuk menguji sama ada pelajar membuat persediaan sebelum kelas (TB1/Sheila/bab.tt/Ruj.3). Lisa mengatakan pengajaran Sophia yang paling digemari beliau ialah pengajaran kosa kata. Beliau mengulaskan hal tersebut secara terperinci seperti beritku: “Buat *mapping* itu saya suka, macam kita dalam buku teks itu semua bercampur-campur kan, bila dia buat *mapping* kita nampak ini khas untuk apa, ini untuk apa, untuk situasi macam mana kita guna perkataan apa” (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.7). Pandangan Lisa tersebut merupakan objektif Sophia mengaplikasikan kaedah terjemahan dan *mapping* untuk memperkenalkan kosa kata baharu bab tersebut. Sophia mempercayai kaedah *mapping* dapat membantu pelajar mengingat kosa kata baharu setelah mengumpulkan kosa kata yang berkaitan dalam sesuatu kumpulan.

Meskipun begitu, apabila Sophia mengaplikasikan kaedah bercerita untuk memperkenalkan kosa kata dalam bab lapan yang bertajuk “Di pejabat”, beliau bercerita sambil menulis kosa kata yang berkaitan di papan putih secara “mapping” (PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1). Sheila berasa beliau tidak dapat mengikuti pengajaran Sophia kerana kaedah penyampaian Sophia yang menggunakan “mapping” untuk mengajar kosa kata baharu dalam kelas itu tidak sesuai untuk beliau. Beliau menerangkan dalam jurnal seperti berikut:

“... I have never been this dumbfounded in a Mandarin class. I think it’s the way ‘laoshi’ conducted the class. She discussed the vocabulary first, then referred to the book. From the previous semesters, my ‘laoshimen’ started the class straight from the book and I picked up the vocabulary quite quickly. ‘Laoshi’ drew on the whiteboard with the intention that we would memorize the vocabulary better if there were visual aid as well as text when learning. Just like when we learnt our ABCs as apple, ball and cup. Since I have been dumbfounded from the

beginning, I lost interest in the class and did not learn the vocabulary for the chapter which I should be doing.”

(Jrn/Sheila/12 Sept/Ruj.3)

Sheila menerangkan beliau tidak dapat mengikuti kaedah pengajaran Sophia tersebut dan beliau lebih suka akan kaedah pengajaran kosa kata mengikut turutan dalam buku teks seperti pensyarah sebelum ini.

Pandangan Sheila tersebut bercanggah dengan pandangan beliau terhadap pengajaran Sophia pada masa pemerhatian kelas pertama. Beliau mengatakan suka akan kaedah pengajaran Sophia iaitu menggunakan *mapping* ataupun *brainstorming* untuk menerangkan maksud kosa kata baharu terlebih dahulu, kemudian barulah merujuk kepada senarai kosa kata dalam buku teks. Padahal, faktor utama yang menyebabkan Sheila tidak dapat mengikuti kelas hari itu kerana beliau tidak bersedia sebelum kelas dan Sophia menyampaikan banyak kandungan dalam kelas itu. Perasaan Sheila seterusnya diterangkan seperti berikut: “... macam *blur* sikit, macam lambat nak *pickup*, rasa tak boleh nak *fully* belajar sebab tak *prepared*lah, tak *prepared* macam semua *words* itu hilang nak belajar, itulah” (TB2/Sheila/bab.tt/Ruj.2). Sheila menerangkan bahawa “saya rasa ‘laoshi’ itu tunjuk jelas, cuma saya kurang *prepared* dan masa hari itu macam tak ada *mood may be* sebab belajar lewat malam, *so* sebab tak boleh proses sangat apa yang saya belajar” (TB2/Sheila/bab.tt/Ruj.4).

Walau bagaimanapun, Sheila masih mempercayai mengingat kosa kata satu demi satu daripada senarai kosa kata dalam buku teks merupakan kaedah yang paling berkesan untuk beliau (Jrn/Sheila/14Nov/Ruj.1). Pandangan tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam jurnalnya : “... *I can only memorize vocabularies by reading the dialogue in the textbook and look at its meaning* (Jrn/Sheila/24Okt/Ruj1). Sheila berasa lebih selesa sekiranya Sophia mengikut turutan dalam buku teks untuk memperkenalkan kosa kata baharu untuk bab tertentu, bukannya menyusun mengikut tema atau cerita masing-masing (TB3/Sheila/Pglm/Ruj.4).

Rizal bersependapat dengan Sheila dan mengatakan kaedah pengajaran Sophia tersebut tidak serasi dengan gaya pembelajarannya. Beliau mengatakan: “ ... macam teks dia tak tertumpu kepada buku, dia lebih kepada er... dialog yang dia buat sendiri” (TB3/Rizal/Bab.ttt/Ruj.7) dan menerangkan bahawa “*First part* itu tak payah buat, saya rasa lebih mudah dengan menggunakan buku sebab buku menyenaraikan semuanya, semua perkataan kita nak belajar pada hari itu” (TB3/Rizal/Bab.ttt/Ruj.11).

Manakala, Sophia menerangkan pengajaran beliau tersebut seperti berikut: “Pengajaran hari itu er ... saya buat macam ceritalah, *story telling* daripada habis belajar, *graduated*, cari kerja, pergi interviu, bila *start* bekerja macam-macam, bila kerja apa yang dia orang dapat ” (TB3/Sophia/Pdgg/Ruj.1). Beliau mempercayai kaedah ini dapat membantu pelajar mengingat kata baharu (PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1). Tambahan, beliau memberi pandangan bahawa pelajar ialah orang dewasa, maka untuk belajar kata baharu “dengan dia orang perlu menghafal dahulu, tapi penting dia orang faham pemahaman ... kalau dia hafal kata saja masih tak boleh *apply* dalam ayat-ayat komunikasi, masih juga tidak berguna sebab hafalan itu mungkin untuk permulaan, tapi kemudian pelajar kena belajar, kena bagaimana *apply* dalam perbualan harian” (TB3/Sophia/Pdgg/Ruj.2). Sehubungan dengan itu, Sophia memperkenalkan kata baharu kepada pelajar secara “mapping” atau bercerita iaitu mengaplikasikan kata dalam ayat-ayat tertentu.

Sungguhpun Sheila dan Rizal tidak suka akan kaedah pengajaran Sophia tersebut, Lisa mengatakan kaedah itu adalah lebih kreatif dan membolehkan pelajar berfikir lebih daripada perkara yang terkandung dalam buku teks (TB3/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.6). Selain daripada kaedah pengajaran tersebut, Sophia menggunakan kaedah melukis gambar untuk menjelaskan tatabahasa dan penggunaan kata dalam ayat yang berkaitan dengan “Berapa jauh” dan “Berapa lama” pada pemerhatian kelas kedua (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1). Rizal pula mengatakan kaedah

pengajaran itu “Cara penyampaian dia saya suka, cara dia membuat beberapa jenis carta-carta ataupun diagram, membuat peta, graf yang dia buat tu, saya rasa yang lebih memberi kefahaman kepada saya” (TB2/Rizal/Pdgn.psyrr/Ruj.7).

Sophia juga menggunakan projektor untuk memaparkan tempat-tempat pelancongan di Kuala Lumpur untuk mengulang kaji tempat-tempat pelancongan yang diajar pada kelas sebelumnya pada pemerhatian kelas ketiga. Lisa suka akan pensyarah menggunakan projektor untuk menyampaikan pengajaran kerana “gunakan projektor ‘laoshi’ itu boleh fokus, dia tak perlu nak tulis, lukis, dia boleh *straight* menjalankan pengajaran dan ia senang tunjuk sebab gambar sudah ada ... lukis sendiri ia ambil masa ... jadi gambar sudah siap lebih mudah bagi pelajar faham dan lebih jelas untuk pelajar (TB3/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.1). Lisa menerangkan selanjutnya bahawa meskipun penggunaan projektor pada hari itu bukannya untuk tayangkan gambar ketika Sophia mengajar bab lapan, malahan adalah untuk teks-teks seperti kosa kata dalam bab lapan, “pelajar-pelajar en ... boleh belajar dengan elok juga sebab tulisannya en dah ada kalau ‘laoshi’ kadang-kadang dia tulisannya sambung atau rapat-rapat, kadang-kadang saya tak dapat dia tulis apa” (TB3/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.2). Lisa berasa penggunaan projektor untuk menyampaikan pengajaran seperti kelas itu dapat menjimatkan masa jika dibandingkan dengan pensyarah yang menulis di papan putih. Satu lagi kebaikan pensyarah menggunakan projektor ialah pensyarah boleh memaparkan gambar-gambar yang dapat membantu beliau untuk memahami pengajaran pensyarah (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.3). Lisa gemari pensyarah menggunakan gambar-gambar untuk mengajar (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.2).

Rizal bersetuju dengan pandangan Lisa bahawa penggunaan projektor untuk menyampaikan kandungan pengajaran memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sesuatu perkara (TB3/Rizal/Pglm/Ruj.1), berbanding dengan belajar seperti biasa tanpa kelengkapan teknologi pengajaran (TB3/Rizal/Bab.ttt/Ruj.4). Namun, Sheila tidak

berasa penggunaan projektor untuk menayangkan gambar-gambar dan teks-teks tertentu dapat menolong beliau untuk memahami pengajaran dalam kelas Mandarin. Beliau lebih selesa sekiranya pensyarah menggunakan kaedah tradisional iaitu menulis di papan putih (TB3/Sheila/Pglm/Ruj.2).

Daripada perbincangan di atas, didapati Sophia mengaplikasikan kaedah *mapping*, melukis gambar dan bercerita untuk mengajar kosa kata berdasarkan kesesuaian tajuk yang hendak disampaikan. Namun, Sophia mementingkan pengajaran melalui kaedah terjemahan sungguhpun pendekatan pengajaran beliau berubah menurut kandungan pelajaran tertentu. Beliau mengatakan “biasanya dalam latihan yang saya buat satu saja *translation*. Melalui *translation* kita akan menguji banyak bendalah, satu kosa kata, yang kedua penyusunan struktur ayat, yang ketiga fahaman macam mana nak menggunakan kosa kata” (TB3/Sophia/Pnll/Ruj.2). Didapati pada pemerhatian kelas kedua, Sophia menyuruh pelajar menterjemahkan dialog dalam buku teks kepada bahasa Melayu ayat demi ayat (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1). Selain itu, Sophia lazim menyuruh pelajar membaca latihan tukar ganti dalam buku teks, pada masa itu beliau akan menegaskan struktur ayat dalam bahasa Mandarin yang dipelajari dalam bab tertentu (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.2).

Pengajaran kosa kata dan tatabahasa Terry agak berbeza dengan Sophia, tetapi lebih menyerupai kaedah pengajaran Hanna. Terry cenderung mengikut turutan dalam buku teks untuk memperkenalkan kosa kata baharu dan menggunakan satu kaedah sahaja iaitu kaedah menterjemah untuk menerangkan maksud dan penggunaan kosa kata. Namun, penerangan Terry lebih ringkas dan senang jika dibandingkan dengan kaedah Hanna yang lebih terperinci untuk pengajaran kosa kata dan tatabahasa.

Biasanya Terry menyuruh pelajar merujuk kepada senarai kosa kata dalam buku teks, kemudian menyuruh pelajar membaca beramai-ramai satu demi satu selepas beliau membaca kosa kata berkenaan dalam bahasa Melayu. Di samping itu, Terry

menerangkan penggunaan kosa kata yang dibaca sekiranya perlu (PK1/Terry/Rfl/Ruj.1; PK2/Terry/Rfl/Ruj.1; PK3/Terry/Rfl/Ruj.1). Ada kalanya Terry menerangkan kosa kata sambil menulis atau melukis di papan putih. Terry mengaplikasikan kaedah menterjemah untuk menerangkan maksud dialog dalam buku teks ayat demi ayat dalam bahasa Melayu. Ada kalanya Terry memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan. Terdapat beberapa pelajar bertanya soalan tentang kosa kata berkenaan dengan tajuk yang dipelajari tetapi tidak disenaraikan dalam buku teks dalam pemerhatian kelas pertama. Kadang-kadang Terry menggantikan kosa kata dalam ayat tertentu dengan satu kosa kata baharu dan menyuruh pelajar mempraktikkan dalam kelas. Contohnya dialog dalam buku teks ialah “Zheli you tikuanji ma?”, beliau menukarkan “tikuanji” kepada “cesuo” untuk memperkenalkan kosa kata baharu dan menggantikan kosa kata baharu dalam ayat yang dipelajari (Jrn1/Terry/Ruj.1).

Umumnya, pelajar Terry kurang memberi pandangan tentang kaedah pengajaran Terry terutamanya dari segi pengajaran kosa kata dan tatabahasa. Farah dan Melini memberi pandangan bahawa mereka memahami pengajaran Terry secara keseluruhannya dan berasa penyusunan pengajaran Terry adalah sesuai dan tidak membosankan (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.11; TB1/Melini/Bab.ttt/Ruj.3). Walau bagaimanapun, pengajaran Terry dalam kelas tidak mempunyai kreativiti dari segi pengendalian bahan pengajaran (PK1/Terry/Rfl/Ruj1; PK2/Terry/Rfl/Ruj1; PK3/Terry/Rfl/Ruj1).

Melalui perbincangan tentang pengajaran kosa kata dan tatabahasa bagi Hanna, Sophia dan Terry tersebut, dapat dilihat bahawa pendekatan pengajaran kosa kata dan tatabahasa ketiga-tiga pensyarah cenderung kepada kaedah terjemahan. Namun, kaedah pengajaran Sophia lebih kreatif dan menarik jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran Hanna dan Terry yang mengaplikasikan kaedah yang sama sahaja untuk semua tajuk yang diajar semasa pemerhatian kelas. Sungguhpun begitu, kaedah

pengajaran yang dianggap menarik dan kreatif untuk seseorang pelajar tidak semestinya digemari oleh pelajar yang lain. Mengikut reka bentuk kurikulum kursus ini, kaedah pengajaran yang lebih sesuai adalah kaedah pengajaran yang fokus kepada kemahiran mendengar dan bertutur seperti kaedah pengajaran bahasa komunikasi.

4.4.3.3 Sebutan

Sebutan dalam bahasa Mandarin berbeza dengan sebutan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Penekanan terhadap membetulkan sebutan bahasa Mandarin pelajar dalam kelas bagi ketiga-tiga pensyarah, yakni Hanna, Sophia dan Terry adalah berlainan.

Daripada ketiga-tiga pemerhatian kelas, didapati Hanna kerap menyuruh pelajar membaca kosa kata, ayat dan dialog dalam buku teks. Pelajar sama ada membaca selepas beliau secara individu ataupun beramai-ramai (PK1/Hanna/Rfl/Ruj.1; PK2/Hanna/Rfl/Ruj.1; PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1). Hanna berpendapat bahawa membaca selepas pensyarah sangat penting, terutama sekali untuk perkataan yang pertama kali ditemui pelajar. Beliau mempercayai cara itu dapat menolong pelajar menguasai sebutan yang betul dan tepat dalam bahasa Mandarin. Hanna mengatakan membaca ialah perkara pertama yang harus dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj. 11).

Sungguhpun Hanna mementingkan sebutan pelajar pada peringkat asas, beliau lazim menyuruh pelajar membaca secara beramai-ramai. Manakala Daim berharap beliau dapat dipanggil oleh pensyarah untuk membaca secara individu dalam kelas kerana “kadang-kadang perkataan itu kita *may be* dah belajar dan kita rasa sebutan dia betul tapi salah. *Just* nak *make sure* sebutan betullah. *Check* dengan “‘laoshi’ kan” (TB1/Daim/Pglm/Ruj.15). Daim berpendapat bahawa membaca secara individu barulah dapat mengesan kesalahan pelajar. Pandangan Daim tersebut adalah sama dengan pandangan Melini. Melini menyuarakan pandangan beliau tentang aktiviti membaca

dalam kelas Terry dengan mengatakan “... dia suruh baca satu kelas, dia tak ada macam dua orang baca, dia tak ada. *So* kita dengar semua satu kelas, kalau kita salah kita pun tak tahu ...” (TB1/Melini/Pdgn.psyR/Ruj.4).

Antara ketiga-tiga pensyarah, yakni Hanna, Sophia dan Terry, Terry paling mengambil berat tentang sebutan pelajar manakala Sophia kurang mementingkan hal tersebut (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1). Sophia akan menyuruh pelajar membaca teks dalam buku teks secara individu ataupun beramai-ramai untuk tajuk, dialog, senarai kosa kata dan ayat-ayat dalam latihan tukar ganti, akan tetapi beliau jarang-jarang membetulkan sebutan pelajar dalam kelas (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1). Terry pula sentiasa membetulkan sebutan pelajar dengan menyuruh pelajar membaca berulang kali terhadap sesuatu perkataan yang sama sehingga beliau berpuas hati dan mendapati sebutan pelajar adalah betul dan tepat (PK1Terry/Rfl/Ruj.1; PK2/Terry/Rfl/Ruj.1; PK3/TerryRfl/Ruj.1). Terry menyuruh pelajar membaca beramai-ramai senarai kosa kata yang terkandung dalam buku teks satu demi satu dalam bahasa Mandarin selepas beliau membaca kosa kata berkenaan dalam bahasa Melayu. Setiap kosa kata sekurang-kurangnya akan dibaca sebanyak dua kali oleh pelajar. Terry mengatakan beliau “... menumpu kepada sebutan pelajar. Saya nak pelajar baca dulu kemudian baru menunjukkan kesalahan pelajar supaya pelajar dapat betulkan” (TB1/Terry/Pydn/Ruj.3). Terry menerangkan ini kerana sebutan pelajar kurang baik, beliau mengesan kelemahan sebutan pelajar melalui ujian-ujian lisan yang dijalankan sepanjang masa semester ini (TB3/Terry/Msl.plj/Ruj1). Tambahan, Terry mempercayai bahawa sekiranya pelajar tidak menguasai sebutan dengan baik, mereka tidak dapat memahami percakapan orang lain, orang lain juga tidak memahami percakapan mereka (TB3/Terry/Msl.plj/Ruj3).

Tambahan, Terry mengatakan masa dalam kelas merupakan satu-satu masa yang beliau berpeluang untuk membetulkan sebutan pelajar (TB3/Terry/Pnl/Ruj.3). Beliau

mengatakan sekiranya kursus ini diperuntukan lebih masa, maka masa tambahan harus digunakan untuk membetulkan sebutan pelajar. Beliau menerangkan bahawa “ ...dari segi sebutan ini mereka mesti ingat, perlu banyak masa untuk berlatih, kalau tidak biasa mereka akan lupa saja atau sebut salah dan tak sempat untuk buat pembetulan untuk sebutan yang lebih tepat” (TB3/Terry/Cdgn/Ruj. 3). Walau bagaimanapun, mengikut Savignon (2001) dalam pengajaran bahasa komunikatif, pelajar tidak perlu bertutur seperti penutur natif dari segi sebutan dalam bahasa yang dipelajari.

4.4.3.4 Aktiviti Kelas

Aktiviti kelas merujuk kepada latihan atau aktiviti yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kelas. Bahagian deskripsi kursus dalam dokumen informasi kursus bahasa Mandarin pada tahap III menegaskan aktiviti kelas seperti berikut:

“ ... The course will emphasize greatly on developing participants oral communication skills in situational contexts through class activities such as role plays, speech, simulations and other relevant oral tasks. Students are expected to take part in all language activities conducted in class ... ”

(Informasi Kursus Bahasa Mandarin III, 2011)

Jelas dilihat kursus ini menitikberatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam situasi tertentu melalui penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti kelas yang berbentuk lisan.

Hanna, Sophia dan Terry menggunakan kaedah masing-masing untuk mengendalikan aktiviti kelas tersebut, terutamanya Sophia menjalankan pelbagai jenis aktiviti kelas sama ada untuk menguji kefahaman pelajar terhadap pengajaran yang diajar ataupun untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari, contohnya soal jawab, melukis peta berdasarkan maklumat dalam dialog, aktiviti kumpulan dan sebagainya (PK1/Sophia/Rls/Ruj.1; PK2/Sophia/Rls/Ruj.1; PK3/Sophia/Rls/Ruj.1). Hanna berpendapat bahawa aktiviti membaca dan soal jawab merupakan aktiviti kelas dan beliau sentiasa melaksanakan aktiviti tersebut dalam kelas (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.3).

Namun, membaca tidak diambil kira dalam aktiviti kelas, membaca dimasukkan dalam tema sebutan untuk kajian ini. Sementara itu, aktiviti kelas yang lazim dijalankan dalam kelas Terry ialah menghafal dialog dan berbincang soalan daripada latihan dalam buku teks, menggariskan ayat-ayat yang berguna dalam dialog kemudian mempraktikkan dengan rakan bersebelahan (PK1.Terry/Rfl/Ruj.1; PK2.Terry/Rfl/Ruj.1; PK3.Terry/Rfl/Ruj.1).

Daripada ketiga-tiga pemerhatian kelas, didapati Hanna menjankan aktiviti soal jawab pada bila-bila masa dalam kelas. Hanna biasanya menunjukan soalan secara spontan kepada pelajar ketika beliau memberi penjelasan terhadap sesuatu ayat tertentu, ataupun menggunakan soalan dariapda bahagian latihan dalam buku teks untuk menyoal (PK1/Hanna/Rls/Ruj.1; PK2/Hanna/Rls/Ruj.1; PK3/Hanna/Rls/Ruj.1). Terry lazimn membaca soalan dariapda bahagian latihan dalam buku teks dan pelajar menjawab soalan yang dibacanya secara beramai-ramai. Manakala Sophia mengaplikasikan kaedah soal jawab sepanjang masa pengajaran beliau dalam kelas untuk menilai kefahaman pelajar terhadap pengajaran beliau, “saya menilai mereka melalui *exercise*, selepas kelas ada sesi buat latihan dalam kelas, bahagian soal jawab, so berdasarkan latihan itu, perbincangan itu dapat tahu mereka faham ke tak” (TB1/Sophia/Pnll/Ruj.1). Selain daripada soalan tersebut, biasanya soalan yang ditunjukkan oleh Sophia kepada pelajar juga berkaitan dengan soalan penilaian untuk kursus ini . Sophia mengatakan untuk tajuk “menonton televisyen”, pelajar harus mengetahui perkara berikut:

“...siaran TV, rancangan apa, apa yang pelajar perlu berkaitan menonton TV... saya kaitkan sedikit tentang soalan-soalan yang akan ditanya semasa *oral*, supaya dia orang *alert*lah ... mereka juga perlu bersedia tentang salah satu topik untuk *oral* ialah menonton TV, so dia orang sekurang-kurangnya tahu er .. er ... rancangan, *channel*, kenapa mereka suka, apakah perasaan mereka tentang cerita-cerita yang ada pada TV.”

(TB1/Sophia/Ojk.bab/Ruj.1)

Aiman memberi pandangan bahawa Hanna jarang-jarang mengaplikasikan kaedah soal jawab untuk menguji pencapaian pelajar dalam kelas jika dibandingkan dengan pensyarah yang sebelumnya (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.15).

Lazimnya, ketiga-tiga pensyarah cenderung membiarkan pelajar menjawab soalan secara beramai-ramai, jarang-jarang menuju soalan kepada pelajar secara individu. Menurut Lisa, ujian atau bertanya soalan kepada pelajar memang dapat menguji pemahaman pelajar terhadap pengajaran pensyarah, tetapi soalan yang dituju itu jangan dijawab secara beramai-ramai ataupun secara sukarela. Ia harus ditujukan kepada seseorang pelajar secara rawak barulah dapat menguji atau menilai pemahaman pelajar (TB3/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.8). Ehsan mengatakan beliau lebih suka menjawab soalan secara individu. Beliau menerangkan seterusnya bahawa sekiranya soalan yang ditanya oleh pensyarah dituju kepada pelajar secara individu, maka pelajar terpaksa bersedia lebih awal kerana risau tidak dapat menjawab soalan apabila ditanya. Kaedah ini dapat “memaksa” pelajar bersedia sebelum masuk ke kelas (TB1/Ehsan/Cdg/Ruj.5).

Hanna, Sophia dan Terry sebulat suara mengatakan mereka tidak menunjukan soalan kepada pelajar secara individu kerana kekangan masa. Hanna menerangkan bahawa soalan yang dituju kepada pelajar secara individu mengambil masa lebih lama untuk mendapat jawapan jika dibandingkan dengan pelajar menjawab soalan secara beramai-ramai. Ini kerana pelajar yang mengetahui jawapan dapat membimbing pelajar lain untuk menjawab. Kaedah ini telah menjimatkan masa untuk menunggu pelajar memberi jawapan (TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.3). Sophia menyedari bahawa kaedah menjawab soalan secara individu lebih baik untuk menguji atau menilai kefahaman pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, akan tetapi Sophia mengatakan “satu demi satu lebih bagus sebab kalau *chorus*, satu mungkin bukan semua yang jawab, mungkin tak semua yang tahu, ia ikut saja kawan-kawan yang lain” (TB1/Sophia/Pdgg/Ruj.1). Sungguhpun begitu, beliau tidak bertanya secara individu

kerana “mempunyai masa yang terhad, lagi pun kelas itu walaupun dalam 20 lebih tak silap saya, pun tak sempat nak tanya secara individu” (TB1/Sophia/Pdgg/Ruj.1). Sophia tidak sempat melakukan aktiviti kelas pada pemerhatian kelas pertama dan beliau menyedari kekurangan pengajaran tersebut adalah disebabkan oleh kekangan masa, “tak berkesempatan untuk suruh dia buat ayat ataupun suruh dia gunakan ayat itu atau buat perbualan sama-sama dia orang, sama-sama kita nak bercerita tentang TV antara A dengan B tak sempat ” (TB1/Sophia/Pcp.plj/Ruj.3).

Selain daripada itu, didapati ketika Hanna menyuruh pelajar menjawab soalan daripada buku teks, ada kalanya beliau tidak menunggu jawapan daripada pelajar, bahkan menjawab sendiri ataupun menjawab bersama-sama pelajar (PK2/Hanna/Rfl/Ruj.1). Hanna menerangkan hal ini demikian kerana daripada wajah pelajar, beliau telah mengetahui pelajar tidak dapat menjawab, maka beliau cuba membimbing pelajar untuk menjawab soalan. Tindakan ini dilakukan berdasarkan intuisi Hanna (TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.3). Bekenaan dengan menjawab soalan bersama-sama dengan pelajar, beliau mengatakan beliau tidak perasan hal ini. Beliau menerangkan mungkin perbezaan kelajuan percakapan antara beliau dengan pelajar menyebabkan beliau sambung bercakap sebelum pelajar habis menjawab soalan yang ditunjukkan (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.6).

Selain daripada kaedah soal jawab, pada kelas pemerhatian kedua Sophia menyuruh beberapa pelajar untuk menterjemahkan dialog dalam buku teks kepada bahasa Melayu ayat demi ayat. Kemudian Sophia menyuruh seorang pelajar melukis peta di papan putih berdasarkan dialog yang dibaca (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1). Rizal mengatakan aktiviti kelas yang dijalankan oleh Sophia tersebut, iaitu untuk latihan “bertanya jalan” dan memberitahu arah amat baik dan sesuai. Ini kerana aktiviti kelas tersebut mengaitkan perkara yang dipelajari pada hari itu dengan kehidupan harian (TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.5). Manakala, untuk aktiviti kelas tersebut, Hanna

mengaplikasikan kaedah yang terbalik daripada kaedah Sophia, yakni Hanna melukis satu peta di papan putih dan menyuruh pelajar memberitahu bagaimana hendak pergi ke sesuatu tempat berdasarkan peta yang dilukis. Pelajar menjawab soalan Hanna secara beramai-ramai dengan bantuan Hanna. Jelas dilihat Hanna yang memberi penerangan dan pelajar mengikut beliau untuk menyebut (PK2./Hanna/Rfl/Ruj.1). Ini bermakna aktiviti tersebut sesuai untuk menguji penguasaan pelajar terhadap perkara yang dipelajari, tetapi pelaksanaannya menyebabkan objektif pelaksanaan aktiviti itu tidak tercapai.

Antara Hanna, Sophia dan Terry, Sophia yang menjalankan aktiviti kumpulan yang memerlukan pelajar membuat dialog tentang tajuk yang dipelajari dalam kelas. Beliau membahagikan pelajar kepada empat kumpulan, setiap kumpulan diberi satu tema untuk membuat satu skrip tentang tema yang diberi. Semua tema yang diberi itu berkaitan dengan kosa kata yang diajar dalam kelas pada hari itu. Namun, Sophia tidak menetapkan tempoh masa untuk menyiapkan kerja kumpulan, maka pelajar mengambil masa hampir satu jam untuk menyiapkan aktiviti ini.

Sophia berasa masa yang digunakan untuk aktiviti ini “sebenarnya agak panjang tapi atas kebolehan orang itu, masa itu er ... dia orang memang perlukan masa yang lebih panjang sikit” (TB3/Sophia/Pydn/Ruj.7). Pandangan Sophia memang sejajar dengan Lisa, Lisa mengataka “untuk *level* kami sesuai lah masanya, sebab setakat saya tahu tak semua orang baca buku itu setiap hari, dan saya rasa masa yang diberi itu cukup sebab pelajar yang tak hafal *vocab* sempat nak cari *vocab* lagi” (TB3/Lisa/bab.ttt/Ruj.4).

Setelah menyiapkan skrip, Sophia menyuruh pelajar membuat persembahan di depan kelas dengan membaca daripada skrip tanpa melakonkan. Sophia menjelaskan “... walaupun tak hafal tapi asalkan mereka tahu macam mana nak masukkan dalam *conversation* harian walaupun masih belum boleh bertutur dengan lancar ”

(TB3/Sophia/Pcp.plj/Ruj.4). Setelah pelajar membaca skrip, Sophia bertanya satu dua soalan berdasarkan skrip yang dibaca kepada pelajar untuk menguji kefahaman pelajar terhadap skrip yang dibaca. Akan tetapi, pelajar yang menjawab soalan ialah pelajar yang menyediakan skrip masing-masing (PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1).

Sophia menerangkan bahawa aktiviti tersebut dilaksanakan selain daripada untuk mempelbagaikan kaedah mengajar, “salah satu sebabnya dia orang pun perlukan perlu latihan untuk dialog untuk persediaan sketsa, *so* ini bermakna kerja-kerja dialog ini yang dia orang buat hari itu boleh dimasukkan dalam sketsa lakonan, sketsa setiap kumpulan dia orang” (TB3/Sophia/Pydn/Ruj.4). Lisa mengatakan aktiviti tersebut membolehkan pelajar melibatkan diri dalam pembelajaran (TB3/Lisa/Pdgn.psyR/Ruj.7). Lebih-lebih lagi, pelajar lebih mengingati perkara yang dipelajari melalui aktiviti tersebut, “membina *self confidence* ketika dia orang bercakap di depan kawan-kawan, tidak rasa lebih malu walaupun sebutan salah ... kali ini latih dia orang lebih *confident* untuk bercakap” (TB3/Sophia/Pcp.plj/Ruj.2).

Sophia merumuskan pencapaian pelajar terhadap aktiviti tersebut dengan mengatakan: “nampaknya ada satu dua kumpulan itu ... er masih lagi ada masalah dalam membina ayat untuk dialog, ada dua tiga kumpulan pembinaan ayat untuk topik ini agak boleh diterimalah” (TB3/Sophia/Pcp.plj/Ruj.1). Sophia nampak pelajar “dia ada klik dia ... tapi yang malang kumpulan-kumpulan ini satu kumpulan semuanya lemah, satu kumpulan semua yang bagus dan semua yang rajin ... dia orang tak betul-betul bergaul rata, ikut kumpulan saja, tak ada nak bincang dengan group kumpulan lain, dia orang masing-masing bila group kumpulan, kumpulan saja ...” (TB3/Sophia/Pdgn.plj/Ruj.8). Sekiranya Sophia dapat meramalkan masalah tersebut, beliau seharusnya membahagikan pelajar dalam kelas kepada kumpulan tertentu supaya keupayaan pelajar untuk setiap kumpulan adalah lebih rata.

Manakala aktiviti kelas yang pernah dijalankan dalam kelas Terry ialah aktiviti berpasangan. Biasanya beliau menyuruh pelajar menggariskan ayat-ayat yang dipilihnya dalam dialog, dan menerangkan bagaimana ayat-ayat itu boleh ditukar ganti dengan kosa kata yang lain untuk membina ayat baharu. Contohnya dialog dalam buku teks ialah “Zheli you tikuanji ma?”, beliau menukarkan “tikuanji” kepada “cesuo” dan menyuruh pelajar menerangkan bagaimana hendak pergi ke tandas dari kelas (Jrn1/Terry/Ruj.1), ataupun beliau menyuruh pelajar menggantikan kosa kata tertentu dalam ayat-ayat yang digariskan dan menjawab soalan daripada ayat yang dibina sebelum bertutur dengan rakan bersebelahan (PK3/Terry/Rfl/Ruj1). Terry mengatakan beliau menggariskan beberapa ayat dalam dialog tentang “mencari pekerjaan” dan perbualan “di pejabat” dengan harapan pelajar dapat mempraktikkan dengan lebih kerap ayat-ayat yang berguna dan dapat mengaplikasikannya apabila mereka tamat pengajian di universiti (Jrn1/Terry/Ruj.3). Ini merupakan satu aktiviti yang secara langsung melibatkan interaksi pelajar, namun ia dijalankan sepiantas lalu sahaja. Farah mengatakan “... tapi ‘laoshi’ ajar cara ini dah *last* tajuk ... kan *best* kalau dia buat awal-awal tajuk...” (Jurnal/Farah/29Nov/Ruj.1). Ini bermakna aktiviti kelas tersebut mendapat sambutan yang baik daripada pelajar, tetapi Terry hanya melakukan sekali sahaja sepanjang masa kursus ini dilaksanakan.

Didapati Sophia dan Terry, terutama sekali Sophia telah melakukan beberapa aktiviti kelas yang melibatkan interaksi antara pensyarah dengan pelajar ataupun pelajar dengan pelajar, namun masa yang diperuntukkan untuk aktiviti tersebut agak terhad dan faktor kekangan masa yang menyebabkan aktiviti kelas tersebut tidak dapat dilaksanakan seperti yang diingini. Melini menerangkan aktiviti dalam kelas menyebabkan beliau “lagi faham, lagi kita macam *word-word* yang kita tak tahu kita tanya ‘laoshi’, ‘laoshi’ cakap” (TB1/Melini/Pglm/Ruj.44). Melini mengatakan kebanyakan masa pensyarah sahaja yang bertutur dalam kelas, jarang-jarang sekali

pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin, walaupun pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur. Melini menerangkan seterusnya bahawa ketika Terry bertanya kepada pelajar sama ada mempunyai soalan hendak bertanya dalam kelas, itulah peluang bagi pelajar bertutur dalam kelas (TB1/Melini/Pglm/Ruj.31). Namun, soalan yang pelajar kemukakan pada masa tersebut umumnya dalam bahasa Melayu (TB1/Melini/Pglm/Ruj.41). Tambahan, Melini mengatakan biasanya “kita orang tak tau nak jawab dalam Mandarin yang betul, hafal yang kita belajar, itulah yang kita jawab” (TB3/Melini/Bab.ttt/Ruj.3).

Khamal mengatakan interaksi dalam kelas Terry mencukupi terutamanya antara pelajar dengan pelajar, tetapi bahasa yang digunakan semasa interaksi ialah bahasa Melayu (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.12). Pelajar jarang-jarang menggunakan bahasa Mandarin dalam kelas, kecuali pada masa Terry bertanya kepada pelajar tentang sebab pelajar terlewat ke kelas (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.16). Beliau mengatakan beliau “macam tak ada , tak ada kot” (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.15) peluang untuk bertutur dalam kelas kecuali dipanggil oleh pensyarah. Bagi Khamal peluang untuk bercakap cuma pada masa membaca beramai-ramai dalam kelas, tetapi beliau memahami bahawa bertutur dan membaca merupakan dua perkara yang berlainan (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.14).

Akan tetapi, Hanna tidak pernah melakukan aktiviti kumpulan dalam kelas (PK1/Hanna/Rls/Ruj.1; PK2/Hanna/Rls/Ruj.1; PK3/Hanna/Rls/Ruj.1). Beliau berpendapat latihan lain sudah mencukupi, tidak semestinya melakukan aktiviti kumpulan (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.11). Namun, pelajar tidak berpendapat bahawa aktiviti kelas yang dilaksanakan oleh Hanna telah mencukupi seperti yang dikehendaki tersebut. Aiman mengekspresikan kekecewaan beliau terhadap kelas Hanna kerana Hanna kurang memperuntukkan masa untuk melibatkan pelajar dalam kelas. Beliau berasa pelajar harus diberi lebih banyak masa untuk bertutur dalam kelas

(TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.8). Daim mengatakan hanya sedikit masa saja diperuntukan untuk berinteraksi dalam kelas Hanna dan kebanyakan masa digunakan untuk membaca secara beramai-ramai (TB1/Daim/Pglm/Ruj.10 & 11). Ehsan mengatakan “ ... kalau *just lecturing*, dia saja yang cakap tapi *student* macam tak ada penglibatanlah. Kalau macam tak ada penglibatan itu kita macam tak berapa ingatlah ...” (TB3/Ehsan/Pdgn.psyrr/Ruj.1).

Jelas dilihat ketiga-tiga pelajar Hanna, yakni Aiman, Daim dan Ehsan berharap Hanna memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kelas yang membolehkan mereka mempraktikkan bahasa Mandarin. Aiman bercadang jika boleh lebih baik pensyarah memperuntukkan 60% masa untuk pengajaran dan 40% masa untuk pelajar bertutur dalam kelas. Beliau mengesyorkan pensyarah menjalankan aktiviti seperti aktiviti kumpulan yang melibatkan interaksi pelajar secara aktif untuk mengaplikasikan bahasa yang dipelajari (TB3/Aiman/P&P/Ruj.1). Sungguhpun Sophia dan Terry mengadakan aktiviti kelas yang melibatkan penyertaan pelajar, pelajar juga berpendapat bahawa aktiviti kelas yang dilaksanakan oleh Sophia dan Terry masih tidak mencukupi. Sheila mengatakan aktiviti yang melibatkan interaksi dalam kelas harus diperbanyakkan lagi dalam kelas Sophia. Ini kerana demi menguasai kemahiran bahasa, ia memerlukan banyak latihan atau mempraktikkan bahasa berkenaan, bukan belajar secara teori sahaja (TB3/Sheila/Pdgn.psyrr/Ruj.1).

Secara amnya, Hanna, Sophia dan Terry masih lebih mementingkan pengajaran dan penyampaian pengetahuan terhadap bahasa Mandarin daripada mempraktikkan bahasa Mandarin secara aktif dalam kelas. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga pensyarah menyedari kelemahan masing-masing dan menjelaskan bahawa kekangan masa menyebabkan mereka mengabaikan aktiviti kelas yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pertuturan. Padahal, salah satu alternatif untuk mengatasi masalah tersebut ialah mengaplikasikan pendekatan *flipped classroom* seperti yang

diterangkan dalam bab dua. Pendekatan ini menegaskan penyertaan pelajar secara aktif dalam kelas dan segala informasi tentang kandungan kursus dijalankan di luar kelas sebagai kerja rumah melalui internet dengan menggunakan pelbagai peranti elektronik.

4.5 Kurikulum Dipelajari dalam Kelas Bahasa Mandarin

Bahagian ini menjawab soalan kajian kedua iaitu kurikulum bahasa Mandarin yang dipelajari oleh pelajar dalam kelas bahasa Mandarin dan pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin. Oleh sebab itu, jawapan untuk soalan ini dibahagikan kepada dua bahagian yang utama. Bahagian pertama menjawab perkara yang dipelajari oleh pelajar dalam kelas Hanna, Sophia dan Terry masing-masing berdasarkan kandungan pengajaran dan aktiviti kelas yang dilaksanakan oleh pensyarah tersebut. Bahagian kedua menumpukan perhatian kepada pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin dan diterangkan dari segi masa dan kaedah pelajar mengulang kaji bahasa Mandarin sebelum kelas bahasa Mandarin, kaedah menyediakan ujian-ujian, pengaplikasian bahasa Mandarin dalam kehidupan harian dan masalah serta rujukan pelajar sekiranya menghadapi masalah.

4.5.1 Kandungan Pengajaran Hanna

Pada pemerhatian kelas pertama, Hanna mengajar garis asas tulisan Cina dan empat perkataan tulisan Cina, mengulang kaji kosa kata dan tatabahasa tahap I dan tahap II serta bab satu yang bertajuk “Zai basha maicai” (PK1/Hanna/Rfl/Ruj.1). Pada pemerhatian kelas kedua, Hanna mengajar bab empat yang bertajuk “Wenlu” (PK2/Hanna/Rfl/Ruj.1), dan pada pemerhatian kelas ketiga, beliau menyampaikan kandungan bab enam yang bertajuk “Bercuti” dan latihan ujian mendengar (PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1).

Aiman mengatakan pengajaran Hanna tentang tulisan Cina pada pemerhatian pertama “banyak ajar pada penulisan, ada empat ...” (TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.1) tetapi beliau cuma boleh kenal satu sahaja iaitu “谢谢”, Daim juga dapat mengingat “谢

谢” sahaja seperti Aiman (TB1/Daim/Pcp/Ruj.1). Manakala Ehsan mengatakan pengajaran tulisan Cina Hanna “mula-mula ia nampak susahlah sebab ia punya tulisan banyak, ia punya itulah masih belum faham sangatlah, mungkin depanlah lepas itu” (TB1/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.1). Ehsan tidak memahami pengajaran tulisan Cina Hanna pada masa itu dan beliau memerlukan lebih masa untuk memahaminya. Sungguhpun begitu, Aiman berasa tulisan Cina amat menarik (TB1/Aiman/Pdg.psyrr/Ruj.4). Daim mendapati aktiviti mengenali tulisan Cina dengan menggunakan kad imbasan merupakan pengajaran yang paling digemari beliau dalam kelas tersebut (TB1/Daim/Pglm/Ruj.17).

Bagi bahagian ulang kaji kosa kata dan tatabahasa untuk tahap I dan tahap II, Aiman, Daim dan Ehsan memahami pengajaran Hanna tentang penyusunan ayat dan penggunaan kosa kata dalam ayat, dan ingat kembali perkara yang telah dipelajari pada tahap I dan tahap II (TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.1; TB1/Daim/Pglm/Ruj.8; TB1/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.1). Ehsan dan Daim berpendapat bahawa pengajaran Hanna tersebut berkesan dan penting untuk pelajar (TB1/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.7; TB1/Daim/Pglm.bab.ttt/Ruj.4). Biasanya Ehsan “tahu *vocab* tapi tak tahu macam mana nak gunanya” (TB1/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.7). Dengan penerangan Hanna pada kelas itu, Ehsan lebih mengetahui penggunaan kosa kata dalam ayat (TB1/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.7). Daim mengatakan bahagian ulang kaji tatabahasa paling praktikal kerana kebanyakan pelajar menghadapi masalah penstrukturan ayat ketika menulis skrip untuk projek bahasa (TB1/Daim/Pglm.bab.ttt/Ruj.4). Sungguhpun Daim memahami ulang kaji tentang tatabahasa yang disampaikan oleh Hanna, apabila beliau disuruh untuk bertutur beberapa ayat dalam bahasa Mandarin dengan menggunakan struktur ayat yang dipelajari, beliau tidak dapat melakukan kerana beliau tidak mengingati kosa kata tertentu untuk membina ayat (TB1/Daim/Pcp/Ruj.3). Selain itu, Daim mengatakan kekurangan pengajaran Hanna pada masa itu ialah tulisan Hanna terlalu kecil dan tidak

dapat dibaca ketika Hanna menulis di papan putih setelah layar projektor diturunkan (TB1/Daim/Pglm/Ruj.8).

Apabila Hanna mengajar bab satu yang bertajuk “Zai basha maicai”, Aiman perlu merujuk kepada ujaran kata dalam buku teks baru boleh memahami perkara yang diajar oleh Hanna (TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.2). Berikut adalah komen pembelajaran Aiman terhadap pengajaran Hanna untuk bab satu:

“...cuma kalau nak *study* hari ini rasanya kena *study* sendiri, kalau tak *study* sendiri memang tak boleh. Bab itu dalam setengah jam mengajar, kalau level satu dan level dua, laoshi ajar bab satu sampai habis kira dua jam itulah, ia guna setengah jam, maknanya ia lebih kepada benda lain. Ini yang menyebabkan bab satu ini kita kena *study* sendiri, *covered* baliklah”

(TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.3)

Daim juga bersetuju dengan Aiman terhadap perkara tersebut dan mengatakan pengajaran Hanna untuk bab satu sangat laju, beliau setakat memahami pengajaran Hanna, masih belum menguasai pengajaran hari itu untuk diaplikasikan di luar kelas (TB1/Daim/Pglm.bab.ttt/Ruj.7). Ini kerana beliau belum mengulang kaji dan mengingat kosa kata dalam bab itu (TB1/Daim/Pglm.bab.ttt/Ruj.5). Rumusan beliau tentang pembelajaran bab satu ialah beliau tidak dapat menguasai kemahiran untuk bertutur tentang tajuk “Basha” kecuali merujuk kepada buku teks dan “... tengah baru lepas belajar memang boleh sangatlah, cuma kalau dah lama sangat tak buat *revision*, susah sikit” (TB1/Daim/Pcp/Ruj. 12).

Umumnya, Aiman mengatakan beliau tidak dapat menguasai pengajaran pada pemerhatian kelas pertama kecuali memahami bahagian mengulang kaji tatabahasa tahap I dan tahap II serta tulisan Cina. Beliau menerangkan bahawa kandungan bab satu boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian kerana berkaitan dengan membeli-belah di pasar. Sungguhpun begitu, beliau tidak dapat mengaplikasikan kerana sudah terlupa, dan beliau tidak mempraktikkan perkara yang dipelajari pada hari itu. Justeru itu, beliau kena merujuk kepada buku teks untuk belajar lagi (TB1/Aiman/Pcp/Ruj.3). Aiman

memberi pandangan tentang pencapaian objektif pada kelas pemerhatian pertama seperti berikut:

“ *student* kena *effort* sendirilah, kena *more effort* lagi. Maksudnya dalam kelas mungkin ia mengajar benda itu, tapi macam benda itu *something new*, jadi kena cari masa untuk mengingatkan perkataan-perkataan baru, maksudnya kena ingatlah baru boleh mula.”

(TB1/Aiman/Pcp/Ruj.5)

Bagi Aiman mengingati kosa kata merupakan langkah penting untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin. Aiman memahani bahawa beliau tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin kerana beliau belum menghafal kosa kata berkenaan.

Ehsan mengatakan beliau boleh memahami 60% hingga 70% pengajaran Hanna pada pemerhatian kelas pertama. Sungguhpun beliau boleh memahami pengajaran Hanna, beliau masih tidak menguasai pengajaran hari itu “sebab dekat rumah pun tak buat *revision* sangat” (TB1/Ehsan/Pcp/Ruj.3). Ehsan juga berasa beliau tidak banyak melibatkan diri dalam kelas, cuma menjawab maksud kosa kata yang ditanya sekiranya beliau mengetahui maksud kosa kata yang ditanya (TB1/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.8).

Ketiga-tiga pelajar yakni Aiman, Daim dan Ehsan mengatakan mereka kurang memahami pengajaran Hanna pada pemerhatian kelas kedua yang bertajuk “Wenlu”. Daim menjelaskan mungkin beliau tidak mengambil perhatian dalam kelas. Justeru itu, Daim berasa agak keliru dan kecewa setelah mengikut kelas Hanna pada hari itu (Jrn/Daim/12Okt/Ruj.1) kerana “susah nak tangkap” (TB2/Daim/Pglm.bab.ttt/Ruj.1) dan keliru tentang “ dia punya *direction*lah, kanan, kiri, dia punya *direction*lah, bab itu *vocab* tentang *direction*” (TB2/Daim/Bab.ttt/Ruj.1). Aiman juga mempunyai perasaan dan pengalaman yang serupa seperti Daim berkenaan dengan perkara tersebut. Tambahan, Aiman mengatakan Hanna bercakap dengan laju dalam kelas (TB2/Aiman/Bab.ttt/Ruj.2). Aiman mengatakan “kelas Mandarin pada hari ini membuatkan saya tension” (Jrn/Aiman/12Sept/Ruj.1), ini kerana “saya tidak membuat persediaan sebelum masuk ke kelas, keadaan menjadi lebih susah apabila ‘laoshi’

bercakap Mandarin terlalu laju” (Jrn/Aiman/12Sept/Ruj.2). Ehsan menerangkan bahawa “tak faham sangat, banyak *vocab* tak tahu, lepas itu macam tak tak macam ‘laoshi’ tanya tak jawab sebab tak tahu, tak tahu sangat” (TB2/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.2). Beliau menerangkan kalau “buat *preparation at least* tahu ‘laoshi’ cakap apa, masa jawab dia tanya kita dapat tahu nak jawab apalah ...” (TB2/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.3).

Kebetulan ketiga-tiga pelajar tidak bersedia sebelum kelas itu (TB2/Aiman/Bab.ttt/Ruj.2; Jrn/Daim/12Okt/Ruj.1; TB2/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.2). Ehsan menyedari sekiranya ia tidak membuat ulang kaji sebelum kelas Mandarin, beliau “rasa sukar untuk memberikan respon terhadap soalan yang ditanya. Saya rasa amat sukar mengikuti tentang pelajaran yang diajar” (Jrn/Ehsan/15Okt/Ruj.1). Keadaan ini berbeza jika beliau mengulang kaji bahasa Mandarin sebelum kelas Mandarin. Beliau berkata:

“ Pada kelas yang lepas, saya sempat untuk mengulang kaji atau belajar sendiri sebelum kelas bermula. Apabila kelas bermula saya berasa amat mudah bagi saya untuk memahami dan mengikuti apa yang diajar oleh *lecturer*, berbeza dengan sebelum ini apabila saya masuk kelas tanpa *revision*”

(Jrn/Ehsan/17Nov/Ruj.1)

Penerangan Ehsan tersebut sama dengan pengalaman Aiman dan Daim pada masa pemerhatian kelas kedua. Mereka mendapati agak susah untuk mengikuti dan memahami pengajaran Hanna sekiranya mereka tidak membuat ulang kaji sebelum kelas.

Aiman setakat memahami pengajaran Hanna pada hari itu berkenaan dengan arah dan lokasi seperti sebelah kiri, kanan dan penggunaan “mian”, “bian”, tetapi apabila disuruh untuk memberitahu lokasi sesuatu tempat berdasarkan satu peta yang diberikan, bukan Aiman sahaja yang tidak dapat menjawab soalan berkenaan, Daim dan Ehsan juga tidak dapat menjawab (TB2/Aiman/Bab.ttt/Ruj.2). Aiman mengatakan beliau terlupa semua kosa kata tentang bab itu, dan perlu merujuk kepada buku teks kerana tidak dapat mengingati perkara yang diajar Hanna pada hari itu. Perkara yang beliau dapat pada hari itu ialah “ tekniklah yang itu kira mudah, nampaklah ke kanan, ke

kiri, di tengah, bagaimana nak sambung ayat” (TB2/Aiman/Bba.ttt/Ruj.2). Aiman mengatakan penguasaan beliau terhadap kosa kata adalah “... buat masa itu boleh, dia buat sementara, ia tak ada *daily* praktik tak adalah. Tak ada orang kata, kita baca, kita hafal tapi kita cakap itu lain, cakap ini spontan, jadi payah agak” (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.6). Daim berasa agak merugikan sebab tidak dapat mengaplikasikan “tunjuk arah” dalam kehidupan, “kira *supposedly* kalau faham itu kira senanglah” (TB2/Daim/Bab.ttt/Ruj.3). Ehsan mengatakan kalau bersedia terlebih dahulu mungkin beliau boleh menjawab sekiranya ada orang bertanya jalan kepadanya dalam bahasa Mandarin (TB2/Ehsan/Pcp/Ruj.1). Oleh sebab itu, Aiman dan Daim berasa kelas pada hari itu tidak seronok dan tertekan (TB2/Aiman/Bba.ttt/Ruj.2; TB2/Daim/Bab.ttt/Ruj.3).

Bagi bab enam yang bertajuk “Bercuti”, Daim dan Ehsan mengatakan mereka memahami pengajaran Hanna pada hari itu (TB3/Daim/Pcp/Ruj.1; TB3/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.1). Daim menjelaskan beliau boleh ingat beberapa kosa kata dalam kelas tersebut, tetapi “tak boleh *directly* semua *text*lah” (TB3/Daim/Pcp/Ruj.1). Ehsan mengatakan beliau lebih mengingati dan memahami kosa kata dalam dialog satu daripada kosa kata dalam dialog dua (TB3/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.1). Ini kerana “... *word* itu macam susah sikit nak hafal, nak hafal yang depan itu macam *simple-simple*, tak ada macam panjang sangat” (TB3/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.2). Manakala Aiman mengatakan pengajaran Hanna ada kalanya laju, ada masanya perlahan pada kelas itu, jadi beliau memahami pengajaran Hanna sekiranya Hanna bercakap perlahan (TB3/Aiman/Bab.ttt/Ruj.1).

Selain itu, Hanna menjalankan latihan ujian mendengar pada pemerhatian kelas ketiga untuk menyediakan pelajar menghadapi ujian mendengar pada minggu seterusnya. Aiman, Daim dan Ehsan duduk di belakang kelas semasa latihan tersebut dilaksanakan. Aiman dan Ehsan memberitahu bahawa pada masa latihan mendengar,

mereka tidak dapat mendengar dengan jelas rakaman audio yang dipasang oleh Hanna. Mereka mendiamkan diri tanpa memberitahu pensyarah tentang masalah tersebut (Jrn/Aiman/19Okt/Ruj.1; TB3/Ehsan/Msl/Ruj.1). Aiman tidak membuat persediaan yang mencukupi tentang latihan ini sebelum kelas (Jrn/Aiman/19Okt/Ruj.1). Ehsan mengatakan Hanna tidak memberitahu pelajar latihan itu akan dijalankan pada kelas berkenaan (TB1/Ehsan/Msl/Ruj.1), maka pelajar tidak bersedia untuk latihan mendengar tersebut.

Kaedah yang digunakan oleh Hanna untuk mengendalikan latihan mendengar ialah pelajar menjawab soalan beramai-ramai soalan demi soalan. Sekiranya pelajar memberi jawapan yang salah, Hanna akan menerangkan soalan berkenaan dan membetulkan jawapan (PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1). Aiman berpendapat cara ini kurang berkesan. Beliau cuma dapat menjawab dua atau tiga soalan, apabila beliau tidak dapat mengikuti soalan yang ditanya, beliau malas untuk mencuba lagi (TB3/Aiman/Bab.ttt/Ruj.2). Ehsan mengatakan beliau mengikuti latihan itu lebih kurang sepuluh soalan sahaja, selepas itu beliau “dengar dia orang cakaplah” dan berasa tidak ramai pelajar yang mengikut latihan mendengar itu (TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj2).

Secara amnya, Aiman, Daim dan Ehsan cuma memahami sebahagian pengajaran Hanna dalam ketiga-tiga kelas bahasa Mandarin. Perkara yang dipelajari pelajar dalam kelas Hanna bergantung kepada persediaan ketiga-tiga pelajar sebelum kelas bahasa Mandarin dan kelajuan percakapan Hanna dalam kelas. Sekiranya pelajar mengulang kaji sebelum kelas, mereka berasa lebih memahami pengajaran Hanna dan mengatakan kelas Hanna amat menyeronokkan dan sebaliknya. Begitu juga jika Hanna bercakap dengan lebih perlahan, lebih senang untuk ketiga-tiga pelajar memahami pengajaran beliau. Walau bagaimanapun, Aiman, Daim dan Ehsan setakat memahami pengajaran Hanna, tidak dapat mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian kerana tidak dapat mengingat kosa kata yang dipelajari.

4.5.2 Aktiviti Kelas Hanna

Daripada ketiga-tiga pemerhatian kelas Hanna, didapati kelas aktiviti yang pernah dilaksanakan oleh Hanna ialah soal jawab dan memberitahu lokasi sesuatu tempat berasaskan peta yang dilukis di papan putih. Hanna tidak pernah melakukan aktiviti kumpulan (PK1/Hanna/Rfl/Ruj.1; PK2/Hanna/Rfl/Ruj.1; PK3/Hanna/Rfl/Ruj.1).

Ehsan berasa pada masa pemerhatian kelas kedua, Hanna melukis peta di papan putih dan menyuruh belajar memberitahu arah kepada seseorang bagaimana hendak pergi ke sesuatu tempat tertentu sangat berguna (TB2/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.4). Namun, pada masa itu Hanna yang membimbing pelajar menjawab soalan, bukan pelajar yang melakukan aktiviti itu sendiri. Ini menyebabkan objektif pelaksanaan aktiviti tersebut tidak tercapai. Ehsan setakat memahami arah yang diterangkan oleh Hanna pada masa itu, tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi (TB2/Ehsan/Bab.ttt/Ruj.5). Memahami pengajaran pensyarah dalam kelas tidak semestinya bermaksud pelajar dapat mengaplikasikan perkara yang dipelajari. Ehsan, Aiman dan Daim mengatakan mereka memahami pengajaran Hanna pada hari itu, tetapi ketiga-tiga pelajar tidak mengingati bagaimana hendak memberitahu arah apabila mereka disuruh untuk memberi arah berdasarkan peta yang diberi semasa temu bual kedua (TB2/Ehsan/Pcp/Ruj.1; TB2/Aiman/Bab.ttt/Ruj.2; TB2/Daim/Bab.ttt/Ruj.3).

Memandangkan Hanna jarang-jarang menjalankan aktiviti kelas, dan aktiviti soal jawab juga dijawab secara beramai-ramai, pelajar berasa mereka tidak mempunyai penyertaan dalam kelas, terutama sekali tidak berpeluang untuk bertutur dalam bahasa Mandarin. Hanna menyedari masalah pelajar tersebut, ini kerana pelajar pernah memberitahu Hanna bahawa “Saya faham apa yang disampaikan ‘laoshi’, tetapi saya tidak ada peluang untuk bertutur” (TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.2).

Bagi Aiman bertutur dalam kelas adalah penting kerana “dekat luar dah tak bertutur, dekat dalam pun tak ada” (TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.5). Namun, Aiman jarang-

jarang mengambil inisiatif untuk menjawab soalan pensyarah ataupun mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan dalam kelas (TB3/Aiman/P&P/Ruj.2), Daim juga tidak angkat tangan untuk membaca atau menjawab soalan secara sukarela dalam kelas sungguhpun beliau berasa rugi sekiranya nama beliau tidak dipanggil oleh Hanna untuk membaca dalam kelas (TB1/Daim/Pglm/Ruj.13). Daim menerangkan perlakuan tersebut adalah kerana beliau berasa segan, tidak mengetahui maksud kosa kata, menunggu jawapan daripada orang lain dan ada kalanya juga disebabkan beliau malas untuk menjawab (TB3/Daim/Prn.plj/Ruj.1). Walau bagaimanapun, Daim memahami bahawa sebagai seorang pelajar, mengambil perhatian dan mengambil bahagian dalam kelas amat penting (TB3/Daim/Prn.plj/Ruj.1).

Walaupun bagaimanapun, Hanna berasa penerimaan pelajar dalam kelas bahasa Mandarin ini agak lambat, beliau perlu berulang banyak kali tentang perkara yang sama. Tambahan, pelajar cenderung mengaplikasikan struktur ayat Melayu dalam ayat Mandarin (TB3/Hanna/Plj/Ruj.1). Hanna berasa pelajar jarang-jarang membaca selepas kelas, maka pelajar kurang lancar apabila disuruh untuk membaca dalam kelas dan keupayaan untuk mengingat kosa kata adalah lemah juga (Jrn/Hanna/5Okt/ruj.1).

Selain itu, Hanna mendapati bahawa pelajar lebih memahami perkara yang diajar melalui penilaian (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.13). Namun, Hanna tidak mengaplikasikan penilaian spontan iaitu menguji pencapaian pelajar dalam kelas tertentu. Biasanya beliau menguji pelajar tentang pengajaran dalam kelas pada minggu seterusnya. Hal ini demikian kerana melalui pemerhatian Hanna, pelajar tidak dapat atau agak lambat untuk mengingat pengajarannya dalam masa dua jam pada setiap kelas. Beliau mempercayai bahawa pelajar memerlukan masa untuk membuat ulang kaji (TB1/Hanna/Pnl/Ruj.5). Tambahan, biasanya pelajar mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan, ada kalanya mengambil setengah jam untuk membina lima ayat. Ini mengganggu progress pengajaran seperti yang ditetapkan dalam kurikulum, maka beliau

jarang-jarang menguji pemahaman pelajar terhadap perkara yang diajar semasa pengajaran berlangsung dalam kelas (TB2/Hanna/Pnl/Ruj.1).

Melalui perbincangan tersebut, didapati kurikulum dipelajari pelajar daripada pengajaran Hanna amat terhad. Pelajar setakat memperoleh serba sedikit pengetahuan tentang bahasa Mandarin yang disampaikan oleh Hanna. Hal ini demikian kerana fokus pengajaran Hanna telah terpesong daripada pelaksanaan kelas aktiviti yang membolehkan pelajar mempraktikkan bahasa Mandarin dalam kelas seperti yang diterangkan dalam informasi kursus dan diharapkan oleh pelajar kepada penyampaian pengetahuan bahasa yang dipelajari. Walau bagaimanapun, demi mengoptimumkan kurikulum dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin, selain daripada usaha pensyarah, inisiatif dan usaha pelajar juga memainkan peranan yang penting, terutama sekali untuk mengingat kosa kata yang dipelajari agar dapat diaplikasikan semasa aktiviti kelas dilaksanakan.

4.5.3 Kandungan Pengajaran Sophia

Pada pemerhatian kelas pertama Sophia mengulang kaji bab satu dan mengajar bab dua yang bertajuk “Kan dianshi” (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1). Pada masa pemerhatian kedua, Sophia membincangkan latihan dalam bab empat, mengajar bab lima yang bertajuk “Duojiu, duoyuan” dan mengajar penulisan tulisan Cina (PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1). Pada pemerhatian kelas ketiga beliau mengulang kaji bab tujuh, mengajar bab lapan yang bertajuk “Zai bangongshi” dan menjalankan aktiviti kumpulan setelah menerangkan maksud dan penggunaan kosa kata dalam bab lapan (PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1).

Lisa dan Rizal mengatakan tajuk tentang menonton televisyen untuk bab dua amat sesuai untuk pelajar kerana pelajar menonton televisyen setiap hari. Dengan itu, pelajar boleh mengaplikasikan kandungan tersebut dalam kehidupan harian (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.5; TB1/Rizal/Bab.ttt/Ruj.5). Secara amnya, Lisa memahami

kandungan pengajaran yang disampaikan oleh Sophia dalam kelas itu, walaupun Lisa tidak bersedia sebelum menghadiri kelas pada hari itu (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.3). Lisa mengakui bahawa beliau tidak mempunyai keyakinan untuk bercakap tentang pengajaran Sophia pada hari itu kerana beliau tidak mengetahui dan tidak menghafal kosa kasa bab berkenaan (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.6). Rizal juga tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin tentang tajuk yang dipelajari tersebut (TB1/Rizal/Pcp/Ruj.1). Antara ketiga-tiga pelajar Sophia, yakni Lisa, Rizal dan Sheila, hanya Sheila dapat bertutur beberapa ayat tentang pengajaran bab dua pada hari itu. Berikut ialah perbualan antara Sheila dengan pengkaji tentang pengajaran dalam kelas pada hari itu:

S:。。昨天我看马来片，我觉得这片很精彩。

R: 你和谁一起看马来片？

S: Er。。我。。我看一个人。

R: 一个人？

S: 一个人。

R: 你在哪里看马来片？

S: 我。。我看在我的 er ...“bilik”。

R: 你几点，几点看？

S: 几点看？ Er ... er ... er ... 九点看。我九点看。

R: 看马来片以后，你做什么？

S: 看 ... huh?

R: 看马来片以后，你做什么？

S: 看马来片以后，我看 er ... 韩语综艺节目。

R: 综艺节目。

S: Ah, 综艺节目。

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB1/Sheila/Pcp/Ruj.5)

Sheila dapat membalas soalan yang ditanya sungguhpun terdapat satu atau dua kosa kata yang beliau tidak dapat sebut kerana tidak terdapat dalam sukatan pelajaran. Selain itu, Sheila sering melakukan kesilapan dalam struktur ayat bahasa Mandarin terutamanya kesilapan daripada permindahan negatif daripada bahasa Melayu. Sungguhpun demikian, objektif pertuturan telah tercapai kerana Sheila telah berjaya menyampaikan mesej dalam komunikasi tersebut.

Untuk bab lima tentang “berapa lama” dan “berapa jauh”, Lisa berasa bab tersebut agak rumit kerana struktur ayat untuk bertanya berapa lama dan berapa jauh dalam bahasa Mandarin berbeza dengan bahasa Melayu. Walaupun Lisa memahami kandungan pelajaran hari itu, tetapi beliau belum menghafal dan mengingati kandungan pelajaran. Maka Lisa tidak dapat mengaplikasikan pengajaran hari itu. Selepas kelas hari itu, Lisa mengetahui bahawa beliau memerlukan lebih latihan. Rizal telah bersedia ataupun membaca terlebih dahulu kandungan yang akan dipelajari dalam kelas itu. Dengan itu, sebelum kelas bahasa Mandarin pada hari itu, Rizal berasa teruja dan selesa (TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.1). Rizal mengatakan “Saya rasa pada hari tersebut, hari pertama saya berasalah saya ada bersedia sebelum kelas” (TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.2). Rizal menyedari terdapat perbezaan antara membuat persediaan dan tidak bersedia sebelum kelas. Beliau menerangkan perasaannya dalam kelas itu seperti berikut:

“Bila saya sudah bersedia, pensyarah ‘laoshi’ yang mengajar, saya serba sedikit mengetahui apa yang diajar, saya lebih faham, saya lebih tahu apa pelajaran pada hari tersebut. Jadi mudah bagi saya untuk memahami apa yang disampaikan oleh ‘laoshi’ pada hari itu” .

(TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.3)

Rizal dapat menyebut beberapa kosa kata dalam bahasa Mandarin apabila ditanya tentang perkara yang beliau pelajari dalam kelas Mandarin pada hari itu. Kosa kata yang beliau sebut adalah seperti “qianmian”, “loushang”, “sebelah kanan” dan “sebelah kiri” (TB2/Rizal/Pcpn/Ruj.2). Sehubungan dengan itu, Rizal mengatakan beliau memahami pengajaran dalam kelas pada hari itu, dan beliau berasa kelas pada hari itu amat menyeronokkan (TB2/Rizal/Pcpn/Ruj.5). Meskipun begitu, Rizal mengatakan beliau tidak dapat mengingati pengajaran Sophia semasa Sophia mengajar bab lapan kerana beliau tidak bersedia sebelum masuk ke kelas (TB3/Rizal/Bab.ttt/Ruj.14).

Sheila pula tidak bersedia sebelum kelas pemerhatian kedua Sophia, maka beliau berasa “kurang semangat” (TB1/Sheila/bab.tt/Ruj.1) untuk mengikut kelas pada hari itu. Beliau mengatakan semakin banyak kosa kata perlu diingati menyebabkan beliau berasa

susah hendak mengingat kata-kata yang baru (TB1/Sheila/bab.tt/Ruj.1). Sungguhpun begitu, beliau mengatakan “... walaupun tak dapat apa yang saya patutnya dapat maksimum itu, *at least* saya dapat sedikit belajar sedikit daripada *chapter* itu walaupun tak dapat maksimum, dapat sedikitlah (TB2/Sheila/bab.tt/Ruj.2).

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga pelajar yakni Lisa, Rizal dan Sheila tidak dapat menjawab soalan untuk memberitahu lokasi sesuatu tempat berdasarkan sekeping peta yang diberikan (TB2/Lisa/Pcnp/Ruj.3; TB2/Rizal/Pcnp/Ruj.9; TB2/Sheila/Pcnp/Ruj.1). Lisa mengatakan beliau belum menghafal semua kata-kata untuk bab itu kerana kata-kata yang perlu diingat terlalu banyak (TB2/Lisa/Pcnp/Ruj.3), Rizal mengatakan beliau lupa kata-kata dan struktur ayat untuk memberitahu arah (TB2/Rizal/Pcnp/Ruj.9), dan Sheila menerangkan bahawa oleh sebab beliau tidak menumpu perhatian dalam kelas dan tidak bersedia sebelum kelas tersebut, beliau seperti Lisa dan Rizal juga tidak dapat menjawab soalan yang ditujukan (TB2/Sheila/Pcnp/Ruj.1).

Semasa Sophia membuat ulang kaji tentang tempat-tempat pelancongan di Kuala Lumpur, Lisa tidak dapat mengikuti pengajaran tersebut kerana beliau tidak menghadiri kelas pada minggu sebelumnya. Beliau cuma tahu KLIA dalam bahasa Mandarin kerana kata-kata tersebut telah dipelajari di bab-bab sebelumnya (TB3/Lisa/bab.ttt/Ruj.1). Sheila cuma mengingat beberapa kata-kata baru untuk bab lapan dalam kelas itu, iaitu bagaimana meminta seseorang untuk memfotostatkan dokumen, kata-kata “mianshi”, “biye”, dan “jiaxin”. Beliau mengatakan agak susah bagi beliau untuk mengingat kebanyakan kata-kata dalam bab tersebut, walaupun Sophia telah menggunakan kaedah bercerita untuk memperkenalkan kata-kata dalam bab berkenaan (Jrn/Sheila/14Nov/Ruj.1).

Umumnya, kurikulum dipelajari pelajar dalam kelas Sophia juga setakat pada peringkat memahami pengajaran Sophia dalam kelas. Lisa menyatakan pensyarah telah

bagi yang terbaik dalam kelas, pelajar tidak dapat menguasai bahasa yang dipelajari merupakan tanggungjawab dan komitmen pelajar sendiri (TB3/Lisa/Pdgn.kus/Ruj.2). Ini bermakna persediaan pelajar sebelum menghadiri kelas juga menentukan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Jika pelajar bersedia sebelum kelas, lebih senang bagi pelajar memahami pengajaran dalam kelas berkenaan. Rizal pula berasa dua jam seminggu untuk mempelajari bahasa Mandarin susah untuk mencapai kemahiran untuk bertutur, pelajar setakat dapat memahami pengajaran yang disampaikan oleh Sophia. Sekiranya pelajar ingin menguasai bahasa Mandarin, ia masih memerlukan banyak masa lagi (TB1/Rizal/Pdgn.kus/Ruj.1).

Pendek kata, antara ketiga-tiga pelajar Sophia, cuma Sheila sahaja yang dapat bertutur dalam bahasa Mandarin setelah menghadiri kelas Sophia sekiranya beliau bersedia sebelum kelas. Malahan Sheila juga merupakan satu-satunya pelajar daripada sembilan peserta pelajar untuk kajian ini yang berjaya bertutur dalam bahasa Mandarin berdasarkan kandungan yang telah dipelajari dalam kursus ini, sungguhpun terdapat sedikit kesilapan dari segi penggunaan kosa kata dan tatabahasa.

4.5.4 Aktiviti Kelas Sophia

Daripada ketiga-tiga pemerhatian kelas Sophia, didapati kelas aktiviti yang pernah dilaksanakan oleh Sophia adalah seperti soal jawab, memberitahu lokasi sesuatu tempat berasaskan peta yang dilukis di papan putih dan aktiviti kumpulan (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1).

Sheila berpendapat bahawa kelas pada hari pemerhatian kelas pertama kurang melaksanakan aktiviti yang melibatkan intraksi yang betul-betul menggunakan bahasa Mandarin seperti aktiviti komunikasi spontan yang tidak boleh dirancang dengan menulis skrip terlebih dahulu. Sheila menerangkan seterusnya bahawa dengan aktiviti komunikasi tersebut barulah dapat menguji penguasaan bahasa Mandarin pelajar setelah menghadiri sesuatu kelas (TB1/Sheila/bab.tt/Ruj.6). Rizal juga berasa penglibatannya

dalam kelas tersebut kurang, beliau hanya bertutur sekali sahaja, iaitu apabila Sophia suruh beliau membaca (TB1/Rizal/Bab.ttt/Ruj.7).

Namun, Lisa berasa pada pemerhatian kelas pertama dan kedua, Sophia banyak memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur. Akan tetapi pelajar mendiamkan diri walaupun Sophia “cuba sehabis baik” (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.6) hendak menyuruh pelajar bercakap semasa pemerhatian kelas pertama (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.6), dan menyuruh pelajar membaca secara sukarela dan memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya pada pemerhatian kelas kedua (TB2/Lisa/bab.ttt/Ruj.2). Lisa mengakui beliau tidak mempunyai keyakinan untuk bercakap pada pemerhatian kelas pertama kerana beliau tidak mengetahui dan tidak menghafal kosa kasa bab berkenaan (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.6). Tambahan, kelas itu Sophia mengajar kandungan yang baharu, pelajar tidak menghafal kosa kata berkenaan lagi. Justeru itu, kelas pada hari itu kurang interaksi kerana pelajar tidak mempunyai keyakinan untuk bertutur (TB1/Lisa/bab.ttt/Ruj.7).

Pada pemerhatian kelas ketiga, Sophia menjalankan aktiviti kumpulan. Ini merupakan kali pertama Sophia menjalankan aktiviti kelas berkumpulan sepanjang masa kajian ini dilaksanakan (PK1/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK2/Sophia/Rfl/Ruj.1; PK3/Sophia/Rfl/Ruj.1). Kebetulan ketiga-tiga pelajar yang terlibat dalam kajian ini berada dalam kumpulan yang sama. Lisa mendapati kumpulan mereka menghadapi masalah kerana kosa kata yang mereka tahu agak terhad dan tidak mencukupi untuk membina ayat semasa menjalankan aktiviti tersebut (TB3/Lisa/bab.ttt/Ruj.2). Namun masalah ini dapat diatasi dengan bantuan Sophia, Sophia membetulkan ayat yang mempunyai kesalahan struktur dan kosa kata yang tidak betul diguna pakai dalam ayat.

Lisa memberi pandangan bahawa aktiviti kumpulan mermanfaatkan pelajar kerana melalui aktiviti tersebut pelajar dapat bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain untuk menyiapkan aktiviti yang diberikan. Manakala kekurangannya

ialah pensyarah tidak mengawasi penglibatan pelajar dalam kumpulan. Maka, terdapat pelajar yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut (TB3/Lisa/bab.ttt/Ruj.3). Beliau memberi contoh ahli kumpulannya, Rizal tidak terlibat dalam aktiviti itu langsung. Lisa memberi komen tentang Rizal semasa aktiviti tersebut seperti berikut: “... dia diam saja macam dia tak ada dekat situ. Mungkin tak tahulah macam dia malu, segan ke dia seorang saja lelaki”.(TB3/Lisa/Bab.ttt/Ruj.2). Rizal menerangkan hal tersebut dengan mengatakan beliau serba sedikit menolong memberi idea ataupun perkataan-perkataan untuk membina ayat dan dialog (TB3/Rizal/Bab.ttt/Ruj.12). Rizal menerangkan “hari itu saya kurang er .. mengambil bahagian er .. satu sebabnya saya keletihan, er ... jadi saya er ... berasa er ... saya kurang mengikuti apa yang diajarkan dalam kelas pada hari tersebut” (TB3/Rizal/Bab.ttt/Ruj.15). Padahal Rizal memahami peranan seorang pelajar dalam kelas mesti “.. mengambil bahagian, selain itu membuat kerja yang diberikan pensyarah em ... dan menumpukan perhatian dalam kelas” (TB3/Rizal/Pdgn.sdr//Ruj.2).

Selain itu, melalui pemerhatian Lisa, pelajar tidak menggunakan peluang aktiviti kumpulan tersebut untuk mempraktikkan bahasa Mandarin, kebanyakan pelajar menggunakan bahasa Melayu semasa membuat perbincangan. Lisa memberi pandangan bahawa membuat laporan di depan kelas untuk aktiviti kumpulan itu dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Mandarin, walaupun pelajar membaca skrip tanpa menghafal dan melakon (TB3/Lisa/bab.ttt/Ruj.3). Lisa menerangkan bahawa membaca skrip selepas aktiviti kumpulan dapat membetulkan sebutan beliau, sungguhpun “kalau nak bertutur saya rasa kena banyak latihan lagilah bukan setakat sekali saja dalam kelas” (TB3/Lisa/bab.ttt/Ruj.4).

Sheila berpendapat bahawa aktiviti kumpulan dalam kelas hari itu amat baik dan beliau berasa seronok kerana pertama kali beliau melibatkan diri dalam aktiviti sebegitu (TB3/Sheila/bab.tt/Ruj.2). Sheila menyatakan beliau dapat berinteraksi dengan orang

lain untuk berbincang bagaimana hendak membina ayat dan menulis dialog (TB3/Sheila/bab.tt/Ruj.2).

Secara amnya, Sheila berasa kebanyakan kelas bahasa Mandarin yang pernah beliau hadiri jarang-jarang mengadakan aktiviti interaksi sama ada antara pelajar dengan pensyarah ataupun pelajar dengan pelajar. Aktiviti yang melibatkan pelajar dalam kelas biasanya ialah membaca teks-teks dalam buku teks sahaja (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.24). Pelajar tidak diberi peluang untuk membuat teks sendiri dan berkomunikasi antara satu sama lain untuk mengaplikasikan perkara yang dipelajari (TB1/Sheila/Pdgn.kus/Ruj.1). Bagi Sheila, aktiviti tersebut amat penting kerana “.. kalau ada *maybe* kita boleh ada *confidence* sikitlah nak cakap Mandarinlah ... dia dapat membantu kita untuk er ... praktikkan kat luar sebab kita dah praktikkan kat dalam ...” (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.27).

Sheila memberi pandangan bahawa pelajar yang belajar sesuatu bahasa baharu mesti melibatkana diri dalam kelas secara aktif. Dengan kata lain, mengambil bahagian seberapa banyak aktiviti yang boleh dalam kelas, selain itu tidak ada cara lain kecuali belajar bersungguh-sungguh (TB3/Sheila/Pdgn.sdr/Ruj.1).

Berkenaan dengan hal tersebut, Sophia mengatakan penglibatan pelajar dalam kelasnya adalah sederhana. Pelajar berinteraksi dalam kelas tetapi mungkin tidak sampai pada tahap yang memuaskan. Beliau berpendapat sepatutnya pelajar “bertanya lebih dan satu lagi dia belajar dia ambil mana yang ada di buku teks saja” (TB1/Sophia/Pdgn.plj/Ruj.3) tanpa merujuk kepada bahan lain. Sophia menyedari kekurangan beliau dari segi pelaksanaan kurikulum bertulis untuk kursus ini kerana kekangan masa. Beliau menyatakan bahawa bila mempunyai “masa lebih kita ajar mereka berkomunikasi, yang ada sekarang kita *just* sampaikan *vocab-vocab* yang baru, lepas itu buat latihan, lepas itu menulis karakter, tapi macam *content* apa yang mereka belajar itu macam *communicate* itu macam masa tak gunakan nak suruh secara individu, nak bercerita tak cukup masa, *apply* terus perbualan” (TB1/Sophia/Pdgg/Ruk.4).

Perbincangan tersebut jelas menunjukkan bahawa pelajar berasa aktiviti kelas yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif untuk bertutur dalam bahasa Mandarin Sophia masih harus diperbanyakkan lagi. Pelajar menyedari kepentingan mempraktikkan bahasa Mandarin dalam kelas sebelum diaplikasikan dalam komuniti dan berharap pensyarah dapat melaksanakan lebih banyak aktiviti yang dapat menolong pelajar menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin. Rizal mengatakan dua perkara yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, iaitu penyampaian pensyarah dan aktiviti dalam kelas. Sekiranya penyampaian pensyarah adalah baik, maka pelajar lebih senang memahami pengajarannya, dan lebih banyak aktiviti yang dijalankan dalam kelas, lebih banyak pengetahuan yang diketahui oleh pelajar (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.29). Pandangan pelajar tersebut sejajar dengan penerangan kursus dalam kurikulum bertulis bahasa Mandarin ini.

Tambahan, Sophia juga menyedari bahawa kekangan masa telah menyebabkan beliau tidak dapat melaksanakan aktiviti yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif untuk berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Sekali lagi, salah satu kaedah untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan mengaplikasikan pendekatan *flipped classroom* seperti yang diterangkan sebelumnya.

4.5.5 Kandungan Pengajaran Terry

Pada pemerhatian kelas pertama, kandungan pengajaran yang dilaksanakan oleh Terry pada masa itu termasuk membincangkan latihan bab tiga, menyuruh pelajar menghafal dialog bab tiga, mengajar bab empat yang bertajuk “Wenlu” dan mengajar beberapa tulisan Cina. Pada masa pemerhatian kelas kedua, Terry menjalankan ujian mendengar dan mengajar bab enam yang bertajuk “Bercuti”. Beliau mengajar bab terakhir yang bertajuk “Zai bangongshi” yang berkaitan dengan interviu dan perbualan di tempat kerja pada pemerhatian kelas ketiga (PK1/Terry/Rfl/Ruj.1; PK2/Terry/Rfl/Ruj.1; PK3/Terry/Rfl/Ruj.1).

Ketiga-tiga pelajar Terry yakni Farah, Khamal dan Melini mengatakan mereka memahami pengajaran Terry pada ketiga-tiga pemerhatian kelas, tetapi tidak dapat bertutur terhadap perkara yang telah dipelajari dalam bahasa Mandarin kerana tidak mengingati kosa kata berkenaan dengan tajuk berkenaan. Farah berasa “agak-agak saya boleh tunjukkan jalan dekat ‘laoshi’ ” (Jrn/Farah/03Okt/Ruj.1), tetapi apabila Farah diberi satu peta untuk memberitahu bagaimana seseorang pergi ke sesuatu tempat berdasarkan peta yang diberi, Farah tidak dapat menjawab soalan yang ditujukan semasa temu bual kerana terlupa perkara yang dipelajari (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.4). Beliau mengatakan: “... sangat menyedihkan apabila saya tidak dapat menunjukkan arah dengan lancar dan tepat. Saya rasa sangat malu ketika itu ...” (Jrn/Farah/22Okt/Ruj.1). Namun, Farah memahami pengajaran Terry pada pemerhatian kelas berkenaan.

Begitu juga untuk Khamal dan Melini, mereka hanya memahami pengajaran pada pemerhatian kelas itu, tetapi tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin kerana mereka masih belum mengingati semua kosa kata tentang “bertanya jalan” pada hari itu (TB1/Khamal/Pcp/Ruj.4; TB2/Melini/Pcp/Ruj.3). Melini berasa pencapaian beliau dalam kelas bahasa Mandarin “saya boleh faham ‘laoshi’ cakap, tapi bila saya nak cakap tanpa *refer* buku, saya tak boleh” (TB1/Melini/Pcp/Ruj.5), iaitu “buat masa ini berjaya, berjaya maksud kalau dalam kelas je ... saya kena keluar kelas, kena hafal” (TB1/Melini/Pdgn.sdr/Ruj.4).

Namun, pandangan Terry amat berbeza dengan pencapaian sebenar pelajar tersebut. Terry berasa beliau telah mencapai objektif kurikulum kursus ini pada pemerhatian kelas pertama kerana “... saya rasa pelajar boleh menguasai apa yang saya mengajar selepas saya memberi beberapa soalan ... saya rasa pelajar mereka boleh tunjukkan (tunjuk jalan ke tandas), mereka boleh sebutkan ayat-ayat yang saya boleh faham, saya rasa pelajar fahamlah apa yang saya nak sampaikan”

(TB1/Terry/Pcp/Ruj.1) dan “... pelajar dapat menjawab soalan saya dengan tepat, pelajar boleh berdialog dalam kelas dengan ayat yang betul ...” (TB1/Terry/Pcp/Ruj.3).

Secara amnya, Farah, Khamal dan Melini juga cuma dapat memahami pengajaran Terry tentang bercuti pada pemerhatian kedua. Ketiga-tiga pelajar tidak boleh bertutur atau mengaplikasikan perkara yang dipelajari di luar kelas kerana belum menghafal atau mengingati kosa kata bab-bab tertentu (TB2/Farah/Pcp/Ruj.2; TB2/Khamal/Pglm/Ruj.5; TB2/Melini/Bab.ttt/Ruj.6). Khamal menerangkan bahawa beliau hanya dapat memahami dan mengingati dalam masa dua jam berkenaan sahaja. Lepas kelas, beliau tidak mengingati dan tidak tahu bagaimana hendak mengaplikasikannya (TB2/Khamal/Pglm/Ruj.5).

Manakala Melini cuma boleh mengingatiperkara yang Terry sebut tentang berbulan madu tetapi bukan dalam bahasa Mandarin. Melini ingat beberapa nama negara dalam buku teks seperti “Lundun” dan “Bali Dao. Beliau dapat mengingati tempat-tempat tersebut kerana ia berkaitan dengan tempat yang beliau ingin pergi untuk berbulan madu (TB2/Melini/Bab.ttt/Ruj.6). Selain daripada perkara tersebut, ketika Terry bertanya kepada pelajar tempat yang mereka ingin pergi untuk berbulan madu, Farah menjawab “Hanyu”. Padahal “Hanyu” bermaksud bahasa Korea. Farah berasa sangat “malu” ketika beliau salah menjawab tempat berbulan madu yang beliau ingin pergi, iaitu negara Korea sebagai “Hanyu”, sebenarnya negara Korea ialah “Hanguo” (Jrn/Farah/17Okt/Ruj.1). Namun, melalui kesalahan tersebut Farah telah memahami perbezaan antara “Hanyu” dengan “Hanyu”.

Farah memberi pandangan bahawa isi kandungan seperti bab lapan, yakni “Di pejabat” sangat berguna dan boleh diaplikasikan pada masa akan datang khususnya semasa mencari pekerjaan (Jrn/Farah/29Nov/Ruj.1; TB3/Melini/Bab.ttt/Ruj.1). Maka Farah berasa seronok ketika mengikuti pelajaran pada hari itu, walaupun beliau tidak bersedia sebelum menghadiri kelas (TB3/Farah/Bab.ttt/Ruj.4). Manakala Melini cuma

boleh memahami pengajaran hari itu tetapi tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin, beliau berkata : “... ingat, tapi saya tak ingat dalam bahasa Mandarin, saya ingat isi yang dia ajar” (TB3/Melini/Bab.ttt/Ruj.1). Khamal tidak menghadiri kelas bahasa Mandarin pada pemerhatian kelas ketiga, beliau juga tidak belajar sendiri atau bertanya kepada rakan sekelas tentang perkara yang diajar pada hari itu (TB3/Khamal/Bab.ttt/Ruj.1). Dapat dilihat, Khamal tidak mengambil berat tentang subjek ini.

Penulisan Cina merupakan sebahagian daripada sukatan pelajaran kursus ini, semasa Terry menyampaikan kandungan pengajaran tersebut, Farah berasa sangat gembira dan teruja. Beliau mengatakan:

“ Saya dah lama nak belajar tulis dan faham tulisan Cina ni. Harap-harap lepas ni saya dapat tulis banyak lagi tulisan Cina dengan betul. Saya yakin dengan kesungguhan dan selalu buat latihan saya mungkin dapat membaca tulisan Cina dan tulis dengan betul ...”

(Jrn/Farah/03Okt/Ruj.1)

Farah mempunyai pandangan positif untuk mengenali dan menulis tulisan Cina. Sehubungan dengan itu, tulisan Cina ialah aktiviti yang paling digemari Farah (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.13). Beliau memahami untuk belajar tulisan Cina akan mengambil masa yang lama dan memerlukan usaha yang konsisten (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.2). Setelah belajar tulisan Cina dalam kelas Terry, Farah pernah menggunakan telefon bimbit untuk mengirim khidmat pesanan ringkas (SMS) dalam tulisan Cina, meskipun cuma beberapa tulisan Cina sahaja yang dapat dikenali beliau (TB1/Farah/Pcp/Ruj.4).

Secara amnya, kurikulum dipelajari pelajar dalam kelas Terry bersamaan dengan kelas Hanna dan Sophia, yakni pelajar setakat pada peringkat memahami sebahagian pengajaran Terry dalam kelas. Selepas keluar dari kelas, pelajar tidak dapat mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian. Bagi Farah pengajaran Terry telah mencapai objektif dari segi membaca, memahami dan mengenali untuk beliau. Akan tetapi, beliau belum menghafal lagi perkara yang berkaitan dengan tajuk

tertentu, maka beliau masih tidak dapat mengaplikasikan perkara yang dipelajari di luar kelas (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.14). Melini juga berpendapat bahawa pengajaran Terry adalah tersusun dan mengatakan Terry berjaya menyampaikan pengajarannya secara amnya (TB1/Melini/Bab.ttt/Ruj.13).

Sesungguhnya ketekunan pelajar mengingat kosa kata dan mengulang kaji selepas kelas amat penting untuk mencapai kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Hal ini dapat dilihat melalui kerisauan Terry terhadap pelajar. Terry mengatakan sekiranya pelajar tidak mengulang kaji dan mempraktikkan bahasa dalam kehidupan harian selepas kursus ini, maka pelajar akan terlupa perkara yang telah dipelajari dalam kelas (TB1/Terry/Pcp/Ruj.2). Sehubungan dengan itu, beliau tidak pasti sama ada perkara yang dipelajari pelajar dalam kelas dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian (TB1/Terry/Pcp/Ruj.1).

4.5.6 Aktiviti Kelas Terry

Daripada ketiga-tiga pemerhatian kelas Terry, didapati Terry lazim melaksanakan aktiviti kelas seperti menghafal dialog, soal jawab dan lisan berpasangan berdasarkan ayat-ayat yang digariskan (PK1/Terry/Rfl/Ruj.1; PK2/Terry/Rfl/Ruj.1; PK3/Terry/Rfl/Ruj.1). Aktiviti kelas tersebut merupakan aktiviti yang digunakan oleh Terry untuk menguji kefahaman pelajar terhadap pengajaran beliau (TB1/Terry/Pnl/Ruj.1).

Terry melaksanakan aktiviti kelas menghafal dialog dalam buku teks setiap minggu. Ini merupakan kerja rumah mingguan pelajar (PK1.Terry/Rfl/Ruj.1; PK2.Terry/Rfl/Ruj.1; PK3.Terry/Rfl/Ruj.1.). Sungguhpun terdapat dua watak dalam setiap dialog, lazimnya seorang pelajar sahaja yang menghafal dialog berkenaan, dan Terry membetulkan sebutan pelajar sekiranya terdapat kesilapan (PK1.Terry/Rfl/Ruj.1). Terry mengatakan ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk menguji pembelajaran pelajar dalam kelas (TB1/Terry/pnl/Ruj.1). Namun, Farah mengatakan

“saya rasa hafal dialog ... lebih baik saya apa bertutur dengan *member-member*. Saya rasa itu lagi berkesan, lagi saya ingat” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.22). Farah mengharapkan aktiviti kelas yang melibatkan interaksi pelajar dalam bahasa Mandarin.

Sehubungan dengan itu, Farah mengatakan aktiviti kumpulan yang dilaksanakan oleh Terry pada pemerhatian kelas ketiga, iaitu pelajar bercakap dengan kawan bersebelahan tentang isi kandungan yang diajar dalam kelas merupakan aktiviti kelas yang sesuai dan berkesan untuk mempraktikkan perkara yang dipelajari dalam kelas (TB3/Farah/Bab.ttt/Ruj.2). Beliau menerangkan: “ ... kita lebih ingat sebab kadang-kadang kita ajar kawan apa yang dia tidak tahu ... tapi ‘laoshi’ ajar cara ni dah *last* tajuk ... kan *best* kalau dia buat awal-awal tajuk ...” (Jrn/Farah/29Nov/Ruj.1). Lebih-lebih lagi pelajar tidak berasa mengantuk dan bosan dalam kelas (TB3/Farah/Bab.ttt/Ruj.2). Farah mengatakan aktiviti kelas yang paling membantu beliau ialah aktiviti yang melibatkan interaksi pelajar dalam kelas. Farah mengatakan penglibatan pelajar dalam kelas adalah penting untuk belajar sesuatu bahasa sungguhpun beliau takut dipanggil pensyarah untuk menjawab soalan kerana risau tidak mengetahui bagaimana hendak menjawab (TB1/Farah/Pglm/Ruj.39).

Melini juga menyuarakan bahawa aktiviti yang melibatkan perbincangan paling digemarinya. Ini kerana aktiviti perbincangan menyebabkan beliau “lagi faham, lagi kita macam *word-word* yang kita tak tahu kita tanya ‘laoshi’, ‘laoshi’ cakap” (TB1/Melini/Pglm/Ruj.44). Sungguhpun Melini dan Farah menyedari kepentingan aktiviti kelas dalam pembelajaran bahasa Mandarin dan ingin mencuba dalam kelas, tetapi mereka berasa segan dan takut melakukan kesilapan dalam kelas (Jrn/Farah/03Okt/Ruj.1; TB1/Melini/Pglm/Ruj.11). Walau bagaimanapun, semasa pemerhatian kelas pertama, pertama kali Farah angkat tangan untuk membaca dialog dalam kelas secara sukarela. Beliau berasa amat gembira sebab beliau telah mengatasi

sikap malu-malu dan berani melakukan sesuatu yang dapat membantu beliau mencapai objektif mengikuti kursus ini (Jrn/Farah/03Okt/Ruj.1).

Umumnya, aktiviti kelas yang dilaksanakan dalam kelas Terry masih tidak mencukupi dan tidak sejajar dengan keperluan pelajar dan kurikulum bertulis. Pelajar mengharapkan lebih banyak aktiviti kumpulan yang dapat melibatkan penyertaan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin. Hal ini seperti yang diterangkan oleh Farah, beliau mengharapkan Terry dapat memperbanyakkan aktiviti kumpulan seperti yang dijalankan pada pemerhatian ketiga (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.16). Padahal Terry menyedari kelemahan pengajaran beliau yang berpusatkan guru dan kurang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kelas.

Sehubungan dengan itu, Terry memberi cadangan bahawa peruntukan masa untuk mengendalikan kelas yang ideal ialah 30% masa digunakan untuk pengajaran, dan 70% masa digunakan untuk aktiviti pelajar (TB3/Terry/Pnl/Ruj.1). Beliau juga bersependapat dengan Hanna dan Sophia bahawa sekiranya masa mengizinkan, beliau akan menjalankan lebih banyak aktiviti kelas (TB3/Terry/Cdgn.krs/Ruj.5). Terry menerangkan seterusnya: "... saya juga berharap pelajar boleh bercakaplah, boleh ingat dan sebut dengan tepat, bila mereka, selepas mereka belajar boleh digunakan ngah selepas mereka tamat belajar nanti. Apabila mereka ada en ... en ... en ... apa interviu, en ... semasa bekerja nantilah" (TB3/Terry/Pcp.Ruj.2).

Melalui perbincangan tentang kurikulum dipelajari pelajar untuk kesembilan-sembilan pelajar dalam kajian ini, dapat dirumuskan bahawa pelaaajr memahami pengajaran pensyarah dalam kelas, namun peluang untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari masih tidak mencukupi. Pensyarah memfokus kepada penyampaian kandungan pengajaran dan mengabaikan aktiviti kelas kerana kekangan masa. Dengan itu, kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum

dipelajari tidak tercapai. Disarankan bahawa salah satu kaedah untuk meminimumkan jurang ketidaksejajaran kurikulum tersebut adalah dengan mengaplikasikan pendekatan *flipped classroom* yang diterangkan sebelumnya.

4.6 Pengalaman Pelajar Mempelajari Bahasa Mandarin

Pelajar yang menyertai kajian ini, yakni Aiman, Daim, Ehsan, Rizal, Sheila, Farah, Khamal dan Melini tidak pernah mengikuti apa-apa kursus bahasa Mandarin dan tidak pernah bertutur dalam bahasa Mandarin sebelum mengikuti kursus ini. Namun, Liza pernah belajar bahasa Cina semasa darjah lima di sekolah rendah kebangsaan selama setahun. Akan tetapi, Liza tidak mengingati apa-apa yang dipelajari pada masa itu, beliau juga tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin apabila diuji keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin sebelum kajian ini dilaksanakan. Sebaliknya, Sheila boleh bertutur beberapa perkataan dalam bahasa Mandarin, ini kerana beliau belajar bahasa Mandarin sendiri melalui drama bersiri dalam bahasa Mandarin.

Aiman mengatakan pada masa beliau mula-mula belajar bahasa Mandarin, yakni bahasa yang tidak pernah beliau mempelajari sebelum ini, beliau berasa macam "... macam terkejutlah, nak ingat *something* macam *mind mind* ... setelah mula-mula belajar *something new* tak pernah sebut, tak pernah *deal*, jadi perlu *time* untuk *adapt* dia punya ... *feel* itulah" (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.22). Beliau mengambil sedikit masa untuk membiasakan dirinya dengan bahasa Mandarin. Rizal juga berasa terkejut pada masa awal-awal beliau belajar bahasa Mandarin di universiti ini kerana bahasa tersebut tidak sama sekali dengan bahasa Iban, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.11).

Melini pula berasa agak susah untuk belajar bahasa Mandarin pada awal-awal beliau mengikuti kursus ini kerana beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang subjek ini. Beliau mengatakan: "Rasa macam susah sebab tak faham, tak

familiar, jarang-jarang dengar perkataan-perkataan dalam Mandarin” (Jrn/Melini/04Okt/Ruj.1). Beliau mendapat keseronokan belajar bahasa Mandarin ketika beliau dapat mengaplikasikan perkara yang dipelajari dalam kehidupan harian. Beliau menerangkan pengalaman beliau di kedai telefon bimbit “... saya faham apa dia cakap tentang warna, saya rasa seronok ...” (Jrn/Melini/04Okt/Ruj.2).

Daim menanti-nanti untuk masuk ke kelas Mandarin (TB1/Daim/Pglm/Ruj.2). Manakala Khamal mengekspresikan perasaan “biasa” sahaja pada awal-awal beliau mengikuti kursus ini. Sepanjang kursus ini, Khamal pernah ponteng dua kali kelas bahasa Mandarin. Beliau mengatakan sebab-sebab beliau ponteng kelas seperti “balik kampung” dan “dalam keadaan terdesak seperti penat sangat, kerja banyak sangat, lepas itu ada macam urusan lain yang perlu di dahulukan” (TB3/Khamal/LB/Ruj.1).

Ehsan, Farah dan Sheila berasa teruja kali pertama mereka memasuki kelas bahasa Mandarin (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.4; TB1/Farah/Pglm/Ruj.1; TB1/Sheila/Pglm/Ruj.1). Ehsan mengatakan “memang *excited*lah baru nak belajar satu yang baru kan” (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.4). Farah teruja sebab “em bila *first* ‘laoshi’ ajar *in* Mandarin, saya rasa sangat teruja, saya nak belajar lagi walaupun saya takut” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.2). Sungguhpun Ehsan tidak pernah bertutur dalam bahasa Mandarin sebelum beliau mengikuti kursus bahasa Mandarin ini, banyak kali pekedai-pekedai bertutur dalam bahasa Mandarin dengannya kerana wajahnya mirip orang Cina. Manakala Rizal mempunyai kawan-kawan yang fasih dalam bahasa Mandarin tetapi beliau tidak pernah bertutur dengan kawannya sebelum mengikuti kursus ini.

Selain daripada teruja, Farah berasa takut dan Sheila berasa seronok tentang pertama kali belajar bahasa Mandarin di universiti ini (TB1/Farah/Pglm/Ruj.1; TB1/Sheila/Pglm/Ruj.1). Farah berasa takut sebab setelah menghadiri kelas bahasa Mandarin pada kali pertama, Farah berasa *blurr* (TB1/Farah/Pglm/Ruj.1) tentang pengajaran dalam kelas bahasa Mandarin. Beliau tidak memahami pengajaran

pensyarah ketika pensyarah bertutur dalam bahasa Mandarin, “saya takut saya tak faham apa yang ‘laoshi’ ajar ... takut tak boleh nak er ... fahamlah, *adapt* dengan apa yang ‘laoshi’ ajar” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.2).

Oleh sebab Sheila pernah belajar bahasa Mandarin sendiri sebelum mengikuti kursus ini, maka beliau lebih cepat mendapat perkara yang disampaikan oleh pensyarah jika dibandingkan dengan rakan-rakan sekelasnya (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.1). Perkara yang Sheila tahu tentang bahasa Mandarin sebelum beliau mengikuti kursus bahasa Mandarin ini adalah seperti “duibuqi”, “mei guanxi”, “xiexie” dan “Wo jiao XX”, iaitu frasa yang umum digunakan dalam kehidupan harian (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.17). Sheila menjelaskan bagaimana beliau belajar bahasa Mandarin sendiri seperti berikut:

“...sebelum mengambil kursus bahasa Mandarin er .. saya tengok drama Taiwan *and then* daripada drama itu er .. dia ada dia punya OST (*original sound track*), *so* OST tu macam saya cari lagu OST tu dan saya cuba hafal *and then* bila sambil er ... hafal *and* nyanyi lagu tulah. *So* sambil-sambil hafal dan nyanyi tu macam er ... saya akan *assess* diri sendiri. Kalau er ... puas hati tak dengan *pronunciation* tu, kalau tak puas hati saya akan cubakan dapat macam *the exact same* dengan penyanyi itu ...”

(TB1/Sheila/Pglm/Ruj.20)

Sheila belajar sebutan dalam bahasa Mandarin daripada lagu-lagu tersebut, dan beliau biasanya mencari lirik lagu yang berbentuk “Hanyu Pinyin” daripada internet, kemudian beliau mendapatkan terjemahan lirik tersebut dalam bahasa Inggeris (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.20).

Sheila berasa agak susah untuk menyebut atau menyanyi dengan sebutan yang betul seperti penyanyi. Punca masalah untuk menguasai sebutan bahasa Mandarin dapat ditemui Sheila setelah beliau mengikuti kursus ini. Setelah Sheila mengikuti kursus ini barulah Sheila menyedari bahawa terdapat empat nada dalam sebutan bahasa Mandarin. Sebelum Sheila mengikuti kursus ini, beliau sentiasa menyebut bahasa Mandarin seperti beliau menyebut perkataan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.1).

Umumnya, pelajar mempunyai perasaan teruja dan seronok, terkejut dan “takut” ataupun “biasa” sahaja pada kali pertama mereka mempelajari bahasa Mandarin. Pelajar mendapati bahasa Mandarin adalah berlainan daripada bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Iban. Memandangkan bahasa Mandarin merupakan bahasa baharu dipelajari pelajar, maka mereka memerlukan sedikit masa untuk membiasakan diri dengan bahasa tersebut, terutama sekali dari segi sebutan. Pelajar mengekspresikan perasaan keseronokan belajar bahasa Mandarin sekiranya mereka dapat mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian.

4.6.1 Sebelum Kelas Bahasa Mandarin

Sebelum masuk setiap pemerhatian kelas bahasa Mandarin, pelajar masing-masing mempunyai perasaan tersendiri, terutamanya pelajar Hanna iaitu Aiman, Daim dan Ehsan kerana Hanna ialah pensyarah yang berasal dari negara China. Sebelum ini ketiga-tiga pelajar diajar oleh pensyarah tempatan. Mereka berasa gembira, teruja dan menanti-nanti untuk menghadiri kelas Hanna. Aiman menyatakan sebelum masuk kelas pada hari pemerhatian kelas pertama, beliau menanti-nanti untuk melihat bagaimana Hanna mengajar kerana Aiman mendapati kaedah pengajaran Hanna lain daripada pensyarah sebelumnya.

Aiman menerangkan seterusnya bahawa sekiranya beliau tidak bersedia atau membuat ulang kaji sebelum kelas Mandarin, pada masa kelas Mandarin beliau berasa takut dan risau. Selain daripada takut tidak dapat menjawab soalan pensyarah, Aiman juga risau tidak dapat memahami perkara yang diajar dalam kelas (TB2/Aiman/Bab.ttt/Ruj.1). Lisa mempunyai perasaan yang serupa dengan Aiman sebelum beliau masuk ke kelas Sophia. Ini kerana Lisa biasanya tidak bersedia sebelum kelas. Maka beliau “takut kalau dia suruh cakap sebab saya tak hafalkan, kadangkang macam saya lambat sikit dapat, saya tengok ini, dah belajar chapter lepas tapi

apa perkataan ini, tengok semua macam baru, maksudnya saya tak ingat sepenuhnya ...”
(TB1/Lisa/Pglm/Ruj.14).

Rizal dan Sheila pula sentiasa menanti-nanti untuk menghadiri kelas Sophia sekiranya mereka sudah bersedia sebelum kelas. Sebelum pemerhatian kelas kedua, Rizal telah bersedia ataupun membaca terlebih dahulu kandungan yang akan dipelajari dalam kelas itu, beliau mempunyai perasaan ingin mengambil tahu kandungan pelajaran yang akan beliau pelajari dalam kelas (TB1/Rizal/Bab.ttt/Ruj.2), dan berasa teruja dan selesa (TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.1). Dengan itu, sebelum kelas bahasa Mandarin pada pemerhatian kelas kedua, Rizal mengatakan “Saya rasa pada hari tersebut, hari pertama saya berasalah saya ada bersedia sebelum kelas” (TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.2). Rizal nampak perbezaan antara membuat persediaan dan tidak bersedia sebelum kelas. Beliau menerangkan perasaannya dalam kelas itu seperti berikut:

“ Bila saya sudah bersedia, pensyarah ‘laoshi’ yang mengajar, saya serba sedikit mengetahui apa yang diajar, saya lebih faham, saya lebih tahu apa pelajaran pada hari tersebut. Jadi mudah bagi saya untuk memahami apa yang disampaikan oleh ‘laoshi’ pada hari itu” .

(TB2/Rizal/Bab.ttt/Ruj.3)

Bagi Sheila, setiap kali beliau menanti-nanti dan berasa teruja sebelum masuk ke kelas bahasa Mandarin. Beliau mengatakan ini kerana kelas bahasa Mandarin ialah satu-satunya peluang yang beliau ada untuk belajar bahasa Mandarin (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.28). Lebih-lebih lagi, terdapat perkara baharu yang akan dipelajari dalam kelas. Beliau berharap semua yang diajar dalam setiap kelas dapat diserap dan dikuasainya (TB1/Sheila/bab.tt/Ruj.4). Penerangan Sheila terhadap perasaan beliau sebelum menghadiri kelas bahasa Mandarin menggambarkan minat dan keazaman beliau terhadap bahasa Mandarin.

Pelajar Terry iaitu Farah, Khamal dan Melini mempunyai perasaan masing-masing sebelum menghadiri kelas Terry. Farah berasa seronok sebelum beliau

menghadiri kelas Mandarin dan mengatakan setiap minggu dua jam untuk kelas bahasa Mandarin berlalu dengan cepat. Beliau tidak pernah berasa bosan dalam kelas Mandarin. Farah menerangkan perasaan tersebut mungkin disebabkan minat beliau terhadap bahasa Mandarin (TB1/Farah/Pglm/Ruj.34).

Lazimnya sebelum Khamal masuk ke kelas Terry, beliau mempunyai perasaan serba sedikit tidak mahu menghadiri kelas kerana takut dipanggil untuk menghafal dialog dalam kelas yang diberi oleh Terry sebagai kerja rumah mingguan, sungguhpun Khamal telah menghafal dialog dalam buku teks seperti yang disuruh oleh Terry sebelumnya (TB1/Khamal/Bab.ttt/Ruj.6). Melini mengatakan sebelum beliau menghadiri kelas bahasa Mandarin pada hari pemerhatian kelas pertama, beliau berasa malas, penat dan mengantuk kerana tidak cukup tidur malam sebelum kelas bahasa Mandarin hari itu. Beliau sangat sibuk sepanjang minggu tersebut. Sungguhpun demikian, semasa dalam kelas itu, “bila ‘laoshi’ dah buat lawak, semua jadi semangat. Bila saya balik pelik kerana saya tak mengantuk dalam kelas Mandarin. Padahal sebelum masuk itu malas, mengantuk” (TB1/Melini/Bab.ttt/Ruj.10).

Memandangkan Terry mengadakan ujian mendengar 1 pada masa pemerhatian kelas kedua, Farah berasa gelisah sebelum kelas kerana selain daripada ujian mendengar ini, beliau perlu menduduki ujian untuk subjek lain (Jrn/Farah/17Okt/Ruj.1). Khamal dan Melini mempunyai perasaan yang kompleks sebelum masuk ke kelas Mandarin pada hari itu. Khamal berasa gelisar, penat dan gembira sebelum masuk ke kelas bahasa Mandarin. Ini kerana beliau tidak bersedia untuk ujian mendengar 1 dengan baik, maka beliau agak risau sekiranya beliau tidak dapat mengingat perkara yang telah dipelajari (TB2/Khamal/Pglm/Ruj.2). Selain itu, beliau juga risau tidak dapat menjawab soalan pensyarah kerana beliau tidak mengulang kaji tentang pengajaran pada minggu sebelumnya. Namun beliau berasa gembira kerana “setiap kali

masuk kelas ada benda lawak” (TB2/Khamal/Pglm/Ruj.2). Melini pula berasa takut sebelum masuk kelas (TB2/Melini/Bab.ttt/Ruj.2).

Melalui perbincangan tersebut, didapati persediaan pelajar sebelum kelas akan mempengaruhi perasaan pelajar ketika menghadiri setiap kelas bahasa Mandarin, terutama sekali jika kelas berkenaan menjalankan ujian-ujian tertentu. Meskipun begitu, umumnya pelajar berasa teruja dan menenti-nanti untuk menghadiri setiap kelas bahasa Mandarin dan mengatakan kelas bahasa Mandarin adalah seronok dan menarik.

4.6.1.1 Masa Mengulang Kaji

Dapatan daripada temu bual dan jurnal-jurnal pelajar menunjukkan secara amnya pelajar mengambil masa satu hingga dua jam seminggu untuk mengulang kaji bahasa Mandarin (Jrn/Aiman/16Nov/Ruj.1;TB1/Daim/Pglm/Ruj.5; TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.15; TB1/Lisa/Pglm/Ruj.1; Jrn/Rizal/9&14.Okt/Ruj.1; TB2/Sheila/Pglm/Ruj.1; TB1/Farah/Pglm/Ruj.17; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.6; TB1/Melini/Pglm/Ruj.13) Dengan kata lain, pelajar memperuntukkan masa dari 14 jam hingga 28 jam untuk mengulang kaji bahasa Mandarin dalam satu semester.

Kebanyakan pelajar mengulang kaji bahasa Mandarin sekiranya pensyarah memberi kerja rumah, mempunyai ujian bahasa Mandarin pada kelas akan datang ataupun pada minggu berkenaan pelajar tidak sibuk dengan subjek lain. Manakala Lisa mengulang kaji bahasa Mandarin semata-mata untuk menyiapkan kerja rumah dan menghadapi peperiksaan sahaja (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.1). Aiman mengatakan beliau tidak memfokus kepada subjek bahasa Mandarin kerana beliau lebih mementingkan subjek lain yang baginya lebih penting daripada bahasa Mandarin (TB3/Aiman/Pdgn.kus/Ruj.1), sungguhpun beliau menyedari beliau akan menghadapi masalah sekiranya tidak bersedia sebelum kelas (TB2/Aiman/Pglm/Ruj.3). Farah seorang sahaja yang mengatakan walaupun tidak mempunyai peperiksaan, beliau juga mengulang kaji bahasa Mandarin setiap minggu (TB1/Farah/Pglm/Ruj.17).

Secara amnya, setiap pelajar mempunyai kegemaran masa sendiri untuk mengulang kaji bahasa Mandarin. Aiman biasanya membuat kerja rumah atau mengulang kaji bahasa Mandarin pada waktu pagi sebelum kelas bahasa Mandarin bermula pada pukul 10.30 pagi (Jrn/Aiman/16Nov/Ruj.1). Manakala Daim membuat ulang kaji bahasa Mandarin pada waktu petang atau malam selepas kelas Mandarin sebab risau terlupa. Ada kalanya beliau sibuk dengan projek subjek yang lain, maka beliau cuma belajar bahasa Mandarin pada waktu malam sehari sebelum dan waktu pagi sebelum kelas bahasa Mandarin (TB1/Daim/Pglm/Ruj.5). Ehsan, Lisa, Rizal, Sheila dan Khamal menerangkan bahawa mereka membuat ulang kaji bahasa Mandarin sekiranya mereka mempunyai masa lapang sehari sebelum kelas bahasa Mandarin (TB1/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.15; TB1/Lisa/Pglm/Ruj.1; Jrn/Rizal/9 & 14 Okt/Ruj.1; TB2/Sheila/Pglm/Ruj.1; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.6). Sheila mendapati bahawa pembelajaran beliau lebih berkesan sekiranya beliau mengulang kaji bahasa Mandarin sebelum kelas (TB2/Sheila/Pglm/Ruj.1).

Melini membuat ulang kaji bahasa Mandarin pada hari Sabtu dan Ahad kerana masa itu beliau mempunyai lebih masa untuk merujuk kepada ketiga-tiga buah buku teks agar kerja rumahnya dapat disiapkan khususnya (TB1/Melini/Pglm/Ruj.2). Biasanya beliau memerlukan dua jam hingga tiga jam untuk membuat kerja rumah dan dua jam lagi untuk menghafal dialog-dialog dalam buku teks (TB1/Melini/Pglm/Ruj.13). Beliau mengatakan jika pensyarah tidak memberi kerja rumah, beliau tidak akan menyentuh buku teks bahasa Mandarin, kecuali pada hari yang ada kelas bahasa Mandarin ataupun sebelum ujian-ujian tertentu dijalankan pada minggu berkenaan (TB1/Melini/Pglm/Ruj.26). Contohnya, Terry menyuruh pelajar menghafal dialog dalam buku teks di rumah agar dapat diuji pada minggu seterusnya. Hal ini telah memaksa Melini menghafal setiap hari dan “saya rasa saya punya

Mandarin ini lagi *improve* sebab boleh ingat sikit-sikit. Maksudnya macam *compare* dengan dua sem dulu saya jarang ingat ...” (TB1/Melini/Pcp/Ruj.2).

Didapati semua pelajar yang terlibat dalam kajian ini tidak mengulang kaji bahasa Mandarin setiap hari ataupun empat hingga lima jam seminggu seperti yang dinyatakan dalam dokumen kurikulum bertulis, yakni skema mingguan bahasa Mandarin. Dokumen tersebut menyatakan jumlah masa yang sepatutnya diperuntukkan untuk mengulang kaji bahasa Mandarin ialah 52 jam dalam satu semester. Jelas dilihat, jumlah masa mengulang kaji pelajar terhadap bahasa Mandarin cuma lebih kurang separuh masa yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan pelajar lebih mementingkan subjek lain daripada subjek ini kerana masa untuk belajar di luar kelas diberi keutamaan kepada subjek lain. Lazimnya, pelajar cuma belajar bahasa Mandarin sekiranya diberi kerja rumah ataupun mempunyai peperiksaan.

4.6.1.2 Kaedah Mengulang Kaji

Pelajar mempunyai kaedah masing-masing untuk membuat ulang kaji selepas kelas bahasa Mandarin. Namun, kesembilan-sembilan pelajar biasa bermula dengan menghafal kosa kata dalam buku teks yang telah diajar sebelumnya (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.10; TB1/Daim/Pglm/Ruj.6; TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.3; TB1/Lisa/Pglm/Ruj.9; TB1/Rizal/Pglm/Ruj.7; TB1/Sheila/Pglm/Ruj.2; TB1/Farah/Pglm/Ruj.3; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.5; TB1/Melini/Pglm/Ruj.4). Aiman mengatakan sekiranya ada masa lagi, barulah beliau menghafal kosa kata yang akan diajar pada kelas akan datang (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.10). Sheila juga mengulang kaji perkara yang diajar, jarang-jarang bersedia untuk tajuk-tajuk yang belum diajar (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.5).

Aiman mengatakan “saya melakukan persediaan sebelum masuk ke kelas dengan menghafal perkataan-perkataan Mandarin yang baru, tetapi saya tidak dapat menghafal banyak dan tidak dapat memberi perhatian yang sepenuhnya kerana ada kerja lain yang perlu dibuat” (Jrn/Aiman/21Sept/Ruj.1). Setelah menghafal kosa kata,

Aiman belajar struktur ayat dan kadang-kadang cuba cakap berseorangan (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.6). Daim dan Khamal menguji ingatan diri sendiri dengan menulis semula semua kosa kata yang telah dihafal di atas kertas, kemudian menyemak jawapan dengan merujuk kepada buku teks sehingga semua jawapan adalah betul (TB1/Daim/Pglm/Ruj.7; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.3).

Sheila pula mengumpulkan kosa kata yang mempunyai sebutan yang serupa semasa membuat ulang kaji, contohnya “dianhua” dan “dianshi” mempunyai kesamaan perkataan “dian” yang bermaksud “elektrik”. Ini akan memudahkan beliau menghafal dan mengingati kosa kata yang dipelajari (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.2). Selain itu, Sheila juga menggunakan kaedah bercakap dengan diri sendiri apabila nampak benda-benda yang pernah dipelajari dalam bahasa Mandarin untuk mengingati kosa kata dalam bahasa Mandarin. Sheila mengataka cara ini berkesan kerana “bila kita macam nampak sesuatu tu dan repeat, repeat, repeat dia akan mudah untuk ingat” (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.8). Kalau Sheila mendapati beliau masih belum dapat mengingati kosa kata tertentu, beliau akan merujuk kepada buku teks ataupun kamus untuk mengingati kosa kata tertentu (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.9).

Melini mengatakan beliau akan cuba mempraktikkan Mandarin dengan cara “kalau nampak benda tu terus cakap dalam Mandarin” (TB1/Melini/Cdgn/Ruj.6). Melini mengatakan sekiranya beliau tidak sentiasa mempraktikkan perkara yang dipelajari dalam bahasa Mandarin, beliau tidak akan mencapai matlamat beliau untuk memahami, bertutur dan menulis bahasa Mandarin (TB1/Melini/Pglm/Ruj.25). Manakala Daim mengatakan menghafal dialog dalam buku teks dapat membantu beliau untuk mengetahui penggunaan kosa kata dan mengingati struktur ayat bahasa Mandarin (TB2/Daim/Bab.ttt/Ruj.3). Ini kerana ayat yang dihafal boleh diganti dengan kosa kata yang sesuai berdasarkan situasi tertentu, “macam kalau nak pergi mana-mana kan, nak pergi Kuala Lumpur, tukarlah nak pergi mana pula, apa ... nak pergi apa .. ‘chezhan’ ke,

ah macam itu lah. *So*, rasanya macam itu cara lebih senang, lebih efektif cuma letih sikitlah nak menghafal” (TB1/Daim/Pglm/Ruj.37).

Kaedah tersebut Daim pernah mempraktikkan semasa beliau belajar bahasa Mandarin pada tahap II. Pada masa itu pensyarah menyuruh pelajar menghafal dialog dalam kelas secara berkumpulan, “kita orang kena hafal dialog itu *and* dua orang ... *two by two* hafal *and then, I’d say* cara itu agak bagus jugalah, sebab *by that time* pun kita dah macam boleh hafal sikit-sikit perkataan-perkataan baru” (TB1/Daim/Pglm/Ruj.34). Kaedah tersebut memanfaatkan Daim, “*I think* cara itu memang agak bagus untuk budak-budak, *I mean that time* dia orang *may be* boleh *grab the vocab* 50% ataupun lebih atau kuranglah. Baik, memang membantulah” (TB3/Pdgn.psy/Ruj.5).

Selain daripada itu, pensyarah tersebut mengadakan ujian kosa kata setiap minggu, Daim, Aiman dan Ehsan berasa kaedah tersebut agak tertekan namun “baik juga, *in a way* dia baik, cuma kadang-kadang *student* malas” (TB1/Daim/Pdgn.psy/Ruj.3). Ehsan menerangkan bahawa ujian kosa kata tersebut telah “*push*” (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.5) beliau membuat ulang kaji untuk bahasa Mandarin setiap minggu. Walaupun Ehsan berasa tertekan pada awalnya “sebab kena ingat tiap-tiap minggu, pada masa sama saya fikir juga ‘laoshi’ buat macam ini kira ada elok jugalah sebab kalau ia tak buat macam ini lepas balik mesti buku simpan” (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.5).

Keadaan Khamal agak menyerupai Daim dan Ehsan. Khamal menerangkan bahawa beliau juga belajar untuk keperluan dalam kelas sahaja, selepas kelas beliau tidak membuat ulang kaji kecuali diberi kerja rumah oleh pensyarah (TB1/Khamal/Msl/Ruj.14). Contohnya, Terry memberi tugas untuk menghafal dialog-dialog dalam buku teks, beliau akan menghafal dialog sahaja sebelum kelas bahasa Mandarin. Beliau mengatakan “Kalau ‘laoshi’ suruh hafal dialog, hafal dialog tu jelah” (TB1/Khamal/Bab.ttt/Ruj.8). Khamal menghafal kandungan yang telah dipelajari

pada minggu sebelumnya untuk menghadapi pertanyaan pensyarah dalam kelas bahasa Mandarin, manakala Aiman, Daim dan Ehsan mengulang kaji bahasa Mandarin tersebut adalah untuk menduduki ujian setiap minggu. Lisa lebih mementingkan kerja rumah, beliau menyiapkan kerja rumah yang diberi oleh Sophia dan selepas menyiapkan kerja rumah, Lisa menyemak jawapan latihan dengan rakan sebilikinya (TB2/Lisa/Pglm/Ruj.1). Bagi Lisa kerja rumah memaksa beliau mengulang kaji bahasa Mandarin selepas kelas.

Rizal mengatakan buku teks ialah bahan utama yang beliau merujuk semasa beliau membuat ulang kaji di luar kelas. Biasanya beliau mula dengan membaca dan memahami kosa kata dalam bab tertentu, kemudian ayat-ayat pada bahagian latihan tukar ganti dan akhirnya baru membaca dialog-dialog dalam buku teks (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.7). Selain daripada mencari maksud, memahami dan menghafal kosa kata terhadap bab yang dipelajari, Rizal cuba menggunakan kosa kata yang baharu dipelajari untuk membina ayat (Jrn/Rizal/16Okt/Ruj.1). Rizal dan Khamal juga mengambil masa tersebut untuk menulis tulisan Cina. (Jrn/Rizal/16Okt/Ruj.1; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.5). Secara amnya kaedah Rizal belajar bahasa Mandarin di luar kelas Mandarin adalah seperti yang beliau huraikan dalam jurnalnya seperti berikut:

“Saya akan membuat persediaan sebelum waktu kelas Mandarin untuk mengetahui dan memahami apa topik ataupun isu yang saya akan pelajari pada kelas tersebut. Saya akan belajar membaca, menyebut setiap perkataan dalam bahasa Mandarin disamping saya menghafal dan mengingat maksud perkataan yang saya telah pelajari. .. Selain itu saya juga cuba bertutur secara sendiri dengan cara yang betul selepas mendengar penjelasan daripada pensyarah saya. Saya juga cuba untuk menyelesaikan beberapa latihan yang terdapat dalam buku teks Mandarin ... untuk memantapkan lagi pengetahuan saya berkenaan dengan subjek bahasa ketiga ...”

(Jrn/Rizal/20Dis/Ruj.1)

Rizal menerangkan seterusnya bahawa menghafal dan memahami ialah dua perkara yang berbeza. Bagi beliau tidak ada masalah untuk memahami kosa kata baharu dan pengajaran yang diajar dalam kelas, yang susah adalah untuk mengingati kosa kata berkenaan (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.22).

Lisa menerangkan kaedah beliau membuat ulang kaji seperti berikut:

“Saya buka buku teks, lepas itu mula-mula saya akan tengok *vocabulary* dululah, dengan apa yang nota saya catat daripada nota tambahan daripada ‘laoshi’ bagi dalam kelas. Lepas itu saya baca baca teks yang perbualan itu, kemudian baru saya jawab er... soalan yang ada, kalau ada *assignment* yang kena buat.”

(TB1/Lisa/Pglm/Ruj.9)

Lisa maengatakan beliau sentiasa menggunakan CD yang dilampirkan dalam buku teks sebagai latihan, terutama sekali sebelum ujian lisan dan ujian mendengar. Lisa mendengar kepada CD tersebut berulang-ulang kali untuk memastikan sebutan dalam bahasa Mandarin. Kadangkala Lisa juga merujuk kepada rakan sebiliknya yang pernah belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina untuk membetulkan sebutan beliau (TB1/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.1). Farah juga mengulang kaji perkara yang diajar dalam kelas dengan bantuan CD yang dilampirkan dalam buku teks untuk membetulkan sebutan beliau di rumah. Farah mengatakan beliau “ ... ikut dia sebut, mula-mula saya sebut, saya baca, lepas itu saya dengar balik betul ke saya baca macam ini” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.12). Khamal menerangkan sebutan merupakan salah satu masalah utama yang dihadapi beliau semasa menghafal dialog dalam buku teks (TB1/Khamal/Bab.ttt/Ruj.9). Maka beliau menggunakan CD yang dilampirkan dalam buku teks untuk membetulkan sebutan dan melatih kemahiran mendengar (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.11).

Selain daripada yang dibincangkan tersebut, Sheila dan Melini pernah belajar sendiri melalui lagu Mandarin (Jrn/Sheila/31Oct/Ruj.1; Jrn/Melini/04Okt/Ruj.1). Sheila boleh menyanyi beberapa buah lagu Mandarin (Jrn/Sheila/31Oct/Ruj.1). Melini belajar bahasa Mandarin melalui lagu-lagu yang beliau muat turun daripada “youtube” termasuk lirik lagu berkenaan. Melini menghafal lagu yang dimuat turun, kemudian sambil membuat kerja rumah sambil mendengar lagu-lagu berkenaan (Jrn/Melini/04Okt/Ruj.1). Beliau menjelaskan “mula-mula dengar je, lepas tu nak tahu

maksud lagu tu, saya tanya kawan saya, dia belajar Mandarin dah lama ..” (Jrn/Melini/04Okt/Ruj.1).

Melini juga menonton program televisyen dalam bahasa Mandarin untuk meningkatkan kemahiran mendengar (TB1/Melini/Pglm/Ruj.34). Farah mengatakan menonton drama Taiwan dan lagu Cina juga dapat membantu beliau dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Kaedah Farah belajar melalui lagu Cina adalah “saya dengar lepas itu saya tengok dia punya lirik *in* Mandarin itu ... mula saya akan tengok dulu apa perkataan yang saya boleh faham, saya tulis dulu dekat tu dan kalau saya tak tahu baru saya *google google* itulah *translate*” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.14). Kaedah tersebut dapat meningkatkan kemahiran mendengar beliau (TB1/Farah/Pglm/Ruj.29). Ada kalanya Khamal juga menonton tayangan gambar atau drama bahasa Mandarin dalam televisyen untuk belajar bahasa Mandarin, tetapi beliau cuma dapat memahami beberapa kosa kata dalam bahasa Mandarin sahaja (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.4).

Selain daripada buku teks, mendengar lagu dan menonton drama dalam bahasa Mandarin, Sheila juga membeli buku rujukan dalam bahasa Mandarin, tetapi beliau belum betul-betul menggunakan buku tersebut, cuma membelit-belit sahaja (TB3/Sheila/Pglm/Ruj.4). Walau bagaimanapun, Sheila mengatakan belajar bahasa Mandarin dengan mengikuti kursus dan menghadiri kelas membolehkan beliau belajar dengan lebih baik jika dibandingkan dengan belajar sendiri (Jrn/Sheila/29Mac13/Ruj.1).

Farah berasa bertutur dengan rakan sekelas juga merupakan satu lagi kaedah yang amat berkesan untuk belajar bahasa Mandarin, terutamanya untuk membantu beliau membetulkan kesilapan (TB1/Farah/Pglm/Ruj.34). Tambahan lagi, Farah berpendapat belajar daripada kesilapan agak berkesan. Ini kerana rakan sekelasnya pernah mengatakan “feiji” ialah “feri” dalam kelas. Maka apabila Farah terdengar “feiji” dalam drama Taiwan, beliau memahami perkataan tersebut dalam perbualan drama berkenaan (Jrn/Farah/10Okt/uj.1).

Pendek kata, umumnya pelajar membuat ulang kaji dalam bahasa Mandarin untuk perkara yang telah dipelajari sebelumnya. Mereka tidak bersedia untuk pengajaran yang akan dijalankan pada kelas akan datang. Pelajar memfokus kepada mengingat kosa kata dan menghafal dialog dalam buku teks ketika membuat ulang kaji. Aiman, Rizal, Sheila menggunakan kaedah bercakap kepada diri sendiri untuk menguji penguasaan diri sendiri terhadap perkara yang dipelajari semasa mengulang kaji. Manakala Daim dan Khamal gemar menggunakan kaedah menulis semula perkara yang telah dihafal pada kertas. Lisa pula sentiasa menyemak jawapan latihan dengan rakan sebiliknya. Selain daripada buku teks, Lisa, Sheila, Farah, Khamal dan Melini juga menggunakan CD, lagu dan drama dalam bahasa Mandarin untuk belajar bahasa Mandarin.

4.6.2 Bersedia untuk Peperiksaan

Kesembilan orang pelajar dalam kajian ini berpendapat bahawa penilaian untuk kursus ini amat sesuai untuk menguji kemahiran mendengar dan bertutur untuk kursus ini. Rizal mengatakan ujian seperti ujian mendengar, kuiz dalam talian, lisan, ujian bertulis dan projek bahasa yang ditetapkan untuk kursus ini memang wajar dilaksanakan kerana ia menguji pelajar dari segi kemahiran bahasa yang asas, terutamanya kemahiran mendengar dan bertutur (TB1/Rizal/Pnl/Ruj.2). Khamal mengatakan penilaian untuk kursus ini adalah bagus dan sesuai kerana dapat memaksa pelajar belajar, sungguhpun ujian-ujian berkenaan menyebabkan beliau berasa tertekan ketika mengikuti kursus ini (TB1/Khamal/Pnl/Ruj.1). Aiman mengatakan penilaian dapat membantu beliau untuk menguasai bahasa Mandarin, dan menguji penguasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari terutama sekali ujian lisan (TB3/Aiman/Pdgn.Pnl/Ruj.1). Sheila berasa ujian-ujian untuk kursus ini sangat spesifik dan berstruktur, maka ia amat sesuai untuk pelajar yang baharu belajar bahasa Mandarin (TB1/Sheila/Pnl/Ruj.1).

Daripada ujian-ujian yang diadakan untuk kursus ini, Melini mengatakan ujian mendengar paling mencabar. Ini kerana “... *listening* tu dia cakap laju, saya tak faham ... saya dengar *vocab*, saya boleh dapat, tapi kalau dialog ... *stuck*lah masa tu” (TB1/Melini/Pnl/Ruj.3). Melini menghadapi masalah untuk memahami perbualan dialog dalam ujian mendengar. Beliau menonton program televisyen dalam bahasa Mandarin untuk mengatasi masalah tersebut (TB1/Melini/Pnl/Ruj.1). Untuk projek bahasa, Rizal mengatakan selain daripada menguji kemahiran bahasa, ia dapat memupuk semangat kerjasama antara pelajar dalam kumpulan tertentu (TB1/Rizal/Pnl/Ruj.1).

Melini menyatakan penilaian memang harus dilaksanakan sebab pelajar tidak akan belajar sekiranya tidak mempunyai ujian-ujian, pelajar akan setakat belajar dalam kelas sahaja (TB1/Melini/Pnl/Ruj.4). Sekiranya mempunyai peperiksaan, Aiman pasti bersedia sebelum menduduki peperiksaan yang ditetapkan terlebih dahulu (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.6). Ehsan mengatakan perkara yang boleh merangsangkan beliau belajar bahasa Mandarin “*may be test*, mungkin ada kuiz, ada macam ‘*laoshi*’ cakap *next week* nak tanya ini awak kena *prepare*, mungkin itulah baru belajar. Kalau sendiri nak belajar mungkin banyak benda lain lagi kena fikir” (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.7). Ehsan tidak menafikan bahawa sepanjang masa mengikuti kursus bahasa Mandarin ini, penilaian yang ditetapkan untuk kursus ini telah “memaksa” beliau belajar bahasa Mandarin setiap kali sebelum sesuatu ujian dijalankan (TB2/Ehsan/Pglm/Ruj.3).

Secara amnya, biasanya Lisa membuat ulang kaji sebelum peperiksaan berdasarkan buku teks, nota yang dicatat dalam kelas serta latihan yang pernah dilakukan. Beliau belajar bersendirian, ada kalanya beliau membuat ulang kaji bersama rakan sekelas (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.1). Manakala Khamal dan Rizal bersedia untuk ujian-ujian bahasa Mandarin pada waktu malam. Khamal menerangkan hal tersebut

seperti berikut: “... saya *study* sebelum hari tu, contoh *test* hari Rabu, Selasa malam saya baru *study*” (TB3/Khamal/Pnl/Ruj.2).

Memandangkan Rizal gagal peperiksaan kursus bahasa Mandarin pada tahap I, maka beliau membawa balik buku teks bahasa Mandarin pada tahap I ke kampung halaman untuk mengulang kaji semasa cuti semester. Dalam masa cuti itu, selain daripada membuat ulang kaji dalam buku teks, Rizal bertutur dengan saudara mara beliau dalam bahasa Mandarin berdasarkan situasi tertentu. Rizal mempunyai saudara mara yang fasih dalam bahasa Mandarin di kampung halaman. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan Rizal mendapat A- pada kali kedua beliau menduduki peperiksaan bahasa Mandarin pada tahap I (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.14).

Rizal mengatakan kemungkinan besar beliau gagal peperiksaan bahasa Mandarin pada tahap I kali pertama beliau mengambil peperiksaan kerana beliau ponteng beberapa kelas bahasa Mandarin pada masa itu. Beliau berasa kehadiran kelas adalah penting untuk belajar bahasa Mandarin kerana “bila kita tertinggal satu topik tu kita akan jauh ketinggalan” (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.27). Rizal mengatakan beliau lebih memahami kandungan kursus bahasa Mandarin pada tahap I daripada tahap II dan III kerana beliau belajar tahap I sebanyak dua kali (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.24).

Kesimpulannya, penilaian merupakan pemangkin utama yang mendorong pelajar mengulang kaji atau belajar bahasa Mandarin sepanjang kursus ini dilaksanakan. Pelajar mempercayai bahawa penilaian dapat menguji penguasaan bahasa Mandarin mereka terutama sekali daripada ujian mendengar dan ujian lisan.

4.6.2.1 Kuiz Dalam Talian

Kuiz dalam talian dijalankan dua kali dalam satu semester. Setiap kuiz mempunyai 10 soalan beraneka pilihan. Markah yang diperuntukkan untuk setiap kuiz ialah 5 markah. Pelajar berpendapat bahawa ujian tersebut memberi peluang kepada pelajar untuk meniru (TB3/Aiman/Psd.pnl/Ruj.6; TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3;

TB3/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.1 &2;TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.1; TB1/Sheila/Pnl/Ruj.1). Lisa berasa kuiz dalam talian ialah markah bonus untuk pelajar kerana penilaian tersebut dibuat tanpa pengawasan (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.1). Sehubungan dengan itu, pelajar biasanya mendapat markah yang tinggi untuk ujian ini. Ehsan mengatakan ujian tersebut membantu pelajar mendapat gred yang lebih baik untuk subjek ini (TB3/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.1 &2). Sheila mengatakan beliau paling suka ujian kuiz dalam talian kerana paling senang untuk mendapat markah tinggi (Jrn/Sheila/21Nov/Ruj.1).

Semasa menjawab soalan daripada kuiz dalam talian, Aiman, Daim, Ehsan, Khamal dan Melini meniru dengan merujuk kepada buku teks ataupun mendapat pertolongan daripada kawan untuk menjawab soalan (TB3/Aiman/Psd.pnl/Ruj.6; TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3; TB3/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.1 &2; TB3/Khamal/Pnl/Ruj.4; TB3/Melini/Pnl/Ruj.2).

Daim dan Melini bersedia kuiz dalam talian dengan menghafal kosa kata dan dialog dalam buku teks (TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3; TB3/Melini/Pnl/Ruj.2). Lisa mengatakan beliau hanya menggunakan beberapa jam untuk menyediakan ujian tersebut (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.1). Rizal belajar bagaimana menyusun ayat sebelum menduduki kuiz dalam talian 1 dan 2. Sheila membuat ulang kaji bab-bab untuk ujian kuiz 1 dan 2 sebelum ujian seperti yang diterangkan di bawah:

“ *Saya flipped textbook and then reinforce* semua mungkin saya dah lupa, and *then* macam ingat macam ulang ulang ulang *vocab* itu, bila saya dah puas hati, baru saya *move on to the next chapter*. Lepas itu *next chapter* pun macam itu, lepas itu rehat sekejap, lepas itu saya buat *online* kuiz”

(TB3/Sheila/Pnl/Ruj.1)

Sebenarnya, Sheila membuat ulang kaji sepanjang masa kursus bahasa Mandarin dijalankan. Pada hari untuk menjalankan ujian tertentu beliau akan menyelak-nyelak buku teks untuk mengulang sekali lagi perkara yang telah dipelajari dan belajar lagi perkara yang terlupa (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.2). Namun, Khamal mengatakan beliau tidak

bersedia sebelum ujian dijalankan, tetapi mengakui meniru dengan merujuk kepada buku teks ketika menjawab soalan kuiz dalam talian (TB3/Khamal/Pnl/Ruj.4).

4.6.2.2 Ujian Lisan 1

Ujian lisan 1 merupakan lisan berpasangan, yakni kedua-dua orang pelajar akan diberikan satu kad yang mengandungi lima soalan yang ditulis dalam bahasa Melayu. Seorang pelajar akan bertanya lima soalan dalam bahasa Mandarin berasaskan soalan pada kad tersebut kepada rakannya. Kemudian pelajar yang bertanya soalan akan menjawab lima soalan yang ditanya oleh rakannya. Sebanyak 30 soalan dalam bahasa Mandarin telah diberikan kepada pelajar pada awal semester. Pendek kata, pelajar perlu mengetahui terjemahan soalan yang ditulis dalam bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin. 10 markah diberikan untuk ujian lisan ini.

Pelajar mempunyai kaedah persediaan yang berlainan sebelum ujian. Selain daripada belajar sendiri, Aiman dan Rizal menghafal 30 soalan untuk lisan 1 yang telah diberikan lebih awal dan mencari jawapan untuk setiap soalan sebelum mereka mempraktikkan dengan kawan (TB3/Aiman/Pydn.pnl/Ruj.2; TB3/Rizal/Pnl/Ruj.4). Rizal mengatakan beliau dapat menyoal dan menjawab lima soalan masing-masing semasa ujian lisan 1, tetapi mungkin kurang baik dari segi penguasai sebutan dalam ujian tersebut (TB3/Rizal/Pcpn/Ruj.2). Untuk ujian ini, Rizal mendapat 7.2 markah, Aiman mendapat markah penuh iaitu 10 markah untuk ujian ini.

Lisa menyediakan jawapan untuk 30 soalan yang diberikan untuk ujian lisan 1 bersama dengan rakan sekelasnya. Mereka menyediakan jawapan untuk 15 soalan masing-masing, kemudian berkongsi jawapan antara satu sama lain. Lepas itu, mereka menghafal semua 30 soalan dan jawapan sebelum ujian dilaksanakan. Mereka juga mempraktikkan bersama-sama sebelum ujian lisan 1. Bagi ujian lisan 1 mereka menggunakan satu minggu untuk bersedia (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.3). Lisa mendapat 5.4 markah untuk ujian lisan 1.

Sheila berasa ujian lisan 1 agak senang kerana beliau cuma menggantikan kosa kata untuk jawapan pada soalan yang ditanya (TB1/Sheila/Pnl/Ruj.2). Aspek yang susah bagi Sheila untuk ujian lisan 1 adalah tentang sebutan dalam bahasa Mandarin (TB1/Sheila/Pnl/Ruj.2). Sheila mengatakan beliau mungkin terlalu yakin terhadap kursus ini menyebabkan beliau menyediakan ujian lisan 1 dan ujian mendengar 1 pada saat-saat terakhir sebelum ujian-ujian tersebut dijalankan (Jrn/Sheila/22Sept/Ruj.1). Beliau mengataka untuk ujiam lisan 1, beliau tidak menyediakan jawapan untuk 30 soalan yang diberi (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.3), tetapi beliau mempraktikkan dengan kawan sekali dengan memilih daripada 30 soalan yang diberi secara rawak untuk bertanya dan menjawab sebelum ujian berkenaan dijalankan (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.6). Untuk ujian lisan 1, Sheila mendapat 9.5 markah.

Semasa cuti pertengahan semester ini, Farah dan Khamal membawa balik buku teks bahasa Mandarin ke kampung halaman untuk membuat ulang kaji. Farah terkejut dengan perbuatan sendiri tersebut kerana setakat ini Farah tidak pernah belajar bahasa Mandarin semasa cuti. Beliau menerangkan hal ini mungkin sebab "... takut buka je cuti terus ada *oral text* 1. Tapi subjek lain pun ada *test* jugak ... tapi .. Saya banyak menghafal la sebab *oral test* kan...."(Jrn/Farah/31Okt/Ruj.1). Farah menghafal 30 soalan yang diberi dan mencari jawapan untuk soalan-soalan berkenaan untuk ujian lisan 1 dalam cuti tersebut. Beliau mengatakan semasa menunggu giliran beliau untuk mengambil ujian lisan 1, beliau "berdebar gila" (Jrn/Farah/07Nov/Ruj) walaupun beliau telah menghafal semua soalan dan jawapan. Setelah menjalankan ujian tersebut, beliau berasa lega kerana segala dijalankan dengan lancar (Jrn/Farah/07Nov/Ruj). Untuk ujian ini, Farah mendapat 8 markah.

Khamal mengambil masa lebih kurang seminggu untuk menghafal 30 soalan berkenaan (TB3/Khamal/Pnl/Ruj.4). Beliau menghafal 30 soalan yang diberi dan mencari jawapannya diri sendiri, kemudian berlatih dengan kawan

(TB3/Khamal/Pnl/Ruj.2). Khamal mendapat 6.6 markah untuk ujian ini. Manakala Melini bersedia untuk menghadapi ujian lisan 1 sehari sebelum ujian dan pada hari ujian dilaksanakan. Beliau belajar dari jam sembilan pagi hingga jam dua petang pada hari ujian lisan 1 (TB3/Melini/Pnl/Ruj.2; Jrn/Melini/07Nov/Ruj.1). Beliau menyediakan jawapan sendiri dan melatih bersama rakan serumahnya sebelum ujian lisan 1 (TB3/Melini/Pnl/Ruj.2). Melini mendapat 6 markah untuk ujian ini.

Daim juga bersedia untuk ujian lisan 1 bersama-sama dengan kawannya, mereka menggunakan lebih kurang setengah hari untuk menterjemahkan 30 soalan yang diberi. Mereka merujuk kepada ketiga-tiga tahap buku teks bahasa Mandarin ataupun menggunakan telefon pintar untuk mencari kosa kata yang terlupa (Jrn/Daim/3Nov/Ruj.1). Kemudian mereka merujuk kepada buku teks untuk menulis jawapan. Lepas itu mereka mempraktikkan ujian lisan 1 dengan menggunakan soalan-soalan yang telah disediakan jawapan (TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3). Melalui ujian tersebut, Daim mendapati beliau selalu salah tafsir maksud “zuo shenme” adalah untuk bertanya tentang jenis kenderaan yang diguna pakai (TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3). Dalam temu bual ketiga, apabila menguji penguasaan kemahiran bertutur Daim untuk pemerhatian kelas ketiga, didapati Daim masih keliru maksud dan penggunaan “zuo shenme”:

R: Ni qu Lelang Dao zuo shenme?

S: Wo qu Lelang Dao zuo feiji.

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB3/Daim/Pcp/Ruj.2)

Jawapan yang diberi Daim mempunyai dua kesilapan. Yang pertama adalah salah faham maksud “zuo shenme” sebagai “menaiki apa”, dan kesalahan yang kedua adalah salah guna kosa kata “feijichang” sebagai “feiji” . Daim mendapat 8.5 markah untuk ujian ini. Ehsan bersedia dengan menterjemahkan 30 soalan yang diberi dalam bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu, kemudian menjawab dalam bahasa Melayu sebelum diterjemahkan dalam bahasa Mandarin. Beliau tidak mempraktikkan dengan kawan

sebelum ujian lisan 1 dilaksanakan (TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj4). Ehsan mendapat 8.5 markah untuk ujian ini.

Ehsan berasa 30 soalan untuk ujian ini diberikan kepada pelajar terlebih dahulu sebelum ujian dijalankan, tidak dapat membantu pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur. Ehsan mengatakan pelajar “lepas *oral* dah tak dapat ingat macam mana nak jawab semua inilah ” (TB1/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.1). Ehsan mencadangkan “*may be oral* kita pilih orang Cina, bila ia tanya kita, kita pun jawab balik, ia punya soalan kita pun jawab spontanlah tidak *prepare* apa-apa” (TB1/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.1). Beliau memberi saranan untuk menilai keupayaan pertuturan pelajar melalui pertuturan dalam kehidupan harian. Satu lagi alternatif yang dicadangkan beliau ialah jangan memberikan soalan kepada pelajar sebelum ujian. Pensyarah bertanya soalan yang berkaitan dengan sukatan pelajaran dan pelajar bersedia sebelum ujian mengikut sukatan pelajaran.

Cadangan Ehsan tersebut bersamaan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Hanna. Hanna berasa walaupun pelajar diberikan 30 soalan sebelum ujian dijalankan, penilai sepatutnya boleh mengubah soalan semasa ujian berdasarkan kosa kata yang telah dipelajari. Dengan itu, pelajar tidak mengabaikan kosa kata yang tidak terkandung dalam 30 soalan yang diberikan. Namun, Lisa berpendapat ujian lisan 1 yang melibatkan dua orang pelajar bertanya dan menjawab soalan antara satu sama lain merupakan cara penilaian yang agak baik untuk menguji keupayaan pertuturan pelajar (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.2).

Melalui perbincangan tersebut, didapati pelajar mempraktikkan 30 soalan yang diberikan terlebih dahulu dengan rakan sebelum ujian lisan 1, kecuali Ehsan. Umumnya, pelajar menterjemahkan 30 soalan yang diberikan dalam bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu, kemudian mencari jawapan untuk setiap soalan dalam bahasa Melayu sebelum diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin. Masa yang diperuntukkan oleh pelajar untuk menyediakan ujian ini berbeza dari sehari sebelum ujian sehingga

seminggu sepanjang masa cuti semester. Namun, masa yang digunakan untuk bersedia untuk ujian lisan 1 tidak memberi kesan kepada markah ujian. Melini mendapat 6 markah dan Sheila mendapat 9.5 markah, kedua-dua pelajar mengambil masa yang singkat untuk bersedia. Manakala Khamal mengambil masa seminggu untuk menyediakan ujian berkenaan tetapi mendapat 6.6 markah sahaja. Markahnya lebih kurang sama dengan markah Melini. Melini mengatakan "... walaupun saya belajar last minit, saya senang faham, saya senang ingat." (TB1/Melini/Pnl/Ruj.1), tetapi Khamal menerangkan bahawa "... saya ni saya otak memang lambat, kena banyak kali belajar ..." (TB2/Khamal/Pdgn.sdr/Ruj.3). Ini menunjukkan keupayaan pelajar diri sendiri juga mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam bahasa yang dipelajari.

4.6.2.3 Ujian Lisan 2

Untuk ujian lisan 2, pelajar diberi empat tajuk yang berkenaan dengan sukatan pelajaran pada awal semester. Pelajar akan menyampaikan salah satu tajuk yang diberi oleh penilai, seterusnya penilai akan menyoal lima soalan berdasarkan isi kandungan yang disampaikan oleh pelajar. Terdapat 20 markah untuk ujian ini, yakni 10 markah untuk menyampaikan tajuk yang diberi dan 10 markah untuk sesi soal jawab.

Kesemua sembilan orang pelajar untuk kajian ini menyediakan keempat-empat tajuk yang diberikan untuk ujian lisan 2 sebelum ujian tersebut dilaksanakan, kecuali Aiman yang menyediakan tiga tajuk sahaja. Beliau berbincang dengan kawan sebelum menulis 11 ayat hingga 17 ayat untuk setiap tajuk. Aiman agak bernasib baik kerana tajuk yang ditujukan kepadanya semasa ujian merupakan salah satu tajuk daripada tiga tajuk yang telah disediakan beliau (TB3/Aiman/Pydn.pnl/Ruj.4). Aiman mendapat 16.5 markah untuk ujian ini.

Daim bersedia empat tajuk berkenaan bersama-sama dengan kawannya, tetapi mereka setakat berbincang tentang idea-idea untuk menulis tajuk berkenaan. Selepas itu, mereka menulis ayat-ayat untuk keempat-empat tajuk yang diberi itu secara individu.

Beliau menyediakan 15 ayat hingga 17 ayat untuk setiap tajuk (TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3). Walaupun Daim telah membuat penyediaan yang agak baik sebelum ujian ini, beliau masih berasa takut dan gelisah ketika menunggu giliran beliau. Daim mendapat 15.5 markah untuk ujian ini. Manakala Ehsan menyediakan keempat-empat tajuk yang diberi sebelum ujian lisan 2 diri sendiri dan menghafal sekurang-kurangnya 15 ayat untuk setiap tajuk yang diberikan (TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj9&10). Ehsan mendapat markah yang baik untuk ujian ini iaitu 19 markah.

Lisa mengatakan cara Sophia memberi latihan seperti menyuruh pelajar membina 15 ayat tentang kandungan setiap bab yang dipelajari agak baik untuk membantu pelajar bersedia untuk ujian lisan 2 (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.14). Walau bagaimanapun, Lisa tidak menghadiri ujian tersebut kerana beliau tidak bersedia (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.5). Sebelum Rizal menduduki ujian lisan 2, beliau telah menyediakan dan menghafal 12 ayat untuk setiap tajuk yang diberi lebih awal (Jrn/Rizal/28Okt/Ruj.1). Rizal meminta pertolongan daripada kawannya semasa membina ayat-ayat untuk ujian ini (Jrn/Rizal/25Nov/Ruj.1). Rizal mendapat 11.8 markah untuk ujian lisan 2.

Sheila menyediakan 15 ayat untuk setiap tajuk yang diberikan untuk ujian ini. Sheila berasa beliau telah bersedia tetapi tidak bersedia dengan baiknya sebelum ujian ini (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.12). Sheila cuba ingat semula perucapan tentang tajuk “kan dianshi” yang beliau dapat semasa ujian lisan 2. Beliau mempersembahkan ujian lisan 2 sekali lagi seperti berikut:

“ Er ... Wo xihuan kan hanyu zongyi jiemu, er ... Wo xihuan kan eh ...yinwei wo juede eh... Wo juede hanyu zongyi jiemu hen jingcai. Wo xingqiwu wo changchang kan “ muzik bang”. Wo juede “muzik bang” hen jingcai. Shang ge xingqiwu wo bu neng kan “ muzik bang” suoyi wo hen shangxin. Wo bu neng kan “muzik bang” yinwei wo de didi yao kan katong. Ta juede katong hen hen saya tulis hen “xiào”, ‘laoshi’ cakap salah, buguo wo juede katong bu bu er ... Women chaojia le, buguo wo rang ta kan katong. Wo shuo wanshang shi dian wo yao kan yingyupian. Wanshang shi dian zai disan dianshi you “The adventure”. Wo juede “The adventure” hen jingcai. Wo yiqi wo de meimei kan

“The adventure”. Women chi bingqiling shunbian kan dianshi. Kan dianshi yihou, women shuijiao le.

(TB3/Sheila/Pcp/Ruj.13)

Dalam perucapan tersebut, Sheila menggunakan beberapa kosa kata di luar sukatan pelajaran kursus ini, seperti “suoyi”, “shangxin”, “chaojia”, “yingyupian” dan “bingqiling”. Perkataan “shunbian” tidak sesuai digunakan dalam ayat tersebut. Secara amnya, Sheila dapat menggunakan sebahagian kosa kata dan ayat-ayat yang dipelajari dalam tajuk “kan dianshi” (TB3/Sheila/Pcp/Ruj.13). Sheila mendapat 15.8 untuk ujian ini.

Sungguhpun Farah telah menyediakan keempat-empat tajuk yang diberikan tetapi beliau lebih berkeyakinan dengan tajuk membeli-belah di pasar dan balik ke kampung halaman. Beliau bernasib baik kerana mendapat tajuk yang diharapkan, iaitu balik ke kampung halaman (Jrn/Farah/13Dis/Ruj.1). Farah memperolehi 11.4 markah untuk ujian ini. Khamal hanya menggunakan satu malam untuk menyediakan ujian lisan. Beliau menyediakan lebih kurang 15 ayat untuk setiap tajuk (TB3/Khamal/Pnl/Ruj.5). Pada masa ujian lisan 2, Khamal mendapat tajuk “Zai basha” (TB3/Khamal/Pnl/Ruj.5). Khamal mendapat 12.6 markah untuk ujian ini.

Manakala Melini cuma menghafal tajuk “Zai basha” lebih awal, tiga tajuk lagi beliau menghafal pada hari ujian lisan 2 dijalankan. Melini menyediakan 12 ayat hingga 15 ayat untuk setiap tajuk. Beliau menggunakan tiga hari untuk menyediakan empat tajuk tersebut (TB3/Melini/Pnl/Ruj.5). Antara empat tajuk itu, Melini lebih berkeyakinan untuk menjawab tajuk “Zai basha” dan “Kan dianshi”. Melini berasa beliau bernasib baik kerana mendapat tajuk “Kan dianshi” (TB3/Melini/Pnl/Ruj.4). Bagi beliau, tajuk ini senang dihafal kerana menonton televisyen merupakan salah satu aktiviti kegemaran beliau (Jrn/Melini/18Dis/Ruj.1). Melini mendapat 13.7 markah untuk ujian ini.

Kesembilan-sembilan orang pelajar bersedia sebelum ujian lisan 2 dilaksanakan. Pelajar sama ada menyediakan skrip secara diri sendiri ataupun berbincang dengan kawan. Daripada sembilan orang pelajar tersebut, cuma Sheila yang masih mengingati kebanyakan isi kandungan yang disampaikan semasa ujian lisan 2. Pelajar lain tidak dapat mengulangi perucapan yang disampaikan semasa ujian lisan 2.

4.6.2.4 Ujian Mendengar

Ujian mendengar dijalankan dua kali dalam satu semester. Setiap ujian mendengar mengandungi 20 soalan yang berbentuk beraneka pilihan. Soalan ujian mendengar terdiri daripada lima soalan betul salah, lima soalan terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin, lima soalan soal jawab dan dua dialog untuk lima soalan kefahaman. Setiap ujian mendengar diperuntukkan 10 markah. Terdapat latihan ujian mendengar dalam CD yang dilampirkan dalam buku teks untuk kursus ini. Namun, bukan semua pelajar membuat latihan tersebut sebelum ujian mendengar dilaksanakan.

Ehsan berasa ujian mendengar secara amnya agak baik untuk menguji keupayaan kefahaman pelajar dari segi kemahiran mendengar. Namun ada kalanya mempunyai masalah teknikal seperti pembesar suara yang kurang baik semasa ujian itu dilaksanakan (TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj6). Rizal mengatakan persekitaran kelas yang bising kerana kerja penambahbaikan kelas menyebabkan beliau tidak dapat mendengar dengan jelas semasa kedua-dua ujian mendengar dilaksanakan (TB3/Rizal/Pnl/Ruj.7).

Selain daripada menghafal kosa kata, Aiman cuma membuat latihan ujian mendengar daripada CD yang dilampirkan dalam buku teks sekali sahaja sebelum menghadapi ujian mendengar (TB3/Aiman/Pydn.pnl/Ruj.3). Selapas ujian mendengar 1, Aiman berkeyakinan beliau dapat menjawab soalan dengan baiknya (Jrn/Aiman/09Nov/Ruj.1). Ramalan keputusan penilaian Aiman memang tepat kerana beliau mendapat 9 markah untuk ujian mendengar 1. Namun, Aiman cuma mendapat

6.5 markah untuk ujian mendengar 2. Ini kerana pada hujung semester, Aiman sibuk dengan subjek lain, maka beliau mengabaikan subjek bahasa Mandarin.

Rizal juga menggunakan CD yang dilampirkan dalam buku teks untuk membuat latihan mendengar sebelum ujian mendengar (Jrn/Rizal/22Okt/Ruj.1). Beliau menggunakan beberapa malam untuk membuat ulang kaji sebelum ujian tersebut. Rizal mengatakan beliau kurang berpuas hati dengan ujian mendengar 1 jika dibandingkan dengan ujian mendengar 2. Sungguhpun begitu, pencapaian ujian mendengar 1 Rizal lebih baik sedikit daripada pencapaian ujian mendengar 2. Rizal mendapat 5 markah untuk ujian mendengar 1 dan 4 markah untuk ujian mendengar 2. Jelas dilihat, Rizal agak lemah dari segi kemahiran mendengar.

Lisa bukan setakat membuat latihan mendengar sekali sahaja, malahan berulang-ulang kali untuk mencuba latihan mendengar untuk memperaktikkan dan memastikan sebutan dalam bahasa Mandarin (TB1/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.1). Lisa mendapat 8 markah untuk ujian mendengar 1 dan untuk ujian mendengar 2, Lisa mendapat 6 markah.

Manakala Daim, Ehsan dan Melini tidak mencuba latihan ujian mendengar sebelum ujian berkenaan (TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.3; TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj.6; TB2/Melini/Pnl/Ruj.1). Melalui ujian mendengar, Daim mendapati beliau mempunyai masalah untuk memahami dialog dalam ujian mendengar (Jrn/Daim/9Nov/Ruj.1). Daim mendapat 7 markah untuk ujian mendengar 1 dan untuk ujian mendengar 2 Daim mendapat 5.5 markah. Manakala pencapaian Ehsan lebih konsisten iaitu mendapat 7 markah untuk kedua-dua ujian mendengar. Melini pula belajar pada hari minggu selama dua jam sebelum ujian tersebut dijalankan. Beliau membaca dan menghafal dialog-dialog dan kosa kata dalam bab-bab berkenaan. Pada hari ujian tersebut, Melini menggunakan satu jam lagi untuk membuat ulang kaji bab-bab tersebut sepintas lalu.

(TB2/Melini/Pnl/Ruj.1). Melini mendapat 8.5 markah untuk ujian mendengar 1 dan 9 markah untuk ujian mendengar 2.

Setelah menduduki ujian mendengar 1, Sheila mengatakan beliau agak terkejut kerana ini merupakan kali pertama beliau dapat memahami hampir semua yang disebut dalam ujian ini (Jrn/Sheila/22Sept/Ruj.1). Sungguhpun Sheila berasa beliau memahami ujian mendengar 1 dengan baiknya, beliau cuma mendapat 7.5 markah. Sebaliknya, Sheila berasa beliau tidak dapat menjawab soalan ujian mendengar 2 dengan baik kerana beliau tidak bersedia dengan sepenuhnya untuk ujian ini. Beliau belajar pada saat terakhir sebelum ujian dilaksanakan. Semasa ujian tersebut dijalankan, Sheila berasa teks-teks yang dibaca dalam ujian mendengar 2 terlalu laju. Akan tetapi apabila beliau berfikir semula selepas ujian, beliau berasa beliau sendiri yang kurang bersedia dan tidak dapat mengingat kosa kata dengan baiknya untuk memahami perkara yang disebut dalam ujian itu (Jrn/Sheila/21Nov/Ruj.1). Sheila mendapat 9 markah untuk ujian mendengar 2. Markah ini lebih baik daripada ujian mendengar 1 yang Sheila berasa beliau memahami semua soalan yang diuji.

Pada hari ujian mendengar 1, Farah sangat gelisah kerana pada hari itu selain daripada ujian mendengar 1 untuk bahasa Mandarin, beliau perlu menduduki ujian untuk subjek lain. Beliau bersedia ujian mendengar 1 ini bersama-sama dengan rakan sekelasnya (Jrn/Farah/17Okt/Ruj.1). Pada minggu ujian mendengar 1, Farah menghafal kosa kata dalam buku teks daripada bab satu hingga bab tiga pada hari minggu selama 10 minit. Kemudian, pada hari untuk ujian berkenaan, beliau mengambil masa selama setengah jam untuk belajar bersama dengan kawan dari bab satu hingga bab lima untuk menghafal kosa kata dan dialog-dialog dalam buku (TB2/Farah/Pnl/Ruj.1). Farah tidak membuat latihan mendengar dalam CD kerana kekangan masa dan komputer riba beliau tidak boleh memasang CD (TB2/Farah/Pnl/Ruj.2). Manakala, Farah membuat latihan mendengar dalam CD sebelum ujian mendengar 2 (TB3/Farah/Pnl/Ruj.3). Farah

mengatakan membuat latihan tersebut membantu beliau dari segi “... bila saya dengar saya tak tahu apa perkataan *vocab* tu, so saya kena *study* baliklah” (TB3/Farah/Pnl/Ruj.3).

Farah bersependapat dengan Rizal bahawa bahagian yang paling susah dalam ujian mendengar ialah kefahaman dialog. Farah berasa kebanyakan soalan ujian mendengar 2 berasal daripada dua bab yang terakhir dalam buku teks, beliau kurang biasa dengan kosa kata yang terkandung dalam dua bab tersebut jika dibandingkan dengan bab-bab sebelumnya yang telah beliau membuat ulang kaji semasa ujian mendengar 1, ujian lisan dan ujian bertulis (Jrn/Farah/06Dis/Ruj.1). Sungguhpun demikian, Farah mendapat 9.5 markah untuk ujian mendengar 2, yakni markah yang lebih baik daripada ujian mendengar 1. Farah mendapat 8 markah untuk ujian mendengar 1.

Khamal menggunakan dua hari iaitu satu jam setiap hari untuk bersedia sebelum ujian mendengar 1 dijalankan. Beliau menghafal ayat-ayat dalam buku teks dan membuat latihan mendengar daripada CD (TB2/Khamal/Pglm/Ruj.1). Manakala untuk ujian mendengar 2, Khamal menduduki ujian ini tanpa membuat ulang kaji. Beliau mengatakan beliau tidak mengulang kaji sebelum ujian ini kerana ujian ini berbentuk ujian beraneka pilihan (TB3/Khamal/Pnl/Ruj.5). Khamal mengakui beliau meniru jawapan daripada kawan sebelah ketika ujian mendengar dilaksanakan. Beliau telah memberitahu kawannya sebelum ujian mendengar untuk berkongsi jawapan dengannya jika beliau tidak dapat menjawab sesuatu soalan.

Tambahan, keadaan susunan meja dalam kelas (seperti yang diterangkan dalam kelas Terry) menyebabkan Khamal dapat menyalin jawapan daripada kawan dengan senang. Beliau menerangkan perlakuan tersebut dengan mengatakan “Takkan nak biarkan jawapan itu kosong, kalau nak hentam pun sama ada salah atau betul, lebih baik

tiru daripada sebelah” (TB2/Khamal/Pnl/Ruj.1). Khamal mendapat 8 markah untuk ujian mendengar 1 dan 7.5 markah untuk ujian mendengar 2.

Umumnya, selain belajar kosa kata dan dialog-dialog dalam buku teks, pelajar juga membuat latihan mendengar dalam CD sebelum menduduki ujian mendengar, kecuali Ehsan, Daim dan Melini. Sungguhpun begitu, tidak mempunyai perbezaan yang nyata dari segi markah antara pelajar yang membuat latihan mendengar dengan pelajar yang tidak membuat latihan tersebut. Didapati juga walaupun Melini biasanya bersedia untuk ujian pada saat-saat terakhir, beliau masih mendapat markah yang baik ataupun lebih baik daripada pelajar yang membuat persediaan lebih awal.

4.6.2.5 Ujian Bertulis

Ujian bertulis dibuat dalam bentuk Hanyu Pinyin ataupun tulisan Rumi, kecuali bahagian mengenali dan menyalin tulisan Cina. Ujian ini diperuntukkan sebanyak 10 markah daripada 100 markah untuk subjek ini. Ujian ini dibahagikan kepada empat bahagian, yakni mengenali dan menyalin tulisan Cina, membina ayat, susun semula ayat dan menterjemahkan ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin.

Pelajar Hanna iaitu Aiman, Daim dan Ehsan mengatakan Hanna telah memberi latihan yang mempunyai format yang sama dengan ujian bertulis kepada pelajar sebelum ujian bertulis dijalankan. Latihan itu *“... to us which look like the test paper because it comprises of all the section in the test plus a lot more questions. I find that the exercise really helped us to be familiar with the test questions”* (Jrn/Daim/7Dis.Pglm/Ruj.1). Maka, Daim menyiapkan semua soalan yang diberi sebagai latihan itu sebelum ujian bertulis. Baginya latihan itu amat membantu beliau terutamanya setelah Hanna berbincang semua soalan dalam latihan secara terperinci dalam kelas sebelum ujian dijalankan.

Kebanyakan pelajar mendapati agak susah untuk mengenali dan menyalin tulisan Cina. Daim berpendapat bahagian mengenali dan salin semula tulisan Cina dalam ujian

bertulis agak susah baginya. Manakala Sheila dan Farah mengatakan mereka dapat menjawab bahagian ini dengan baik. Bagi bahagian yang lain, Daim berasa sekiranya beliau dapat menghafal kosa kata, maka beliau boleh menjawab soalan dengan baik. Beliau menyatakan “... *like the usual, if we forget the vocab, we can't really answer the questions in the test easily like it should be or moderately*” (Jrn/Daim/7Dis.Pglm/Ruj.1).

Aiman cuma bersedia ujian bertulis sebelum kelas bahasa Mandarin pada pagi hari berkenaan. Namun, semasa beliau belajar untuk ujian ini, fakulti beliau menjalankan latihan kebakaran. Maka beliau tidak dapat membuat ulang kaji dengan baik untuk ujian tersebut. Sehubungan dengan itu, beliau mengatakan soalan ujian bertulis agak sukar (Jrn/Aiman/23Nov/Ruj.1). Antara ujian-ujian yang dijalankan untuk kursus ini, Ehsan mengatakan ujian bertulis paling teruk bagi beliau, “sebab tak hafal dia punya term langsung” (TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj11). Beliau tidak boleh mengenali tulisan Cina dengan baik dan menghadapi kesukaran untuk menterjemahkan ayat dalam bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin semasa membuat ujian bertulis (Jrn/Ehsan/24Nov/Ruj.1).

Lisa mengatakan beliau tidak mempunyai masa untuk menyediakan ujian bertulis. Ini kerana beliau sibuk dengan projek subjek lain. Lisa membuat ulang kaji kurang daripada satu jam sebelum ujian bertulis bermula (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.4). Rizal membuat latihan membina ayat, menterjemahkan ayat dalam bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu, menulis, mengingati dan mengenali tulisan Cina serta membuat latihan daripada kertas soalan peperiksaan lepas sebelum menduduki ujian bertulis (Jrn/Rizal/20 Nov/Ruj.1). Beliau mendapat kertas soalan peperiksaan lepas tersebut daripada rakannya (TB3/Rizal/Pnl/Ruj.1). Setelah menduduki ujian bertulis, Rizal agak puas hati terhadap ujian itu (TB3/Rizal/Pnl/Ruj.11).

Sheila berasa beliau dapat menjawab dengan baik untuk ujian bertulis terutamanya bahagian tulisan Cina (Jrn/Sheila/21Nov/Ruj.1). Sheila mengatakan ini

kerana Sophia telah menerangkan kaedah untuk mengenali tulisan Cina berdasarkan sifat tulisan Cina yang berbentuk logografik (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.15). Selain daripada tulisan Cina, beliau berasa agak susah untuk menjawab soalan ujian bertulis yang lain kerana beliau tidak dapat mengingati nada-nada tertentu, dan beliau cenderung terikut-ikut struktur ayat Melayu semasa menjawab soalan terjemahan ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.14).

Farah belajar bersama-sama dengan kawan untuk ujian bertulis. Beliau mengatakan setiap kali menduduki ujian bertulis, beliau menghadapi kelemahan yang sama, iaitu tidak dapat membina ayat kerana tidak mengingati maksud kosa kata yang diberikan untuk membina ayat. Kali ini beliau menghafal semua kosa kata bersama-sama dengan kawannya. Ujian bertulis kali ini Farah berasa beliau dapat menjawab dengan baik, terutama sekali dalam bahagian tulisan Cina. Namun untuk bahagian terjemahan, beliau tidak dapat menterjemahkan Ipoh dan Pulau Pinang kepada bahasa Mandarin (Jrn/Farah/22Nov/Ruj.1). Setelah menduduki semua penilaian untuk kursus ini, Melini mengatakan ujian bertulis adalah “paling teruk dalam banyak-banyak” (TB3/Melini/Pnl/Ruj.5). Beliau tidak bersedia untuk ujian ini kerana “... one day before tu saya ada *test* ... memang saya tak sempat nak *study* untuk *written test* ...” (TB3/Melini/Pnl/Ruj.5).

Markah untuk ujian bertulis tidak direkodkan secara individu. Markah ujian tersebut dimasukkan dalam markah aktiviti yang diperuntukkan sebanyak 20 markah untuk kursus ini. Markah aktiviti merangkumi sepuluh markah ujian bertulis dan sepuluh markah kuiz dalam talian. Maka tidak dapat mengetahui kedua-dua markah secara berasingan. Jadual 4.2 menunjukkan markah aktiviti pelajar. Berdasarkan jadual 4.2, didapati secara keseluruhannya pencapaian pelajar adalah pada tahap yang memuaskan kecuali Ehsan yang mendapat markah yang kurang daripada sepuluh markah.

Jadual 4.2: Markah Aktiviti Pelajar

| Pelajar | Aiamn | Daim | Ehsan | Lisa | Rizal | Sheila | Farah | Khamal | Melini |
|---------|-------|------|-------|------|-------|--------|-------|--------|--------|
| Markah | 13.6 | 13.7 | 9.8 | 14 | 15.6 | 15.5 | 15.8 | 15.4 | 14.6 |

Melalui perbincangan tersebut, jelas dilihat pelajar kurang mengambil berat ujian bertulis. Pelajar tidak menumpu perhatian untuk mengulang kaji bahasa Mandarin sebelum ujian bertulis kerana pada hari ujian bertulis tersebut pelajar menghadapi ujian bagi subjek yang lain ataupun perlu menyiapkan projek subjek tertentu.

4.6.2.6 Projek Bahasa

Projek bahasa diperuntukkan 30 markah untuk subjek ini, namun permarkahan projek ini dibahagikan kepada dua bahagian, yakni 10 markah untuk skrip lakonan dan 20 markah untuk lakonan yang dirakamkan dalam bentuk video. Pelajar akan menyerahkan skrip kepada pensyarah untuk disemak dan dinilai sebelum merakamkan lakonan masing-masing. Bilangan pelajar untuk setiap kumpulan adalah antara tiga orang hingga lima orang pelajar. Untuk projek bahasa ini, selain daripada Aiman, Daim dan Ehsan berada dalam satu kumpulan yang sama, Lisa, Rizal, Sheila, Farah, Khamal dan Melini masing-masing berada dalam kumpulan yang berlainan.

Untuk kelas Hanna, sebelum pelajar mula membuat projek bahasa, Hanna menayangkan satu contoh rakaman video kepada pelajar. Daim mengatakan contoh projek yang ditayangkan itu dapat membantu pelajar “ *to see the execution of the dialogue, facial expression and the way they recorded the video itself*” (Jrn/Daim/16Dis/Ruj.1). Pelajar berpendapat contoh lakonan yang ditunjukkan kepada mereka dapat membantu mereka untuk projek ini, namun Sophia dan Terry tidak melakukan perkara tersebut.

Pelajar mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk menyiapkan projek bahasa. Kumpulan Sheila dan Lisa menggunakan satu minggu untuk menulis skrip (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.20; TB3/Lisa/Psdn.pnll/Ruj.7), manakala Farah dan ahli

kumpulannya menggunakan dua hari sahaja untuk perkara tersebut (TB3/Farah/Pnl/Ruj.5), dan menggunakan seminggu untuk menyiapkan projek bahasa keseluruhannya. Setelah menyiapkan skrip, kumpulan Liza menggunakan sehari untuk merakamkan video dan lebih kurang seminggu lagi untuk menyunting rakaman video (TB3/Lisa/Psdn.pnl/Ruj.7). Aiman, Daim dan Ehsan berjumpa beberapa kali pada waktu malam untuk berbincang tentang jalan cerita, watak, aksi-aksi yang perlu dilakukan, tempat-tempat pengambilan rakaman video dan penulisan skrip untuk projek tersebut (Jrn/Aiman/25&26Nov/Ruj.1). Mereka menggunakan dua minggu untuk menyiapkan projek ini.

Umumnya, pelajar cenderung menulis skrip dalam bahasa Melayu kemudian menterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin. Aiman, Daim dan Ehsan dan kumpulan Khamal menggunakan kaedah tersebut ketika menulis skrip untuk projek ini (TB3/Daim/Psd.pnl/Ruj.5; TB3/Khamal/Pnl/Ruj.5). Kumpulan Melini merujuk kepada kamus untuk kosa kata yang tidak terdapat dalam sukatan pelajaran untuk dimasukkan ke dalam skrip mereka (Jrn/Melini/18Dis/Ruj.2). Manakala kumpulan Rizal cuba memasukkan semua kandungan daripada bab satu hingga bab lapan ke dalam skrip mereka semasa menulis skrip projek bahasa (Jrn/Rizal/8Nov/Ruj.1). Kumpulan Sheila menambah lagi isi kandungan untuk skrip yang disediakan setelah disemak oleh Sophia, kemudian mereka meminta kawan yang fasih dalam bahasa Mandarin menyemak skrip mereka sebelum membuat rakaman video. Mereka menggunakan dua hingga tiga hari untuk menyunting rakaman video berkenaan (TB3/Sheila/Pnl/Ruj.20).

Semasa merakam video, Aiman, Daim dan Ehsan menghafal skrip sebelum rakaman dijalankan (TB1/Daim/Psd.pnl/Ruj.2). Ehsan mengatakan memang “hafal dan lakonkan, tak ada macam tengok skrip” semasa merakamkan projek bahasa (TB3/Ehsan/Psd.pnl/Ruj.11). Melini dan Farah juga menghafal dan melakonkan ketika membuat rakaman untuk projek ini (TB3/Melini/Pnl/Ruj.5; Jrn/Farah/22Dis/Ruj.1).

Manakala Khamal mengatakan beliau tidak bertutur ataupun melakon semasa merakamkan video untuk projek ini, beliau setakat membaca skrip yang disediakan (TB1/Khamal/Pnl/Ruj.1). Setelah menyiapkan projek bahasa, Farah masih kurang puas hati terhadap produk yang dihasilkan kerana terdapat beberapa wabak yang kurang jelas dari segi suara yang dirakam. Beliau berasa cerita yang dicipta untuk projek tersebut biasa sahaja dan agak membosankan. Walaupun begitu, beliau masih mengharapkan kumpulan mereka boleh mendapat markah yang tinggi untuk projek ini (Jrn/Farah/22Dis/Ruj.1). Farah mengatakan pada hari mempersembahkan projek bahasa, Terry memberi komen dengan mengatakan sebutan mereka kurang tepat, sungguhpun mereka telah cuba sedaya upaya untuk menyebut dengan betul (TB3/Farah/Pnl/Ruj.6).

Kumpulan Lisa menghadapi masalah untuk menyiapkan projek ini. Semasa temu bual terakhir dengan Lisa, kumpulan Lisa masih belum menyiapkan rakaman video untuk projek bahasa. Manakala menurut Sophia, Lisa telah disingkirkan oleh kawannya daripada kumpulan yang asalnya mempunyai empat orang. Ini kerana Lisa tidak bekerjasama dengan ahli kumpulan dan tidak menghadiri sesi perbincangan untuk projek tersebut (Jrn1/Sophia/Ruj.1). Akhirnya, Lisa bersama seorang daripada kawannya membentuk satu kumpulan baharu. Mereka menghantar projek bahasa kepada Sophia tiga minggu lebih lewat daripada tarikh yang ditetapkan tanpa memberitahu apa-apa sebab. Selain daripada itu, Sophia tidak berpuas hati terhadap isi kandungan projek kumpulan Lisa dan mengatakan lakonan mereka tidak menepati kriteria untuk penilaian berkenaan (Jrn1/Sophia/Ruj.1).

Sebagaimana yang dibincangkan tersebut, didapati pelajar berasa projek bahasa mengambil masa lama untuk disediakan. Walau bagaimanapun, pelajar masing-masing menyuarakan pandangan mereka terhadap projek tersebut. Daim berasa keseronokan sepanjang masa menyediakan projek ini kerana beliau betul-betul bekerjasama dengan ahli kumpulan, seperti menggunakan percambahan minda (*brainstorming*) untuk

mendapat idea, membuat penterjemahan bersama-sama dan “rasa macam *that’s the only time* kita orang dah betul-betul hafal skrip *and then try* untuk berlakon dalam videolah” (TB1/Daim/Pdgn.pnl/Ruj.3). Sheila juga berasa projek bahasa memberi peluang kepada pelajar untuk membuat skrip sendiri. Ini dapat menguji keupayaan pelajar dari segi kemahiran bertulis dan berkomunikasi dalam bahasa Mandarin (TB1/Sheila/Pnl/Ruj.3). Melini juga memberi pandangan yang positif terhadap projek tersebut. Beliau mengatakan projek tersebut membolehkan beliau lebih memahami bahasa yang dipelajari, dan memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur lebih dalam bahasa Mandarin (Jrn/Melini/18Dis/Ruj.2).

Namun, Ehsan, Lisa dan Khamal mempunyai pandangan yang bercanggah dengan Daim, Sheila dan Melini. Ehsan menerangkan bahawa semasa menyediakan skrip untuk projek ini, kadang-kadang pelajar “*direct translate* daripada buku, lepas itu *time* nak *shot video* kita boleh tengok skrip, lepas itu dah lupa semua apa yang cakap ingatan skrip itu sekejap lepas itu lupa” (TB1/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.1). Beliau menyarankan penilaian pertuturan secara langsung, bukan cara rakaman “... macam mana nak uji, kena cakap dengan orang” (TB3/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.2). Lisa mengatakan sungguhpun projek bahasa ialah kaedah penilaian yang membolehkan pelajar mencurahkan kreativiti mereka dan paling digemarinya, akan tetapi projek ini tidak semestinya membayangkan keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin. Ini kerana terdapat pelajar yang meniru ketika membuat rakaman video (TB1/Lisa/Pnll/Ruj.1). Khamal mengatakan projek bahasa tidak membawa maksud kepada beliau kerana beliau tidak bertutur dan melakonkan semasa rakaman video dilaksanakan. Beliau setakat membaca skrip yang disediakan (TB1/Khamal/Pnl/Ruj.1).

4.6.2.7 Kesimpulan

Kursus ini merangkaumi pelbagai jenis penilaian seperti yang tersebut di atas untuk menguji keupayaan pelajar dari segi kemahiran menulis, mendengar, membaca

dan mengenal serta menulis beberapa tulisan Cina. Daim mempunyai pandangan positif terhadap penilaian untuk kursus ini. Daim memberi pandangan beliau terhadap penilaian untuk kursus ini seperti berikut:

“agak bagus sebab *time* itulah nak macam betul-betul, biasanya *time* itulah *student* yang betul-betul akan *practise* untuk *oral, listening test*, itu pun bagus juga sebab *train* macam mana kita nak dapat fahamkanlah, macam *native speaker* boleh bercakap kan ... yang *last* sekalilah paling *best* sebab kita orang kan buat *videolah*”.

(TB1/Daim/Pdgn.pnl/Ruj.2).

Beliau berasa pelajar betul-betul memahami dan mempraktikkan perkara yang dipelajari semasa peperiksaan dan mengetahui kelemahan individu terhadap bahasa yang dipelajari. Hal ini seperti yang diterangkan oleh Rizal, yakni melalui ujian mendengar, Rizal mendapati kemahiran mendengar merupakan kelemahan utama beliau dalam pembelajaran bahasa Mandarin. (TB3/Rizal/Pnl/Ruj.10). Antara pelbagai ujian yang ada, Khamal mengatakan ujian lisan dan ujian mendengar paling berguna dan berkesan untuk menguji penguasaan kemahiran bertutur.

Selain daripada menguji kebolehan dan mengetahui kelemahan pelajar melalui penilaian, didapati penilaian juga penting untuk memaksa pelajar mengulang kaji terhadap subjek yang dipelajari. Aiman menyatakan diri sendiri merupakan pelajar yang belajar secara relaks, tetapi apabila mempunyai peperiksaan beliau berasa tertekan dan tekanan ini yang memaksa beliau untuk belajar (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.12). Begitu juga untuk Khamal, beliau mengatakan ujian-ujian untuk kursus memaksa pelajar belajar, sungguhpun ujian-ujian berkenaan juga menyebabkan beliau berasa tertekan untuk mengikuti kursus ini (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.19).

Sehubungan dengan itu, ketika pelajar belajar untuk peperiksaan, di samping itu pelajar telah menguasai sekurang-kurangnya beberapa kosa kata yang dipelajari. Setelah mengambil beberapa kali peperiksaan untuk subjek ini, Daim merumuskan bahawa “*one of the key to score in the test is to memorize all the vocabulary that we had learned so*

that we could answer the questions that were asked by the lecturer” (Jrn/Daim/14Dis/Ruj.1). Daim menegaskan kepentingan menghafal kosa kata semasa menjawab soalan dalam peperiksaan. Khamal, Aiman dan Rizal juga menghafal kosa kata ketika bersedia untuk peperiksaan. (TB1/Khamal/Pnl/Ruj.1; TB1/Aiman/Pglm/Ruj.12; TB3/Rizal/Pnl/Ruj.10).

Walau bagaimanapun, tabiat pelajar yakni belajar untuk peperiksaan sahaja menyebabkan pelajar terlupa kebanyakan perkara yang dipelajari selepas peperiksaan. Sebaliknya, sekiranya tidak ada peperiksaan dan tidak ada kelas bahasa Mandarin, pelajar seperti Aiman, Khamal dan Lisa langsung tidak belajar bahasa Mandarin, maka mereka tidak dapat mengingat apa-apa yang dipelajari sebelumnya (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.12; TB1/Khamal/Pgl/Ruj.3; TB1/Lisa/Pglm/Ruj.5).

Pendek kata, penilaian sepatutnya dijalankan sepanjang masa kursus ini dilaksanakan untuk memastikan pelajar sentiasa mengulang kaji bahasa Mandarin. Dengan itu, sekurang-kurangnya pelajar akan menghafal kosa kata yang dipelajari sebelum peperiksaan. Penguasaan kuantiti kosa kata yang banyak adalah penting untuk pelajar bukan penutur natif bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas (Lu, 2000).

4.6.3 Mengaplikasikan Bahasa Mandarin dalam Kehidupan Harian

Mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian amat penting untuk menguasai kecekapan pertuturan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari. Pelajar yang menyertai kajian ini mempunyai persekitaran yang sesuai untuk mempraktikkan bahasa Mandarin. Hal ini demikian kerana terdapat orang yang fasih dalam bahasa Mandarin dalam komuniti untuk kajian ini. Sungguhpun begitu, kebanyakan pelajar jarang-jarang mengaplikasikan bahasa Mandarin yang dipelajari dalam kehidupan harian.

Setelah belajar bahasa Mandarin di universiti ini, Aiman, Farah, Daim dan Khamal pernah mengaplikasikan perkara yang dipelajari di dalam kelas dengan kawan

(TB1/Aiman/Pglm/Ruj.3; TB1/Farah/Pglm/Ruj.5; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.1). Selain itu, Aiman dan Farah pernah bertutur dengan pekedai tetapi tidak kerap, cuma beberapa kali sahaja (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.3; TB1/Farah/Pglm/Ruj.5). Melini pernah mempraktikkan beberapa kosa kata dengan saudara-mara yang belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, tetapi cuma sekali-sekala sahaja kerana mereka jarang-jarang berjumpa (TB1/Melini/Pglm/Ruj.7).

Kosa kata dan ayat-ayat yang biasa digunakan dalam perbualan Aiman, Farah dan Daim dengan kawan atau pekedai amat terhad, yakni tertumpu kepada “Ni hao”, “Xiexie”, “Zai nali”, “ni mang ma?” dan “Pianyi dianr, keyi ma?” (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.3; TB1/Farah/Pglm/Ruj.7; TB1/Daim/Pglm/Ruj.29). Aiman biasanya bertutur dengan pekedai dua atau tiga ayat sahaja dalam bahasa Mandarin, kemudian pertuturan mereka bertukar kepada bahasa Melayu (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.3). Ehsan juga mengatakan apabila beliau bertutur dengan orang yang fasih dalam bahasa Mandarin dalam komuniti, biasanya mereka menjawab dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.2).

Farah pernah bertanya harga dalam bahasa Mandarin ketika beliau membeli kalkulator, beliau memahami percakapan pekedai ketika pekedai menyebut harga dalam bahasa Mandarin (TB1/Farah/Pglm/Ruj.5). Farah juga pernah bertanya kepada taukeh kedai buku satu kosa kata yang terlintas pada fikirannya, beliau dapat belajar satu kosa kata baharu daripada taukeh tersebut (Jrn/Farah/08Okt/Ruj.1). Farah mengatakan bahawa pada peringkat awal belajar bahasa Mandarin, beliau berasa bahasa Mandarin “sangat susah” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.4), tetapi setelah belajar satu tempoh yang singkat, Farah berasa beliau boleh bertutur sedikit dalam bahasa Mandarin dan memahami beberapa perkataan pertuturan dalam drama Taiwan seperti “Duibuqi”, “Wo lai wan le”, “Xiexie ni”, “Ni hao ma”, “Feiji”, “Houmian”, “Youbian” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.4; Jrn/Farah/10Nov/Ruj.1). Sungguhpun begitu, Farah mengatakan beliau

masih tidak boleh bertutur dengan lancar, hal ini menyebabkan beliau berasa sedih (TB1/Farah/Pcp/Ruj.3). Walau bagaimanapun, Farah menerangkan bahawa beliau berulang-ulang kali mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dengan harapan beliau akan dapat bertutur dalam bahasa Mandarin dengan lancar. Namun, perkara yang beliau mengaplikasikan berulang kali merupakan kandungan yang sama sahaja, ini telah melambatkan progress pembelajaran beliau (TB1/Farah/Pglm/Ruj.8).

Melini jarang-jarang mempraktikkan bahasa Mandarin dengan rakan sekelasnya “ sebab *may be* tak secara serious untuk praktikkan belajar bercakap bahasa Mandarin kut ... ada kadang-kadang, tapi tak banyak” (TB1/Melini/Pglm/Ruj.23). Biasanya mereka cuma mengaplikasikan kosa kata sahaja, masih tidak dapat bertutur dalam ayat yang lengkap (TB2/Melini/Pglm/Ruj.1). Melini pernah mempraktikkan dengan rakan sekelas perkara yang dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin seperti memberitahu arah semasa memandu, contohnya “belok ke kanan” atau “belok ke kiri” dalam bahasa Mandarin (Jrn/Melini/12Novt/Ruj.1). Farah berasa bertutur dengan rakan sekelas dapat membantu beliau untuk membetulkan kesilapan (TB1/Farah/Pglm/Ruj.8).

Setakat ini, Sheila masih tidak pernah bertutur dalam bahasa Mandarin dengan sesiapa dalam komuniti, cuma sekali-sekala dengan rakan sekelasnya (TB1/Sheila/Pglm/Ruj.10). Sheila berasa gembira apabila beliau dapat bertutur dalam bahasa Mandarin dengan salah seorang pensyarah Mandarin di luar kelas. Walaupun pada masa itu beliau tidak menggunakan bahasa Mandarin dalam ayat sepenuhnya. Beliau mengatakan “... *even though I could not answer in full Mandarin, I felt happy that I had a chance to use Mandarin outside class*” (Jrn/Sheila/22Nov/Ruj.1). Didapati pelajar mendapat kepuasan daripada pertuturan dengan penutur natif ataupun seseorang yang fasih dalam bahasa Mandarin, sungguhpun percakapan tidak panjang ataupun tidak menggunakan bahasa Mandarin sepenuhnya dalam perbualan. Hal ini akan memotivasikan pelajar terus berusaha untuk menguasai bahasa Mandarin.

Farah meluahkan perasaan beliau ketika beliau memahami harga yang disebut oleh pekedai dengan mengatakan “saya faham dan itu saya berasa sangat teruja dan sukalah ngah” (TB1/Farah/Pglm/Ruj.5). Ehsan berasa biasanya pelajar berasa seronok sekiranya mereka dapat berkomunikasi dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini, “kita rasa lebih macam bernilailah sebab kita boleh *applied* benda itu untuk cakap dengan orang lain” (TB3/Ehsan/Pdgn.kus/Ruj.1).

Walau bagaimanapun, kekurangan ataupun tidak mengingati kosa kata terhadap sesuatu tajuk merupakan masalah yang umum dihadapi oleh pelajar ketika bertutur dalam bahasa Mandarin. Khamal, Melini, Lisa dan Aiman menerangkan mereka tidak mempraktikkan perkara yang diajar dalam kelas di luar kerana tidak menyedia dan menguasai kosa kata yang mencukupi atau terlupa ketika hendak bertutur terhadap sesuatu tajuk tertentu (TB1/Khamal/Cdgn/Ruj.3; TB2/Melini/Pcp/Ruj.2; TB1/Lisa/Pglm/Ruj.7; TB2/Aiman/Pcp/Ruj.1; TB3/Aiman/Pcp/Ruj.1).

Melini memberi pandangan dari segi keupayaan mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam komuniti dengan mengatakan “boleh, boleh, tapi saya tak boleh ingat, tak bolehlah” (TB2/Melini/Pcp/Ruj.2), ini kerana beliau tidak dapat menguasai dan mengingati kosa kata. Beliau mengatakan “... *voacb* penting er ... macam kalau saya tak faham benda itu, walaupun saya ada struktur ayat yang *full*, saya tetap tak boleh faham. Bagi saya *vocab* penting tapi saya *still* tak baca ...” (TB1/Melini/Pcp/Ruj.3). Lisa menjelaskan bahawa sekiranya beliau hendak bertutur dengan orang lain, beliau harus mengingati kosa kata tentang perkara yang hendak diceritakan terlebih dahulu, “kalau saya nak cakap nanti saya tak ingat apa kan, macam kita tahu *vocabulary*nya kita salah sebut orang boleh betulkan, tapi kita tak tahu orang pun tak tahu kita nak cakap apa” (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.7).

Padahal pelajar menyedari kepentingan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian. Melini menerangkan halangan beliau untuk fasih dalam bahasa

Mandarin adalah tidak menggunakan bahasa Mandarin di luar kelas, “saya pun tak praktik di luar, dalam kelas saja cakap, kalau ada orang praktik di luar senang ingat kut” (TB2/Melini/Pdgn.sdr/Ruj.1). Tambahan, Melini mengatakan:

“Saya tak cuba cakap dengan ‘laoshi’, tu saya tak cuba. Saya rasa sebab tu kot saya tak boleh *improve* saya punya Mandarin ... Saya tak bercakap dengan orang yang lebih pandai Mandarin daripada saya ... saya sendiri tak ada usaha untuk nak bercakap dengan orang yang lagi pandai”.

(TB3/Melini/Pdgn.sdr/Ruj.2)

Daim memahami bahawa mempraktikkan dengan kawan adalah penting untuk menjadi fasih dalam bahasa Mandarin, namun beliau jarang-jarang melakukan latihan itu “rasanya sebab malas, malas sangat” (TB1/Daim/Pglm/Ruj.26). Ini kerana agak mengambil masa untuk penguasai kosa kata yang mencukupi sebelum melakukan sesuatu perbualan. Walaupun begitu, Daim masih mencuba untuk bertutur dalam bahasa Mandarin seberapa banyak ayat yang boleh dengan kawan dan penutur natif (TB1/Daim/Pglm/Ruj.33). Daim mengatakan apabila beliau bertutur dengan penutur natif, “dia balas laju, *so* tak faham. Dia dah *start* masuk dalam-dalam, saya dah tak faham dah” (TB1/Daim/Pglm/Ruj.30). Masalah-masalah tersebut telah menyebabkan Daim kurang yakin untuk mempraktikkan bahasa Mandarin dengan penutur natif.

Selani itu, Daim menerangkan pelajar tidak menggunakan persekitaran yang sesuai di Malaysia untuk mempraktikkan bahasa Mandarin seperti berikut:

“... *either* dia orang segan ataupun takut nak cakap sebab kadang-kadang dia orang *even* dalam kelas pun boleh nampak, dia orang nak sebut tapi takut-takut ... takut salah pasal *last* sekali, dia orang memang *last-last* tak cakap, cuma baca dalam kelas dah, itu sajalah”

(TB1/Daim/Pglm/Ruj.38)

Jadi, dari segi pandangan Daim, segan dan takut juga menyebabkan pelajar tidak mengaplikasikan perkara yang dipelajari dalam kehidupan harian. Khamal juga mengatakan “... takut, sebab saya Melayu *so slang* macam takut dia tak faham atau disalah anggap, nanti saya malu” (TB1/Khamal/Msl/Ruj.1). Maka “takut salah” dan

“malu nak tanya” (TB1/Khamal/Msl/Ruj.3) menyebabkan Khamal tidak mengambil berat untuk mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam komuniti. Melini mengatakan bahawa beliau tidak berani mempraktikkan dengan pensyarah kerana segan (TB1/Melini/Cdgn/Ruj.1). Rizal pula mengatakan “saya rasa saya takut salah, takut maksud dia lain, takut salah” (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.16).

Aiman juga memahami kepentingan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari namun beliau “takut” untuk mengaplikasikan bahasa Mandarin kerana menghadapi masalah penguasaan kosa kata dan takut diketawakan (TB1/Aiman/Pdgn.BT/Ruj.1). Beliau menerangkan penguasaan kosa kata beliau “... buat masa itu boleh, dia buat sementara, ia tak ada *daily* praktik tak adalah. Tak ada orang kata, kita baca, kita hafal tapi kita cakap itu lain, cakap ini spontan, jadi payah agak” (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.6). Ehsan juga bersependapat dengan Aiman dan mengatakan sekiranya tidak atau sekali-sekala saja diaplikasikan bahasa Mandarin di luar, maka “nak menguasai pun ambil masa yang lambatlah” (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.1). Beliau berpendapat bahawa bergaul dengan kawan yang fasih dalam bahasa Mandarin dan bertutur dengan mereka, ataupun pergi ke kedai mempraktikkan dengan pekedai merupakan kaedah yang baik dan berkesan untuk menambahbaik pembelajaran bahasa Mandarin dari segi kemahiran bertutur (TB1/Ehsan/Cdg/Ruj.4).

Sheila tidak berani bertutur dengan penutur natif kerana beliau tidak mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri, sungguhpun beliau merupakan pelajar terbaik yang dapat bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas setelah mengikuti kursus ini (TB1/Sheila/Pdgn.sdr/Ruj.1). Manakala Lisa terlalu sibuk dengan aktiviti kesatuan, beliau mengatakan ia tidak mempunyai masa untuk membuat persediaan dan mempraktikkan bahasa Mandarin di luar kelas, Lisa cuma menggunakan bahasa Mandarin dalam kelas Mandarin sahaja (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.8). Padahal Lisa mempunyai peluang untuk mempraktikkan bahasa Mandarin di luar kelas, kerana beliau

tinggal bersama dua orang kawan di bilik sewa, dan salah seorang kawan tersebut pernah belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina. Maka “apa yang tak faham saya tanya dia” (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.2). Seorang lagi ialah kawan sekelas bahasa Mandarin, “kita *roomates* tiga orang kan, kita orang dekat bilik belajar macam mana nak cakap macam inilah, macam dia dengar kita sebut, dia cakap mana salah sebut, mana betul sebut, macam itu” (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.2). Namun, Lisa tidak kerap mempraktikkan bahasa Mandarin dengan kawan sebiliknyanya, cuma merujuk kepada kawannya semasa mengulang kaji sebelum peperiksaan.

Selain kawan sebilik yang fasih dalam bahasa Mandarin, Lisa dan Rizal mempunyai kawan yang fasih bertutur dalam bahasa Mandarin tetapi tinggal jauh daripada tempat tinggal mereka (TB1/Lisa/Msl/Ruj.9; TB1/Rizal/Pglm/Ruj.17). Lisa dan Rizal tidak mengambil inisiatif untuk mencari peluang untuk mempraktikkan perkara yang dipelajari dengan kawannya. Lisa mengatakan apabila mereka bertemu, beliau tidak bertutur dengan mereka dalam bahasa Mandarin, biasanya mereka bertutur dalam bahasa Inggeris (TB3/Lisa/LB/Ruj.1). Sungguhpun Rizal terlepas peluang yang baik untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari, beliau mengatakan kaedah tersebut amat berkesan untuk menguasai kemahiran bertutur terhadap bahasa yang dipelajari (TB1/Rizal/Pglm/Ruj.17).

Walaupun Lisa tidak bertutur dalam bahasa Mandarin di luar kelas tetapi beliau pernah menggunakan “twitter” untuk berborak dengan kawan dalam bahasa Mandarin secara “Hanyu Pinyin” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.11). Lisa menggunakan bahasa Mandarin atau bertutur dengan kawan dalam bahasa Mandarin di luar kelas setakat untuk bertanya tentang latihan atau bersedia untuk ujian-ujian dalam bahasa Mandarin (TB1/Lisa/Msl/Ruj.9).

Daripada pengalaman pembelajaran bahasa Mandarin, Farah menyatakan persediaan seperti memahami maksud kosa kata, menguasai struktur ayat, menghafal

dan mengingat kosakata untuk pertuturan tertentu harus dilakukan sebelum bertutur dengan orang lain dalam bahasa Mandarin. Meskipun begitu, Farah menghadapi masalah untuk mengingat kosakata. Beliau menerangkan ini kerana biasanya beliau menghafal kosakata untuk peperiksaan sahaja (TB1/Farah/Pglm/Ruj.27). Beliau mengatakan menghafal ialah kaedah yang berkesan untuk mengingat kosakata, kemudian menulis perkara yang dihafal di atas kertas dan mempraktikkannya (TB1/Farah/Pglm/Ruj.37).

Farah pernah menggunakan tulisan Cina untuk menghantar pesanan melalui telefon bimbit dan beliau mengatakan:

“... bila hantar mesej saya ada *replied in Mandarin word* ... Jadi kita kena tahu jugalah serba sedikit pasal tulisan Cina sebelum aplikasikan dekat *handphone* ... bila saya bosan saya *try*lah taip apa yang saya belajar dekat *handphone*. Saya *try* untuk kenal dengan lebih banyak tulisan Cina ...”.

(Jrn/Farah/22Okt/Ruj.1)

Ini menunjukkan minat Farah terhadap tulisan Cina adalah dari segi mengenali dan mengaplikasikan tulisan Cina melalui elektronik peranti. Beliau bercadang tulisan Cina harus diperkenalkan dari awal lagi (TB1/Farah/Cdgn/Ruj/3).

Dari segi praktikal, Farah mencadangkan membuat latihan di tempat komuniti yang menggunakan bahasa Cina sahaja supaya pelajar wajib bertutur dalam bahasa Mandarin kerana tidak ada pilihan yang lain. Dengan itu, pelajar dapat memupuk keberanian untuk bertutur dan tidak berasa malu untuk bercakap dalam bahasa Mandarin (TB1/Farah/Cdgn/ruj.5).

Berkenaan dengan mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian setelah mengikuti kursus ini, Hanna mengatakan terdapat maklum balas daripada pelajar yang mengatakan mereka tidak boleh dan tidak berani bertutur dalam bahasa Mandarin kerana masih terdapat banyak percakapan yang tidak dipelajari lagi (TB1/Hanna/Plj/Ruj.1). Hanna berpendapat perkara tersebut timbul kerana banyak kosakata yang berkaitan dengan kehidupan harian tidak terdapat dalam sukatan pelajaran,

contohnya bangun pagi dan gosok gigi. Pelajar cuma tahu perkara yang terdapat dalam sukatan pelajaran sahaja (TB1/Hanna/Plj/Ruj.1). Hanna juga mendapati universiti ini tidak mempunyai persekitaran yang sesuai untuk mengaplikasikan perkara yang dipelajari dalam kelas Mandarin (TB3/Hanna/Plj/Ruj.2).

4.6.4 Masalah dan Rujukan

Kesembilan-sembilan pelajar dalam kajian ini memahami kepentingan menghafal dan mengingat kosa kata dan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Namun, ingatan pelajar tersebut adalah lemah, mereka tidak dapat mengingat kosa kata baharu selepas kelas dan jarang-jarang ataupun tidak pernah mempraktikkan bahasa Mandarin dalam komuniti. Hal tersebut berlaku kerana kelakuan peribadi pelajar seperti malu, segan, takut melakukan kesalahan dan malas.

Daim menyatakan ia tidak dapat membina ayat baharu dalam pertuturan kerana beliau tidak mengingat kosa kata yang dipelajari (TB1/Daim/Pglm/Ruj.232). Beliau mengatakan: "... dia punya perkataan itu kadang-kadang saya lupa" (TB1/Daim/Pglm/Ruj.33), "kalau saya ingat *vocab* saya *try*" (TB2/Daim/Pglm/Ruj.2). Daim memberitahu masalah yang dihadapi semasa bertutur dalam bahasa Mandarin adalah "sama ada struktur ayat ataupun perkataan itu tak ingat, maksudnya terlupa *vocab* dia itu dalam bahasa Mandarin apa" (TB1/Daim/Prn.plj/Ruj.6) . Beliau berkata "kalau ingat *vocab* itu, rasanya boleh bercakap" (TB1/Daim/Prn.plj/Ruj.12). Daim juga menulis dalam jurnal "*one of the main problem was student doesn't seem to remember the vocabulary that had been studies in Mandarin I and II. Thus, the student including myself have a hard time trying to speak in Mandarin language*" (Jrn/Daim/27Sept/Ruj.1) dan "*I realized that I need to practise more on the vocabulary so that I can easily construct a sentence by arranging the words correctly*" (Jrn/Daim/28Sept/Ruj.2). Daim mengatakan "masalah *vocab and then kurang practise*"

(TB1/Daim/Prn.plj/Ruj.13) yang menyebabkan pelajar tidak dapat mencapai objektif mereka semasa memilih kursus ini.

Melini juga memberi pandangan tentang kepentingan kosa kata sebelum berupaya membina ayat lengkap dalam bahasa Mandarin. Beliau mengatakan: “Kita kadang-kadang tak sempat nak tengok *full sentence*, so kita tengok *vocab ... at least* kalau kita tak reti nak cakap *toilet* dekat mana, kalau kita cakap ‘cesuo’, *at least* orang boleh faham kita nak pergi *toilet ...* bagi saya *vocab* penting ...” (TB1/Melini/Pdgn.bt/Ruj.1). Lisa mengatakan “kalau tak ingat macam mana nak cakapkan” (TB3/Lisa/Cdgn/Ruj.2). Lisa menerangkan seterusnya “... kalau untuk kelas Mandarin cara belajar ialah baca, hafal, buat latihan tapi saya rasa banyak kepada pelajar kena menghafal lah” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.12). Selain daripada menghafal, Lisa menegaskan kepentingan dari segi memahami perkara yang dihafal dan mempraktikkan dalam kehidupan, yakni pelajar perlu terdedah kepada bahasa berkenaan sekiranya ingin mencapai kemahiran untuk bertutur, bukan setakat untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam akademik (TB1/Lisa/Pcpn/Ruj.4). Lisa menerangkan kepentingan kosa kata dan usaha pelajar untuk menguasai bahasa yang dipelajari seperti berikut:

“kalau saya betul-betul menghafal *vocabulary* dalam masa satu semester yang singkat ini, saya usaha betul-betul, saya yakin saya boleh bertutur er bahasa Mandarin. Tapi setakat yang saya telah belajar, terhad kepada apa yang saya belajar, saya boleh bertutur sebab cara semua ‘laoshi’ ajar memang tak ada masalah untuk pelajar itu boleh bercakap. Sekarang terpulang kepada pelajar samada dia nak usaha atau tak nak usaha. Jadi kalau saya ada usaha, saya boleh buat, kalau saya tak berusaha, memang saya tak boleh bercakap”

(TB1/Lisa/Pcpn/ruj.3)

Lisa melihat masalah beliau tidak dapat menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin kerana tidak berusaha betul-betul untuk menghafal kosa kata dalam setiap bab kerana malas. Daim juga menerangkan beliau tidak menghafal dan mempraktikkan bahasa Mandarin “... sebab malas, malas sangat” (TB1/Daim/Prn.plj/Ruj.7) kerana “kita orang *more focus on the core subject* yang

mempunyai masa kredit yang lebih” (TB1/Daim/Prn.plj/Ruj.6). Daim juga menerangkan kepentingan mempraktikkan bahasa yang dipelajari dan mengatakan kekurangan mempraktikkan bahasa Mandarin turut menyebabkan pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin, beliau menyedari bahawa “... *without practising the language itself, I won't be able to speak fluently in Mandarin* ” (TB1/Daim/Prn.plj/Ruj.1). Aiman menyokong pernyataan Daim tersebut, beliau mengatakan “ ... Mandarin ini bahasa baru, hari hari kita kena biasakan, biasakan baru boleh sendiri cakap, lancar bercakap, macam itulah” (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.13).

Sheila menyuarakan sebenarnya belajar bahasa Mandarin bersamaan dengan belajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sejak kecil, dan “menghafal” merupakan faktor utama untuk menguasai bahasa yang dipelajari. Beliau mengatakan seperti berikut:

“...*you have to hafal the perkataanlah sebab er ... bila fikir balik, kita er er starting basic* sama macam kita kecil-kecil dulu baru belajar ... belajar bahasa Melayu bahasa Inggeris kita pun kena hafal-hafal benda ni. *So* memang kena hafallah. Bila hafal baru dia akan *come naturally* baru boleh.”

(TB1/Sheila/Pglm/Ruj.13)

Selain daripada menghafal, Sheila mengatakan belajar bahasa seharusnya dilakukan setiap hari dan mempraktikkan bahasa yang dipelajari setiap hari seperti masa beliau belajar bahasa Melayu. Beliau mengulaskan perkara tersebut seperti di bawah:

“...kalau nak menguasai bahasa itu macam saya cakap kena *praktice everyday*, macam saya cakap bahasa Melayu, *may be* sebab dari kecil sampai sekarang tiap-tiap hari belajar, itu pun baru boleh lancar, rasa kena belajar, *may be* tiap-tiap hari, *practice* tiap-tiap hari.”

(TB3/Sheila/Pdgn.sdr/Ruj.4)

Sheila memberi pandangan bahawa kebanyakan pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini adalah kerana kebanyakan pelajar mengambil kursus ini atas sebab untuk memenuhi syarat universiti dan belajar untuk mendapat gred cemerlang bagi subjek ini sahaja. Maka pelajar kurang aktif untuk

mempraktikkan bahasa ini sama ada dalam kelas ataupun di luar kelas (TB1/Sheila/Msl/Ruj.3). Pandangan Sheila seperti yang diterangkan oleh Lisa “... kalau nak betul-betul pandai memang kena dengar banyak-banyak, kena apa ni dekatkan diri dengan bahasa itu” (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.12). Ini bermakna mendedahkan diri kepada bahasa yang dipelajari seterusnya menggunakan bahasa berkenaan seperti belajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris memainkan peranan penting untuk menguasai bahasa yang dipelajari.

Ehsan mengatakan “nak ingatkan *vocab* itu banyak sangat itulah macam *vocab* lepas lepas itu dengan dia punya *tone* sekalilah, itu bagi saya sukar” (TB3/Ehsan/Pdgn.kus/Ruj.1). Beliau berasa terlalu banyak kosa kata kena menghafal dan agak susah untuk beliau mengingati nada untuk setiap perkataan. Masalah yang beliau hadapi juga kerana “mungkin ia punya *tone* bila nak sebut, ia punya *vocab* itu susah sikit nak ingat, lepas itu mungkin dia punya susunannya, *ordernya* macam lain untuk Inggeris, lain untuk BM, *so confusinglah*” (TB1/Ehsan/Msl/Ruj.2). Ehsan tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin kerana sebutan dalam bahasa Mandarin menyebabkan beliau menghadapi masalah untuk mengingati kosa kata, dan struktur ayat bahasa Mandarin yang berbeza dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mengelirukan beliau. Ehsan menyedari kaedah pembelajaran beliau iaitu cuma merujuk kepada buku teks tidak dapat mencapai objektif beliau untuk memahami percakapan orang lain dalam bahasa Mandarin dan membalas percakapan mereka. Menurut beliau kaedah pembelajaran itu “kalau bertutur rasa tak boleh, itu cuma untuk ingat saja. Kalau bertutur itu kena cakap dengan oranglah baru boleh” (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.8). Penerangan tersebut menunjukkan bahawa Ehsan menyedari kepentingan mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan.

Melalui perbincangan tersebut, jelas dilihat pandangan pelajar terhadap kepentingan mengingati kosa kata dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Pandangan

pelajar tersebut sejajar dengan Lu (2000) yang menegaskan penguasaan kuantiti kosa kata pelajar bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Mandarin pada tahap asas. Selain daripada kosa kata, pelajar juga menyedari bahawa mempraktikkan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian seperti pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris juga amat penting untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin.

Selain daripada menguasai kosa kata dan mempraktikkan bahasa Mandarin, sumber rujukan dalam pembelajaran bahasa Mandarin juga harus diambil berat. Umumnya, buku teks, rakan dan pensyarah merupakan pilihan sumber rujukan utama sekiranya pelajar menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Biasanya pelajar merujuk kepada buku teks apabila mereka belajar dalam kelas dan ketika mengulang kaji di luar kelas (TB1/Daim/Pdgn.BT/Ruj.2; TB1/Sheila/Pdgn.bt/Ruj.3; TB1/Melini/Pglm/Ruj.2; TB1/Farah/Pdgn.bt/Ruj.1; TB1/Rizal/Pdgn/bt/Ruj.1). Daim merujuk kepada buku teks untuk mendapatkan maksud sesuatu kosa kata yang disebut oleh pensyarah yang beliau tidak memahami dalam kelas (TB1/Daim/Pdgn.BT/Ruj.2). Ada kala Farah menggunakan buku teks sebagai rujukan untuk mencari maksud lirik lagu Cina (TB1/Farah/Pdgn.bt/Ruj.1). Sheila dan Melini selalu menggunakan buku teks untuk belajar kosa kata dan struktur ayat yang berkaitan dengan tajuk-tajuk tertentu (TB1/Sheila/Pdgn.bt/Ruj.3; TB1/Melini/Pglm/Ruj.2).

Kebanyakan pelajar berasa segan untuk bertanya kepada pensyarah sungguhpun mereka mempunyai masalah terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dalam kelas (Aiman/3Nov/Ruj.1&2; TB1/Aiman/Ruj/Ruj.1 &2; TB1/Ehsan/Pglm. Ruj/Ruj.1; TB1/Rizal/Sbr.ruj/Ruj.1-3; TB1/Sheila/Sbr.ruj/Ruj.1; TB1/Farah/Pglm.Ruj/Ruj.5; Jrn/TB1/Khamal/Pglm/Ruj.8; TB1/Melini/Sbr.ruj/Ruj.2). Pelajar biasanya lebih suka bertanya kepada kawan, sama ada rakan sekelas ataupun rakan lain yang fasih dalam bahasa Mandarin sekiranya mereka mempunyai masalah dalam pembelajaran bahasa

Mandarin. Jika rakan sekelas tidak dapat menjawab soalnya, barulah pelajar bertanya kepada pensyarah selepas kelas (Aiman/3Nov/Ruj.1&2; TB1/Aiman/Ruj/Ruj.1 &2; TB1/Ehsan/Pglm. Ruj/Ruj.10; TB1/Rizal/Sbr.ruj/Ruj.1-3; TB1/Sheila/Sbr.ruj/Ruj.1; TB1/Farah/Pglm.Ruj/Ruj.5; Jrn/ TB1/Khamal/Pglm/Ruj.8; TB1/Melini/Sbr.ruj/Ruj.2). Hanya Lisa seorang sahaja yang akan merujuk kepada pensyarah untuk membantu beliau dalam kelas (TB1/Lisa/Sbr.ruj/Ruj.7).

Walau bagaimanapun, Sheila berasa penjelasan daripada pensyarah lebih jelas jika dibandingkan dengan kawan (TB1/Sheila/Sbr.ruj/Ruj.1). Malahan, Rizal mengatakan ada kalanya kawan-kawan tidak dapat memberi penjelasan yang memuaskan, beliau juga tidak bertanya kepada pensyarah (TB1/Rizal/Sbr.ruj/Ruj.3). Sungguhpun Rizal memahami kelemahan diri sendiri dan beliau memerlukan bimbingan daripada pensyarah bahasa Mandarin selepas kelas, tetapi beliau tidak pernah memberitahu Sophia tentang perkara tersebut (TB3/Rizal/Pdgn.sdr/Ruj.5).

Sumber rujukan pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin yang lain termasuk “youtube” , kamus, buku rujukan, media sosial, lagu dan rancangan televisyen. Melini menerangkan selain daripada merujuk kepada rakan-rakannya, “youtube” dan ketiga-tiga buku teks bahasa Mandarin juga merupakan rujukan beliau sekiranya beliau memerlukan bahan tambahan ataupun menghadapi masalah dalam pembelajaran bahasa Mandarin (TB1/Melini/Pglm/Ruj.2). Sekali-sekala Lisa, Sheila, Farah, Ehsan dan Rizal belajar bahasa Mandarin melalui televisyen dan lagu (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.12; TB1/Sheila/Pglm/Ruj.12; TB/Farah/Pglm/Ruj.14; TB1/Ehsan/Pdgn.pnl/Ruj.13; TB1/Rizal/Pglm/Ruj.10). Namun, Lisa berasa agak susah hendak memahami percakapan melalui rancangan televisyen kerana mereka bercakap dengan laju, “sebab itulah kena mula dari awal dengan buku, dengan latih bercakap baru boleh tangkap dengan jelas apa yang dia bercakap dalam lagu atau cerita ... kalau nak

betul-betul pandai memang kena dengar banyak-banyak, kena apa ni dekatkan diri dengan bahasa itu” (TB1/Lisa/Pglm/Ruj.12).

Selain daripada perkara yang dibincangkan tersebut, pelajar menyarankan cadangan berdasarkan kelemahan masing-masing demi menguasai bahasa Mandarin yang dipelajari. Aiman mengemukakan tiga perkara iaitu “buang malu” , “menghafal” dan “praktik hari-hari” (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.13) untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin. Beliau menerangkan sebelum mempraktikkan bahasa yang dipelajari mesti “buang malu” dan “ingat seberapa yang boleh ... er ia kena ingat ingat seberapa yang ia boleh ingat, sebab kalau tak ingat nak cakap macam mana” (TB1/Aiman/Pglm/Ruj.13). Di samping itu, tekanan peperiksaan juga memaksa beliau menghafal atau belajar bahasa Mandarin, namun ia merupakan ingatan sementara sahaja. Maka untuk menjadikan ingatan sementara kepada perkara yang boleh dikeluarkan daripada mulut secara automatik, beliau memahami kepentingan mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan setiap hari.

Lisa mencadangkan kaedah untuk belajar bahasa Mandarin sehingga boleh bertutur mesti melalui tiga proses iaitu “faham”, “hafal” dan “bertutur” (TB1/Lisa/Cdgn/Ruj.3). Lisa merumuskan pandangan tersebut seperti berikut:

“Kalau nak betul-betul master bahasa Mandarin mula-mula kita belajar yang basic dulu semua dalam buku, semua kita tahu vocabulary. Lepas kita pada masa yang sama kita praktik cakap, praktik cakap betulkan semua kesilapan sebutan, lepas itu kita kena apa ini, tajamkan deria pendengaran kita terhadap bahasa tersebut”.

(TB1/Lisa/Cdgn/Ruj.1)

Cadangan Lisa sama dengan Aiman kecuali Aiman ialah pelajar yang pemalu, maka beliau mengesyorkan untuk “buang malu” sekiranya ingin berkomunikasi dalam komuniti.

Sheila memberitahu persepsi negatif rakan terhadap pelajar yang sering mempraktikkan bahasa Mandarin menyebabkan beliau jarang-jarang menggunakan

bahasa Mandarin apabila bercakap dengan pensyarah Mandarin dan rakan-rakannya, mereka lazim bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau bercampur ketiga-tiga bahasa. Sheila mengatakan sekiranya pelajar sentiasa bercakap dengan kawan dalam bahasa Mandarin, kawan akan berfikir pelajar itu suka menunjuk-nunjuk.

Menurut beliau:

“...sebab kadang-kadang er ... pelajar pun ada *this mindset*, kalau macam kita pandai sangat bahasa ke apa benda kita macam *show-off*. So itu *mindset* dia oranglah. So kadang-kadang kena *adjust to perception* tu. Tapi sikit-sikit er kena cuba untuk ubah persepsi tulah. Kadang-kadang memang *speak* er tanpa *mix*lah”

(TB1/Sheila/Pglm/Ruj.14).

Jelas dilihat Sheila memang pernah dan ingin bertutur dalam bahasa Mandarin dengan rakan, cuma risau persepsi rakan terhadapnya, yakni hendak menunjuk-nunjuk bahasa Mandarin beliau. Sheila berharap persepsi negatif tersebut dapat dibetulkan (TB1/Sheila/Msl/Ruj.1).

Pendek kata, pelajar berharap mereka dapat menguasai kosa kata yang mencukupi untuk bertutur pada tahap asas dalam bahasa Mandarin dan sentiasa mempraktikkan bahasa Mandarin dalam komuniti dengan mendedahkan diri sendiri dalam persekitaran yang sesuai. Namun, pelajar menyedari kelakuan peribadi seperti ketekunan, keyakinan terhadap diri sendiri, belajar untuk peperiksaan sahaja, sikap yang malu-malu, segan dan takut melakukan kesilapan telah menyebabkan mereka tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin seperti yang diharapkan ketika mengambil kursus ini. Selain daripada penerangan tersebut, didapati masa yang digunakan untuk mengulang kaji bahasa Mandarin di luar kelas oleh pelajar tidak sejajar dengan masa yang dinyatakan dalam skema mingguan seperti yang diterangkan sebelum ini. Usaha untuk mengulang kaji atau belajar bahasa Mandarin di luar kelas harus dipertingkatkan.

4.7 Pencapaian Pelajar Setelah Mengikuti Kursus Ini

Pencapaian akademik pelajar setelah mengikuti kursus ini ditunjukkan pada jadual 4.3. Berdasarkan jadual 4.3, didapati prestasi akademik pelajar secara keseluruhannya berada pada gred B dan ke atas. Namun, Rizal gagal sekali pada tahap I iaitu mendapat gred D pada kali pertama, tetapi beliau mendapat gred yang baik, iaitu A- pada kali

Jadual 4.3: Pencapaian Akademik Kursus Bahasa Mandarin Pelajar
(Unit Bahasa Mandarin, 2012)

| Pelajar Kursus | Aiman | Daim | Ehsan | Lisa | Rizal | Sheila | Farah | Khamal | Melini |
|-------------------|-------|------|-------|-------|-------|--------|-------|--------|--------|
| Mandarin I | B | A- | B- | B+ | D/A- | A | A- | B | B+ |
| Mandarin II | B+ | B+ | B+ | B | C+ | A | A | B+ | A |
| Mandarin III | A- | B+ | B+ | D+/A- | B- | A | B+ | B+ | A- |

kedua beliau mengambil peperiksaan untuk kursus berkenaan. Rizal mendapat gred C+ pada tahap II dan gred B- pada tahap III. Rizal mengatakan keputusan pada tahap III (B-) tidak menggambarkan kebolehan sebenar dari segi kemahiran bertutur beliau (Jrn/Rizal/7Mac/Ruj.1). Beliau mengatakan “setakat ini saya rasa belumlah, belum sampai tahap menguasai bahasa Mandarin, lebih banyak perlu pelajari dalam bahasa Mandarin ... yang boleh ingat tu adalah, taklah banyak sangat...” (TB1/Rizal/Pcpn/Ruj.4) dan “saya rasa kebolehan saya pada peringkat er... er... pertengahan, di mana saya masih perlu banyak lagi memahami, membaca, bercakap dan mendengar dalam perbualan bahasa Mandarin (TB3/Rizal/Pcpn/Ruj.6).

Walau bagaimanapun, Rizal mengatakan “sebelum ini saya tidak tahu apa-apa perkataan tentang bahasa Mandarin, selepas saya belajar tiga semester saya ada perubahan sedikit, saya banyak mengetahui perkataan tentang bahasa Mandarin ... saya banyak mengetahui perkataan bahasa bercakap, mendengar dan memahami perkataan bahasa Mandarin” (TB3/Ehsan/Pcp/Ruj.12). Sophia memberi pandangan yang positif terhadap Rizal. Sophia memberitahu pengkaji dalam perbualan tidak formal bahawa setelah Rizal mengambil bahagian dalam kajian ini, didapati Rizal lebih berusaha untuk

belajar bahasa Mandarin, dan lebih mengambil perhatian dalam kelas Mandarin. Sophia mengatakan tahap bahasa Mandarin Rizal sekarang baru naik ke tahap sederhana (TB3/Ehsan/Pcp/Ruj.11).

Lisa gagal sekali untuk kursus bahasa Mandarin pada tahap III, yakni mendapat gred D+, akan tetapi beliau mendapat A- pada kali kedua beliau mengambil kursus tersebut. Nyata dilihat, kedua-dua pelajar tersebut mendapat keputusan yang baik, yakni gred A- setelah belajar pada kali kedua untuk kursus berkenaan.

Sophia memberi pandangan beliau terhadap markah peperiksaan Lisa (D+) dan membuat komen seperti berikut:

“Sikapnya di dalam kelas ternyata dapat dilihat dalam keputusan peperiksaan yang diperolehi beliau iaitu 44.41 markah secara keseluruhannya. Saya rasa dia tidak pandai menguruskan masa beliau dalam aktiviti harian dan persatuan dan tidak tahu yang mana lebih penting.”

(Jrn 1/Sophia/2Apr/Ruj.1)

Padahal Sophia pernah menyuarakan ketidakpuasan beliau terhadap kedatangan Lisa termasuk tidak menghadiri ujian tertentu. Lisa menerangkan bahawa beliau tidak dapat menghadiri kelas sebanyak dua kali, ini tidak termasuk tidak hadir untuk peperiksaan. Lisa mengetahui kepentingan untuk menghadiri kelas terutamanya untuk kelas bahasa ketiga. Beliau mengatakan “kelas *third language*, satu kali tak datang hancur, sebab satu hari satu kelas terus habis satu *chapter*, bila nak *catch up* balik ... memang tak sempatlah” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.7). Lisa menerangkan perkara tersebut berlaku kerana beliau perlu menghadiri mesyuarat kesatuan yang tidak dapat dikecualikan (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.1). Lisa sendiri juga menyedari beliau terlalu sibuk dengan aktiviti persatuan, “sebab saya tak boleh buat, sebab saya dengan jawatan itu setiap malam ada *meeting*, balik pukul 12 atau pukul satu, saya siapkan *assignment* subjek lain, *that’s why* saya tak sempat nak *study*” (TB3/Lisa/Pglm/Ruj.9). Lisa menerangkan beliau tidak dapat bertutur “sebab saya sendiri yang tak *studylah*, tak ingat” (TB3/Lisa/Pcpn/Ruj.4). Setakat ini Lisa masih tidak mempunyai keyakinan untuk bertutur dalam bahasa

Mandarin. Beliau mengatakan matlamat beliau untuk bertutur dalam bahasa Mandarin masih tidak tercapai lagi (TB3/Lisa/Pcpn/Ruj.7).

Sebenarnya Lisa pernah belajar bahasa Mandarin pada darjah lima seperti yang diterangkan sebelumnya, namun pengalaman tersebut tidak membantu beliau semasa mengikuti kursus ini. Manakala, Sheila tidak mempunyai sebarang pengetahuan dalam bahasa Mandarin sebelum mengambil kursus ini, namun beliau mendapat keputusan akademik yang lebih baik daripada Lisa dan penguasaan Sheila dari segi keupayaan bertutur juga lebih baik daripada Lisa. Jelas dilihat, minat dan ketekunan Sheila untuk belajar bahasa Mandarin sepanjang masa mengikuti kursus ini telah menyebabkan penguasaan bahasa Mandarin Sheila lebih baik daripada Lisa yang lebih mengambil berat aktiviti persatuan dan subjek lain.

Selain daripada Rizal dan Lisa, pencapaian akademik Aiman semakin baik daripada tahap I hingga tahap III, iaitu beliau mendapat gred B pada tahap I, gred B+ pada tahap II dan gred A- pada tahap III. Daim, Ehsan dan Khamal mendapat gred A-, B- dan B masing-masing pada tahap I dan ketiga-tiga pelajar tersebut mendapat gred B+ untuk tahap II dan tahap III. Daim tidak berpuas hati terhadap keputusannya pada tahap II kerana beliau mengharapkan gred A. Sungguhpun Daim mendapat B+ pada tahap III, beliau agak berpuas hati terhadap keputusan itu. Beliau mengatakan “saya masih berasa bahawa saya sepatutnya berusaha dengan lebih gigih lagi supaya saya mendapat keputusan yang lebih baik” (Jrn/Daim/20Mac/Ruj.1). Sebenarnya Daim meramalkan beliau boleh mendapat sekurang-kurangnya A- untuk tahap III (TB3/Daim/Pcp/Ruj9). Daim memberi pandangan tentang keputusan penilaian pada tahap III seperti berikut:

“keputusan itu berkemungkinan boleh bergambarkan kebolehan sebenar seseorang untuk bertutur dalam bahasa Mandarin tetapi ada juga individu yang hanya pandai menghafal setiap perkataan dan ayat tetapi tidak mempraktikkan bahasa tersebut, lalu mereka tidak begitu fasih berbahasa Mandarin. Oleh itu bagi saya keputusan itu tidak semestinya boleh menjamin keupayaan seseorang untuk berbahasa Mandarin.”

(Jrn/Daim/20Mac/Ruj.1).

Beliau turut menjelaskan bahawa keputusan akademik menggambarkan kegigihan pelajar belajar bahasa Mandarin untuk menghadapi peperiksaan, ia tidak sejajar dengan keupayaan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Madnarin di luar kelas. Untuk mencapai objektif untuk bertutur di luar kelas, Daim mengatakan "... kena hafal lagi *and then* kena *try* lagi *conversing* orang yang bercakap Mandarin" (TB3/Daim/Pcp/Ruj.9).

Dari segi pencapaian akademik pelajar dengan keupayaan bertutur, Lisa memberi pandangan seperti berikut:

"Ia bergantung kepada usaha pelajar, kalau dia dapat A pun, ada pelajar dia dapat A, sebab dia hafal. Dia hafal tapi dia tak praktikkan ... tapi kalau dia betul-betul faham, lepas itu dia tahu dan praktikkan, dia boleh jadi boleh bertutur. Dia bukan sekadar A saja, tapi dia dapat A yang boleh bertutur ..."

(TB1/Lisa/Pcpn/Ruj.4)

Daripada penghuraian Lisa tersebut, jelas dilihat Lisa mengetahui kepentingan pengaplikasian bahasa yang dipelajari. Beliau berpendapat pencapaian akademik yang baik tidak menggambarkan keupayaan pertuturan pelajar sekiranya keputusan tersebut ialah hasil daripada hafalan. Sebaliknya, keputusan tersebut ialah hasil daripada mempraktikkan bahasa yang dipelajari, maka keputusan akademik pelajar adalah sejajar dengan keupayaan pertuturan pelajar. Rizal juga bersependapat dengan Lisa dan mengatakan : "Bagi saya orang yang dapat A dia tak semestinya boleh menguasai bahasa Mandarin kerana bahasa Mandarin merupakan bahasa yang amat dalamlah ..."

(TB1/Rizal/Pcpn/Ruj.3).

Ehsan berpuas hati dengan pencapaiannya pada tahap III (B+) dan mengtakan:

"Saya amat berpuas hati kerana usaha yang telah saya lakukan sebelum ini berbaloi dengan keputusan saya dapat, tetapi saya merasakan keputusan tersebut tidak menggambarkan keupayaan saya untuk bertutur. Keputusan hanya menggambarkan 20 peratus keupayaan saya untuk bertutur..."

(Jrn/Ehsan/10Mac13/Ruj.1)

Ehsan memahami usaha beliau setakat dapat mencapai gred yang memuaskan dari segi akademik, bukan harapan beliau ketika memilih kursus ini, iaitu berupaya

berkomunikasi dengan lancar dalam bahasa Mandarin. Sungguhpun begitu, Ehsan berasa sungguh gembira apabila beliau dapat memahami sedikit perbualan daripada siaran radio dalam bahasa Mandarin setelah beliau mengikuti kursus ini selama tiga semester (Jrn/Ehsan/10Mac13/Ruj.2).

Ehsan merumuskan bahawa “saya boleh memahami sedikit apa yang dituturkan dalam bahasa Mandarin. Selain daripada itu, juga urusan jual beli menjadi mudah kerana saya boleh berkomunikasi serba sedikit dalam bahasa Mandarin” (Jrn/Ehsan/30Sept/Ruj.1). Namun, beliau menyatakan sekiranya beliau bercadang hendak bertutur dengan penutur natif selepas kelas, beliau akan membaca dan menghafal kosa kata terlebih dahulu, kemudian mempraktikkan dengan rakan sekelas tentang perkara yang hendak dipertuturkan sebelum melakukan aktiviti tersebut (TB1/Ehsan/Pglm/Ruj.3).

Pencapaian akademik Farah dan Melini tidak konsisten, yakni Farah mendapat gred A-, gred A dan B+ dan Melini mendapat gred B+, gred A dan gred A- untuk tahap I, tahap II dan tahap III masing-masing. Pencapaian Farah pada tahap III (B+) merupakan keputusan yang paling lemah antara ketiga-tiga tahap tersebut. Farah mengekspresikan perasaan “terkejut” dan “sedih” (Jrn/Farah/1Mac/Ruj.1.) ketika menerima keputusan tersebut. Meskipun begitu, Farah memberi pandangan yang positif terhadap keputusan tersebut seperti berikut:

“... saya telah melakukan sehabis baik untuk bahasa Mandarin III ini dan saya fikir keputusan itu melambangkan saya punya kejayaan walaupun sebelum ni saya mendapat A, saya rasa segan bila fikirkan semula ... dapat A tetapi bila tanya dalam Mandarin saya tidak dapat jawab dengan lancar, tidak boleh bertutur dalam Mandarin dengan baik ... jika dalam *result* menunjukkan keputusan yang cemerlang tetapi realitinya macam orang mendapat keputusan tercorot. Jadi saya rasa keputusan yang saya terima menggambarkan kebolehan saya sendiri bertutur dalam Mandarin. Tapi saya telah berazam dengan diri saya sendiri yang saya akan terus belajar Mandarin walaupun kelas Mandarin dah habis...”

(Jrn/Farah/1Mac/Ruj.1)

Nyata dilihat Farah menerima keputusan tersebut dengan hati terbuka. Beliau memberi pandangan tentang keputusan sebelumnya, iaitu beliau mendapat gred A dan gred A- pada tahap I dan II dalam bahasa Mandarin, tetapi beliau tidak dapat bertutur dengan lancar dan baik. Maka, beliau berpendapat gred B+ tersebut lebih menggambarkan kebolehan sebenar beliau dalam bahasa Mandarin. Farah seorang sahaja yang berpendapat keputusan akademik untuk bahasa Mandarin pada tahap III menggambarkan keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin.

Melini pula menerangkan beliau mendapat gred B+ pada tahap I, “sebab masa tu memang saya tak faham, memang *vocab* jarang baca semua kan” (TB1/Melini/Pnl/Ruj.1). Pada tahap II beliau lebih memahami perkara yang diajar dan meluangkan lebih masa untuk belajar jika dibandingkan dengan masa pada masa tahap I. Meskipun begitu, beliau tidak sangka keputusan peperiksaan beliau begitu merangsangkan (A) pada tahap II (TB1/Melini/Pnl/Ruj.1). Keputusan pencapaian Melini untuk bahasa Mandarin pada tahap III (A-) adalah di luar dugaan Melini kerana beliau mengatakan sekiranya mendapat gred C+ sudah memadai (TB3/Melini/Pcp/Ruj.8). Melini meluangkan perasaan beliau setelah keputusan bahasa Mandarin pada tahap III diumumkan seperti berikut:

“... saya terkejut dengan keputusan saya ... saya juga gembira dengan keputusan saya ... saya bersyukur dan saya rasa dengan keputusan dan usaha saya sangat berbeza ... mungkin kerana markah video kot yang tinggi membolehkan saya dapat A- untuk Mandarin 3 dari segi bertutur saya rasa saya tak patut dapat A ...”

(Jrn/Melini/28Apr13/Ruj1)

Kebolehan Melini dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini selama tiga semester dapat dirumuskan seperti berikut: “*Writing* memang tak sangat. Kalau mendengar saya ok, ok saje lah sederhana. Lepas saya dengar saya boleh faham. Bercakap *not full sentence*” (TB3/Melini/Pcp/ruj2). Melini menerangkan seterusnya “ ... kadang-kadang kalau kita tanya boleh, tapi kalau jawab saya macam *blur-blur* sikit,

tanya ok ” (TB3/Melini/Pcp/Ruj.3). Melini menyadari bahawa beliau sendiri yang “tak *apply* langsung apa yang saya belajar kat luar ... saya tak dapat bercakap tapi saya dapat mendengar, saya dengar saya faham, bercakap memang tak” (TB3/Melini/Pdgn.sdr/Ruj.5). Beliau mengatakan setakat ini cuma “Xiexie” yang beliau bercakap dengan kawan, memahami “Dujia” ketika menonton program televisyen setelah mengikuti ketiga-tiga tahap bahasa Mandarin di universiti ini (Jrn/Melini/18Apr13/Ruj.1).

Aiman dan Khamal juga berasa pencapaian akademik tersebut tidak menggambarkan keupayaan mereka untuk bertutur dalam bahasa Mandarin kerana pencapaian tersebut lebih baik daripada keupayaan pertuturan (TB3Aiman/Pcp/Ruj.7; TB3/Khamal/Pcp/Ruj/6). Aiman memberi pandangan pencapaian akademik pada tahap III (A-) seperti berikut:

“ ... saya berpuas hati dengan keputusan ... bagi saya keputusan ini menunjukkan setakat mana yang telah usaha tetapi dari segi bertutur, saya tidaklah fasih, saya hanya reti saya bertutur dalam bahasa Mandarin berkenaan dalam beberapa situasi sahaja.”

(Jrn/Aiman/27Mac/Ruj.1)

Aiman mengatakan “kita belajar untuk periksa, bukan belajar untuk orang kata kalau boleh bercakap, untuk periksalah periksalah” (TB1/Aiman/Pdg.psyrr/Ruj.5). Khamal bersependapat dengan Aiman dan merngatakan setelah mengikuti kursus bahasa Mandarin ini, cita-cita beliau untuk bercakap dengan lancar dalam bahasa Mandarin tidak tercapai. Beliau menerangkan masalah beliau seperti berikut:

“Sebab er ... saya buat benda ni, belajar untuk *level 1*, *level 2* untuk periksa je .. untuk lulus. Lepas tu dah habis *level* tu biarkan begitu je. Macam tak tak tak ada tak boleh nak *apply*, tulah sebabnya, sedih juga.”

(TB1/Khamal/Pcp/Ruj.2)

Belajar setakat untuk peperiksaan menyebabkan Aiman dan Khamal tidak dapat mengingat perkara yang dipelajari selepas peperiksaan (TB1/Aiman/Pdng.pnl/Ruj.1; TB3/Khamal/Pcp/Ruj.1). Sungguhpun begitu, Aiman mengatakan jika dibandingkan

dengan pelajar yang tidak pernah belajar bahasa ini, pelajar yang pernah belajar lebih mengetahui tentang bahasa Mandarin. Beliau melanjutkan penerangan tersebut dengan membandingkan subjek bahasa Mandarin dengan subjek lain dan menyatakan “*even course* subjek lain sebenarnya objektifnya juga tak sampai, sebab kita *study* untuk periksa” (TB1/Aiman/Pcp/Ruj.9).

Manakala Khamal berasa pencapaian beliau “biasa sahaja” kerana tidak pernah mendapat A untuk subjek ini, begitu juga dari segi penggunaannya sebab beliau jarang-jarang mengaplikasikan di luar kelas (TB3/Khamal/Pcp/Ruj.1). Setakat ini, Khamal berasa beliau mengingati sedikit kosa kata dalam bahasa Mandarin, jika hendak fasih bertutur beliau memerlukan usaha dari segi mempraktikkan ataupun kerap bertutur (TB1/Khamal/Pdgn.sdr/Ruj.4). Khamal menerangkan bahawa seseorang pelajar harus fokus dan berkomitmen terhadap perkara yang dibuat dan dipelajari, akan tetapi beliau lebih mementingkan subjek lain dan tidak berapa fokus terhadap subjek ini (TB3/Khamal/Pdgn.sdr/Ruj.1).

Sheila merupakan pelajar yang paling cemerlang antara kesembilan-sembilan pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Beliau mendapat gred A untuk ketiga-tiga tahap bahasa Mandarin. Sheila amat gembira dan berpuas hati dengan pencapaian akademik beliau untuk kursus bahasa Mandarin ini kerana beliau dapat menyekalkan keputusan beliau pada gred A untuk ketiga-tiga tahap bahasa Mandarin (Jrn/Sheila/29Mac13/Ruj.1). Sheila berasa beliau telah mencapai objektif beliau terhadap kursus bahasa Mandarin ini. Walaupun begitu, Sheila mengatakan pencapaian tersebut tidak menggambarkan kemahiran bertutur beliau dalam bahasa Mandarin. Beliau menerangkan pandangan tersebut seperti berikut:

“ ...I do not think that my results reflected my ability to converse in Mandarin. I think it only reflects the vocabulary that I know. Since I do not practice spoken Mandarin, I do not think that I can converse well in Mandarin despite how fluent I sound ... ”

(Jrn/Sheila/29Mac13/Ruj.1)

Sheila menerangkan pencapaian tersebut cuma menggambarkan penguasaan beliau dalam bahasa Mandarin dari segi kosa kata yang telah dipelajari dalam sukatan pelajaran. Ini kerana beliau tidak mengaplikasikan bahasa Mandarin di luar kelas. Memandangkan beliau tidak pernah berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian, beliau berasa beliau tidak dapat bertutur dengan baiknya dalam bahasa Mandarin . Sheila berasa masalah tersebut adalah “... rasanya salah saya sendiri sebab saya tak praktikkan sepertimana yang kursus ini harapkan saya praktikkan” (TB1/Sheila/Hrp.kus/Ruj.2).

Walaupun pencapaian akademik pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap yang memuaskan, akan tetapi apabila pelajar diminta untuk bertutur dalam bahasa Mandarin berdasarkan perkara yang dipelajari dalam kursus bahasa Mandarin semasa temu bual, Aiman, Khamal, Lisa dan Melini tidak dapat bertutur langsung dalam bahasa Mandarin (TB3/Aiman/Pcp/Ruj. 8; TB3/Khamal/Pcp/Ruj.2; TB3/Lisa/Pcp/Ruj.4; TB3/Melini/Pcp/Ruj.4). Farah, Daim dan Ehsan dapat bertutur beberapa ayat dalam bahasa Mandarin (TB3/Farah/Pcp/Ruj.4; TB3/Daim/Pcp/Ruj.6; TB3/Ehsan/Pcp/Ruj.13; TB3/Rizal/Pcp/Ruj.9). Antara kesembilan-sembilan pelajar, Sheila dapat bertutur paling banyak dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini (TB3/Sheila/Pcp/Ruj.1; TB3/Sheila/Pcp/Ruj.3).

Berikut merupakan pertuturan antara Farah dengan pengkaji berdasarkan kandungan untuk kursus ini:

S: Ok. 你好。

R:你好。

S:我叫 XX。我在瓜拉登嘉楼。我二十二岁了。我要 er .. 六个人 .. 我的家有六个人。Er ... apa lagi? Er .. tu je kot.

R: 有空的时候, 你喜欢做什么?

S: 有空的时候, 我喜欢看电视, 唱卡拉 OK, 上网.. 上网。

R: 你上网做什么? 你上网做什么?

S: 我上网 urm .. apa nak cakap? Cerita-cerita Mandarin, Korea. 韩国 .. 韩国片。

R: 你喜欢看韩国片吗?

S: 我喜欢看。

R: 为什么你喜欢看韩国片?
 S: 因为我觉得韩国片很精彩, 很幽默 er。。很感人。
 R: 为什么你喜欢看韩国片不过你学华语?
 S: Er .. 因为 .. er .. maybe artis dia tu handsome-handsome. 漂亮, 很英俊。
 R: Ok. 为什么你没有学韩语?
 S: Er .. 我 .. 我不 .. 我不喜欢看韩语 tapi ..
 R: 为什么你不学韩语? 学..
 S: 学 .. cakap? 因为 .. er .. engineering faculty doesn't have 不有韩语 ..
 R: 没有韩语。
 S: 没有韩语。
 R: Hmm .. 如果 engineering faculty 有韩语, 你会学吗? 你会学韩语吗?
 S: Yes. 是。
 R: 你学韩语不学华语?
 S: Er .. maybe.

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB3/Farah/Pcp/Ruj.4)

Berdasarkan pertuturan tersebut, didapati Farah dapat bertutur sekiranya beliau memahami kosa kata yang digunakan dalam ayat-ayat yang dipertuturkan. Ada kalanya Farah bertutur dalam bahasa yang lain kerana perkara yang ingin disampaikan Farah tidak terdapat dalam sukatan pelajaran ataupun terlupa satu dua kosa kata yang telah dipelajari. Ini bermakna sekiranya Farah ingin menguasai pertuturan dalam bahasa Mandarin, beliau perlu mengingati lebih banyak kosa kata yang telah dipelajari, malahan di luar sukatan pelajaran. Farah memberi 5 markah daripada 10 markah untuk menilai diri sendiri dari segi keupayaan beliau bertutur dan memahami pertuturan orang lain dalam bahasa Mandarin (TB3/Farah/Pcp/Ruj.6).

Berbanding dengan pertuturan Farah tersebut, selain daripada menjawab soalan, Daim dapat bertanya beberapa soalan dalam bahasa Mandarin ketika beliau disuruh untuk bertutur dalam bahasa Mandarin dengan pengkaji. Berikut ialah pertuturan pada masa itu:

S : Nak start en ... I start dengan greeting. 晚上好, 老师。
 R : 晚上好. 想不到在这里看到你, 你要去哪里?
 S : 我要去吉隆坡。。
 R : 你去吉隆坡做什么?

S: 我做买东西。
R: Oh, 你和谁去?
S: Ennn. .
R: 你和谁去?
S: Oh. . . 你和谁. . . 你和?
R: 你和谁去?
S: tak ingat.
R: Dengan siapa.
S: Ok. 我和我的哥哥。 En .. 老师, 你要去哪里?
R: 我要回老家。
S: Oh . . . en . . . en . . . 老师的老家在哪里?
R: 我的老家在麻坡。你去过麻坡吗?
S: En
R: 你去过麻坡吗?
S: 我有去过。
R: 麻坡。
S: 麻坡。
R: Oh, 你和谁去麻坡?
S: En 我 . . . boleh ulang tak?
R: Ok, 你和谁谁去麻坡?
S: 我和我的家人。
R: 家人 en . . . en 你怎么去麻坡? 你怎么去麻坡?
S: 你怎么去麻坡? . . .
R: 怎么去? . . . how you go?
S: Oh, 我和我的家人去麻坡做飞机场。
R: 麻坡没有飞机场. . . ha ha . . .
S: Oh (senyum) 我和我的家人坐巴士. . .
R: 坐巴士去麻坡, ok, 麻坡的环境怎么样? 麻坡的环境怎么样?
S: Oh, 麻坡的环境很美。
R: 环境?
S: 环境。
R: 风景很美, 环境? 环境很清静? 很热闹?
S: Oh . . .
R: 你喜欢麻坡吗?
S: 我喜欢 . . . 我喜欢吃 . . .
R: No, 你喜欢麻坡吗?
S: Oh, 我很喜欢麻坡。

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB3/Daim/Pcp/Ruj.6)

Daripada pertuturan tersebut, didapati sekiranya Daim dapat menguasai dan mengingati kosa kosa yang telah beliau pelajari, beliau boleh bertutur dengan lebih baik dalam bahasa Mandarin. Ini dapat dilihat sekiranya terdapat kosa kata yang Daim tidak memahami dalam pertuturan, apabila diberitahu maksudnya dalam bahasa lain, beliau

dapat menjawab dalam bahasa Mandarin. Tambahan, Daim boleh bertutur dalam bahasa Mandarin sekiranya perbualan berkenaan adalah dalam ruang lingkup kosa kata yang pernah beliau pelajari. Namun, beliau tidak memahami perbualan drama dalam bahasa Mandarin yang disiarkan dalam televisyen setelah mengikuti kursus bahasa Mandarin ini (Jrn/Daim/20Mac/Ruj.1).

Ehsan dapat bertanya dua tiga soalan dan menjawab beberapa soalan dengan pengkaji berkenaan dengan kandungan yang telah dipelajari dalam sukatan pelajaran kursus ini pada masa temu bual ketiga. Berikut ialah pertuturan pada masa tersebut:

- S: 老师, 不见不散, 你好吗?
R: 不见不散 sudah nak bersurai.
S: Eh bukan, apa ...
R: 好久不见。
S: Ngah, 好久不见, 你好吗?
R: 我很好, 你呢?
S: 我很好。你 ... 我已经没有看到老师 ngah, 老师老师我已经 sudah saya sudah, 我已经 en ... apa lg ... tanya ...
R: 你要去哪里? 你要去哪里?
S: 我去我的家。我我的我没有, 我没有 er 上 er 我我没有上课。Er 老师老师 ... apa ini tak ingat ... 老师忙吗?
R: 还好, 不忙。你怎么回家? 你怎么回家?
S: 我坐我坐摩托车回家, 老师没有上课吗?
R: 没有, 现在大学放假。现在大学放假。
S: 放假, oh.
R: 老师没有上课。从这里坐摩托车到你的家多久?
S: 从这里到, 从这里坐摩托车到我的家 er ... 多久, jauh ... oh 从这里坐摩托车到我的家要 er ... 一分钟。
R: 一分钟, 这么近。
S: No.
R: 一小时?
S: Er hour er 一 ... 三 ...
R: 一小时。
S: 一小时。

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB3/Ehsan/Pcp/Ruj.13)

Ehsan salah guna “不见不散” dalam perbualan tersebut. Beliau dapat bertutur serba sedikit dalam bahasa Mandarin namun beliau terlupa atau salah guna beberapa kosa kata semasa perbualan.

Bagi Rizal pula, beliau dapat menjawab beberapa soalan ketika bertutur dengan pengkaji dalam bahasa Mandarin. Berikut ialah perbualan antara Rizal dengan pengkaji tentang kandungan kursus bahasa Mandarin yang telah beliau pelajari:

R: 你住在哪里?
S: 我住在砂拉越。
R: 你几岁了?
S: Er..我我我我二十二岁了。
R: 你去哪里买东西?
S:。。。。。。。。
R: 你去哪里买东西?
S: 我去我去 er.. XX 工艺大学。
R: 买东西?
S: 买东西。买。。。东西。。。er。。。
R: 你喜欢吃什么?
S: Er。。。我喜欢吃 er。。。吃。。。炒粿条。
R: 有空的时候, 你喜欢做什么?
S: 有空的时候, 我喜欢做 er。。。跑步。
R: 你去哪里跑步?
S: 我去跑步。。。

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB3/Rizal/Pcp/Ruj.9)

Daripada perbualan tersebut nyata menunjukkan Rizal terlupa banyak kosa kata. Oleh kerana tidak mengetahui maksud kosa kata dalam bahasa Mandarin, Rizal tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan dalam bahasa Mandarin atau berdialog dalam bahasa Mandarin.

Daripada sembilan pelajar yang menyertai kajian ini, Sheila merupakan pelajar yang mencapai keputusan akademik dan kemahiran bertutur yang paling baik. Sheila dapat memperkenalkan diri sendiri dan keluarganya dalam bahasa Mandarin seperti berikut:

“Em ... 大家好, 我的 er ... 我叫 XX, 我在 ... 我是二十岁了 ... 我 ... 我是 XX 大学的学生, er ... em ... er ... 我家有我家有六个人, 我有妈妈, 爸爸, 还有三个弟弟。我的爸爸做老师的工作, 我的妈妈是 apa ini lecturer 在 UTM, em ... 我的弟弟们是同学。有空的时候, 我。。我看我看华语综艺节目, 还有我听 em ... er ... em ... 我喜欢听英语的 “muzik”, em。。我是同学在 XX 大学。我喜欢吃鸡饭, er ... er ...”

(TB3/Sheila/Pcp/Ruj.1)

Sheila dapat menggunakan beberapa ayat dalam bahasa Mandarin untuk memperkenalkan diri sendiri dan keluarganya sungguhpun terdapat kesilapan dari segi tata bahasa dan salah guna kosa kata, contohnya pelajar ialah “xuesheng” beliau gunakan “tongxue” yang bermaksud rakan sekelas. Selain daripada itu, Sheila telah membuat satu perbualan tentang panggilan telefon dengan pengkaji seperti di bawah:

- S: 你好, em ... em ... 老师在吗?
R: 在, 我是老师, 你是谁?
S: 我是 XX。
R: 你找我有什么事吗?
S: Er ... 我要。。
R: 你找我有什么事吗?
S: 我找你 ... 因为我要约你陪我买东西在乐天购物中心。
R: 什么时候你要去买东西?
S: Er ... er ... 下个星期。你有空时候吗?
R: 下个星期我没有空。
S: Er ... 你 ...
R: 这个星期可以吗?
S: 这个星期, 可以。
R: 可以, 几点?
S: 几点 em ... 二十点 eh 十二点。
R: 我们在哪里见面?
S: 见面 er ... 我们外面见乐天购物中心见面。
R: 你怎么去呢?
S: 怎么去 ... er ... 我坐巴士去。
R: Oh, 那我, 我也坐巴士去。我们在巴士车站见, 好吗?
S: Er ... 好啊。Er ...
R: 我们在莎阿南的巴士车站见面, 可以吗?
S: 可以。

*(S - Pelajar; R - Pengkaji)

(TB3/Sheila/Pcp/Ruj.3)

Daripada perbualan tersebut, dapati Sheila telah menguasai sebahagian kosa kata dalam sukatan pelajaran kursus bahasa Mandarin ini. Namun beliau cenderung membina ayat berdasarkan struktur ayat dalam bahasa Melayu. Ini menyebabkan beliau melakukan kesilapan dalam struktur ayat bahasa Mandarin, contohnya “Women waimian jianmian Letian Gouwu Zhongxin jianmian”. Ayat itu adalah salah dari segi struktur ayat dalam

bahasa Mandarin. Ayat yang betul ialah “Women zai Letian Gouwu Zhongxin waimian jianmian” (TB3/Sheila/Pcp/Ruj.3).

Sheila berasa “kecewa dan marah” (Jrn/Sheila/12Sept/Ruj.1) terhadap diri sendiri kerana beliau tidak dapat mengingat kosa kata dalam buku teks dengan cepat seperti beliau belajar pada tahap I dan II. Beliau tidak membuat ulang kaji bahasa Mandarin sebaik sahaja selepas kelas Mandarin seperti biasa. Sheila mengatakan minat terhadap bahasa Mandarin masih ada tetapi keghairahannya telah hilang. Beliau juga berasa beban untuk belajar bahasa Mandarin serta mendapat gred A untuk tahap III (Jrn/Sheila/12Sept/Ruj.1). Perasaan Sheila terhadap kursus ini agak kompleks. Sheila berasa kecewa dan tertekan kerana tidak dapat menguasai kebanyakan pengajaran setelah mengikuti kursus ini, sebaliknya beliau juga sedih dan akan merindui kelas bahasa Mandarin kerana semester ini merupakan semester terakhir untuk kursus bahasa Mandarin ini (Jrn/Sheila/12Sept/Ruj.1).

Kesimpulannya, pelajar berpendapat bahawa pencapaian akademik masing-masing adalah lebih baik daripada keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus ini. Hal ini seperti yang diujahkan oleh Henderson dan Gornik (2007), yakni pencapaian penilaian akademik yang baik tidak semestinya menggambarkan keupayaan mengaplikasikan pengetahuan ataupun kemahiran berkenaan dalam kehidupan.

4.8 Kesejajaran dan Ketidaksejajaran antara Kurikulum Bertulis dengan Kurikulum Pengajaran dan Kurikulum Dipelajari

Bahagian ini menjawab soalan kajian ketiga iaitu tentang kesejajaran dan ketidaksejajaran antara kurikulum bertulis bahasa Mandarin dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari, yakni pelaksanaan kurikulum bertulis bahasa Mandarin di Institusi Pengajian Tinggi.

Dokumen kurikulum bertulis kursus ini mengatakan setelah mengikuti kursus ini, pelajar akan menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Mandarin dan bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam komuniti. Pelajar melatih bertutur melalui aktiviti bahasa seperti lakon peranan, perucapan, simulasi dan lain-lain lagi aktiviti lisan yang berkenaan dalam kelas. Di samping itu, pengajaran kosa kata dan tatabahasa yang bersesuaian dengan tahap permulaan juga diamalkan (Informasi Kursus Bahasa Mandarin III, 2011).

Namun, melalui perbincangan dalam bab ini, didapati terdapat kesejajaran dan ketidaksejajaran kurikulum bertulis bahasa Mandarin pada tahap III dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajar dalam kelas Hanna, Sophia dan Terry. Ketiga-tiga pensyarah anggap kurikulum bertulis sebagai dokumen rujukan atau panduan untuk menjalankan penilaian dan pengajaran, akan tetapi apabila merancang dan menyediakan pengajaran, mereka melakukannya berdasarkan kepercayaan masing-masing terhadap kursus ini.

Hanna mengatakan kurikulum ialah “satu rancangan untuk pensyarah dan panduan tentang apakah kandungan yang sepatutnya disampaikan kepada pelajar” (TB1/Hanna/Kurr.tgp/Ruj.1), “termasuk rancangan dan panduan untuk ujian-ujian, apa yang penting, apa yang perlu diajar” (TB1/Hanna/Kurr.tgp/Ruj.2). Namun Hanna, Sophia dan Terry setakat menyelak-nyelak dokumen kurikulum bertulis, tidak merujuk kepada dokumen tersebut untuk merancang dan melaksanakan kurikulum pengajaran.

Ketiga-tiga pensyarah lazimnya tidak menyedari bahawa kepercayaan mereka terhadap kursus ini tidak sejajar dengan keperluan pelajar dan perkara yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Hanna mempercayai pelajar memerlukan pengetahuan dan informasi mendalam tentang penggunaan kosa kata baharu dan tatabahasa (TB2/Hanna/Pdgg/Ruj.2), padahal pelajar mengatakan mereka tidak dapat menyerap terlalu banyak maklumat dalam satu kelas (Jrn/Aiman/21Sept/Ruj.1;

TB2/Daim/Pdgn.psyrr/Ruj.1). Secara amnya, peluang untuk pelajar melibatkan diri dalam kelas Hanna biasanya adalah apabila Hanna menyuruh pelajar mengikut beliau membaca senarai kosa kata ataupun dialog dalam buku teks (TB1/Hanna/Pdgg/Ruk.11). Akan tetapi, aktiviti tersebut bukan aktiviti kelas seperti yang dinyatakan dalam dokumen kurikulum bertulis untuk kursus ini.

Setiap kali setelah menghadiri kelas bahasa Mandarin, perkara yang pelajar mempelajari setakat memahami maksud kosa kata baharu dan struktur ayat dalam bahasa Mandarin. Aiman mengatakan pengajaran Hanna lebih kepada “ cara-cara penggunaan perkataan itu dalam komunikasilah” (TB1/Aiman/Bab.ttt/Ruj.3). Pelajar memerlukan latihan yang melibatkan komunikasi secara langsung yang berkaitan dengan situasi yang dipelajari dalam kelas untuk membina keyakinan sebelum diaplikasikan dalam kehidupan harian (TB3/Ehsan/Cdgn/Ruj.1). Daripada penerangan tersebut, jelas dilihat pelajar berharap mempunyai peluang mempraktikkan perkara yang dipelajari melalui aktiviti dalam kelas seperti yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis tersebut. Justeru itu, Aiman mencadangkan masa dalam kelas sepatutnya menggunakan 60% masa untuk pengajaran dan 40% diperuntukkan untuk aktiviti pelajar (TB1/Aiman/Cdgn/Ruj.2).

Hanna menerangkan bahawa beliau tidak ada pilihan lain, kerana bilangan pelajar ramai, sukatan pelajaran dan penilaian yang harus dijalankan dalam masa 14 minggu adalah banyak. Tambahan lagi, cuti am juga mempengaruhi progress pengajaran. Maka beliau sentiasa menghadapi masalah kekangan masa untuk memastikan kandungan untuk penilaian telah disampaikan kepada pelajar sebelum tarikh peperiksaan yang ditetapkan (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.9). Hanna memberi komen bahawa masa yang diperuntukkan untuk kursus bahasa Mandarin cuma sekali seminggu dan selama dua jam sahaja memang tidak mencukupi untuk memberi lebih peluang kepada pelajar untuk bertutur dalam kelas (TB1/Hanna/Pdgg/Ruj.6). Hanna mengakui

bahawa “... saya masih tidak dapat mencari masa untuk biar pelajar bertutur dalam kelas...” (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.3).

Sophia juga mementingkan pengajaran kosa kata dan tatabahasa dalam kelas, namun beliau tidak menerangkan secara terperinci seperti Hanna. Selain daripada itu, kaedah pengajaran Sophia lebih kreatif dan sentiasa berubah mengikut keperluan keadaan jika dibandingkan dengan Hanna dan Terry. Sophia mengatakan bahawa pelaksanaan kurikulum pengajaran beliau sentiasa berubah mengikut keadaan kelas dan pelajar:

“ kadang-kadang tengok kelas, kadang-kadang letak PP pelajar tak dengarlah kita mengajar, bila mereka tulis dia belajar, kalau PP dia salin pun tak salin minta “laoshi” bagi PP. So dalam kelas dia pun main-main, jadi tengok kelas juga, ada kelas kalau banyak yang macam itu, better tulislah, PP itu untuk gambar-gambar, audio ke, lagu ke kita pasangkan”.

(TB2/Sophia/Pydn/Ruj.2)

Sekiranya kelas pada waktu petang, dan kelas berkenaan mempunyai kemudahan untuk memasang lagu, beliau akan melaksanakan latihan seperti mengisi lirik lagu demi menghalau perasaan mengantuk pelajar (TB2/Sophia/Pydn/Ruj.3).

Sophia pernah mengaplikasikan aktiviti kelas seperti aktiviti kumpulan, aktiviti soal jawab, *brainstorming* dan lain-lain lagi yang melibatkan pelajar secara aktif untuk mengaplikasikan perkara yang dipelajari dalam kelas. Namun, masa dan aktiviti seperti tersebut tidak mencukupi untuk mencapai objektif kursus agar pelajar dapat bertutur dalam bahasa Mandarin. Malahan, aktiviti kelas yang melibatkan interaksi pelajar dan mengaplikasikan bahasa Mandarin dalam kelas Sophia juga masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pelajar seperti yang diulaskan oleh Lisa dan Sheila (TB3/Lisa/Pdgn.psyrr/Ruj.6; TB3/Sheila/Pdgn.psyrr/Ruj.1) dan yang dinyatakan dalam dokumen kurikulum bertulis. Sehubungan dengan itu, Sophia memberi markah 70% untuk diri sendiri terhadap kesejajaran kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran beliau dalam kelas bahasa Mandarin (TB3/Sophia/Ksjj.kurr/Ruj.1). Sophia

menerangkan selanjutnya bahawa 30% pengajarannya tidak sejajar dengan kurikulum bertulis kerana kekekangan masa (TB3/Sophia/Ksjj.kurr/Ruj.2) sebab “... yang ada sekarang kita *just* sampaikan vocab-vocab yang baru, lepas itu buat latihan, lepas itu menulis karakter, tapi macam *content* apa yang mereka belajar itu macam *communicate* itu macam masa tak gunakan nak suruh secara individu, nak bercerita tak cukup masa, *apply* terus perbualan” (TB1/Sophia/Pdgg/Ruj.4).

Manakala Terry “... biasa menumpu kepada sebutan pelajar ...” (TB1/Terry/Pydn/Ruj.3) dalam pengajarannya. Beliau sentiasa membetulkan sebutan pelajar sehingga beliau berpuas hati terhadap sebutan pelajar. Sehubungan dengan itu, setiap kosa kata sekurang-kurangnya akan dibaca sebanyak dua kali oleh pelajar. Beliau menerangkan selanjutnya bahawa masa dalam kelas ialah satu-satu masa yang beliau berpeluang untuk membetulkan sebutn pelajar (TB3/Terry/Pnl/Ruj.3). Namun, Melini berasa membaca beramai-ramai dalam kelas tidak dapat mengesan kesilapan sebutan seseorang, beliau mengatakan “... dia suruh baca satu kelas, dia tak ada macam dua orang baca, dia tak ada. *So* kita dengar semua satu kelas, kalau kita salah kita pun tak tahu ...” (TB1/Melini/Pdgn.psyrr/Ruj.4). Dari segi pandangan pelajar, kaedah Terry untuk membetulkan sebutan pelajar tersebut tidak berkesan.

Sepanjang masa pengajaran Terry, Terry pernah mengaplikasikan beberapa aktiviti kelas seperti soal jawab dan aktiviti berpasangan dalam kelas, namun aktiviti tersebut dilaksanakan sekali sahaja dan secara sepintas lalu. Farah mengatakan pengajaran Terry cenderung kepada membolehkan pelajar memahami dan membaca bahan pengajaran, beliau berharap Terry dapat memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan interaksi dalam kelas kerana aktiviti tersebut akan memanfaatkan pelajar (TB1/Farah/Bab.ttt/Ruj.16). Khamal mengatakan terdapat interaksi dalam kelas Terry tetapi dalam bahasa Melayu, jarang-jarang mereka menggunakan bahasa Mandarin dan pelajar tidak diberi peluang untuk bertutur dalam kelas. Pensyarah yang monopoli

pertuturan dalam kelas (TB1/Khamal/Pglm/Ruj.12; TB1/Khamal/Pglm/Ruj.12). Pelajar setakat memahami pengajaran Terry dalam kelas tetapi tidak mempraktikkan di dalam dan di luar kelas. Terry menyedari kepentingan aktiviti kelas untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari dalam kelas dengan memberi cadangan bahawa peruntukan masa untuk mengendalikan kelas yang ideal ialah 30% masa digunakan untuk pengajaran, dan 70% masa digunakan untuk aktiviti pelajar (TB3/Terry/Pnl/Ruj.1).

Umumnya, kebanyakan masa dalam kelas bahasa Mandarin Hanna, Sophia dan Terry masing-masing digunakan untuk menerangkan kosa kata, tatabahasa dan membetulkan sebutan pelajar. Ketiga-tiga pensyarah menerangkan kekangan masa yang menyebabkan mereka mengabaikan aktiviti kelas yang dinyatakan dalam kurikulum bertulis. Hanna, Sophia dan Terry masing-masing mengakui bahawa pengajaran mereka cenderung kepada pengajaran berpusatkan guru, malahan Terry mengatakan beliau masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional (TB3/Hanna/Pdgg/Ruj.9; TB3/Sophia/Pdgg/Ruj.5; TB1/Terry/Pydn/Ruj.5).

Selain itu, didapati kaedah pengajaran ketiga-tiga penayarah tersebut lebih cenderung kepada kaedah pengajaran bahasa nahu terjemahan yang mementingkan pengajaran tatabahasa, bukan kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar seperti kaedah pengajaran bahasa komunikatif, kaedah pengajaran bersituasi, kaedah pengajaran berasaskan tugas dan lain-lain kaedah yang melibatkan stail pembelajaran aktif (Celce-Murcia, 2001). Objektif kaedah pengajaran nahu terjemahan adalah untuk menghayati kesusasteraan (Stern, 1984), dan kesan pelaksanaan kaedah pengajaran tersebut ialah pelajar tidak mempunyai keupayaan berkomunikasi dalam bahasa sasaran (Celce-Murcis, 2001). Jadi, pengaplikasian kaedah pengajaran Hanna, Sophia dan Terry tersebut yang dipercayai akan memanfaatkan pelajar oleh pensyarah, tidak sesuai dan sejajar dengan pelaksanaan kurikulum bertulis untuk kursus ini. Menurut Snyder et.al. (1992) kurikulum tidak pernah dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi telah

diadaptasi oleh pengguna kurikulum terutamanya guru. Ini kerana kurikulum pengajaran dipengaruhi oleh kefahaman guru terhadap falsafah panduan kurikulum bertulis (Moore, 1984; Weisz, 1988).

Sungguhpun begitu, selain daripada kurikulum pengajaran yang mempengaruhi kurikulum dipelajari pelajar, perlakuan dan sikap pelajar juga mempengaruhi kesejajaran kurikulum antara ketiga-tiga jenis kurikulum. Khamal mengulaskan keupayaan pelajar belajar bahasa Mandarin adalah terpulang kepada individu kerana “saya ni saya otak memang lambat, kena banyak kali ... sebab saya punya kawan dia belajar Mandarin sekali saja, dia lepas kelas itu tak *study*, sampai kuiz pun tak *study*, tapi dia boleh jawab soalan sebab dia ingat ...” (TB2/Khamal/Pdgn.sdr/Ruj.3). Manakala Melini mengatakan “walaupun saya belajar *last* minit, saya senang faham, saya senang ingat” (TB1/Melini/Pnl/Ruj.1). Sheila dan Lisa mengatakan tanggungjawab dan komitmen pelajar adalah penting dalam proses untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari.

Selain daripada keupayaan individu, minat juga akan merangsangkan seseorang untuk melakukan sesuatu dengan gigih. Melini menyedari kepentingan minat walaupun umumnya pelajar belajar demi peperiksaan, beliau mengatakan “kalau tak ada minat susah ... bila terpaksa jadi malas ... belajar untuk *exam*. Mula-mula belajar untuk *exam* tapi kalau tak minat nak *exam* pun rasa macam biarlah asalkan lulus...” (TB1/Melini/Pglm/Ruj.44). Umumnya, kesembilan-sembilan pelajar memahami adalah penting untuk mempraktikkan bahasa Mandarin dalam kehidupan harian demi menguasai kemahiran bertutur. Namun halangan utama untuk melakukan latihan tersebut termasuk penguasaan kosa kata yang mencukupi untuk bertutur terhadap konteks tertentu, takut melakukan kesalahan, malu dan segan untuk bertutur dengan penutur natif (TB1/Daim/Pglm/Ruj.38; TB1/Khamal/Msl/Ruj.1; B1/Khamal/Msl/Ruj.3;

TB1/Melini/Cdgn/Ruj.1;TB1/Rizal/Pglm/Ruj.16;TB1/Aiman/Pglm/Ruj.13;TB1/Sheila/Pdgn.sdr/Ruj.1; TB1/Farah/Pglm/Ruj.27).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin pada tahap III untuk Hanna, Sophia dan Terry masih mencapai kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dari segi habis mengajar semua kandungan sukatan pelajar termasuk penilaian yang ditetapkan dalam kurikulum bertulis.